



NEGERI PULAU PINANG

MINIT PERSIDANGAN

**MESYUARAT KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**2 NOVEMBER 2017,
6 NOVEMBER 2017 HINGGA 14 NOVEMBER 2017**

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**



**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**2 NOVEMBER 2017,
6 NOVEMBER 2017 HINGGA 14 NOVEMBER 2017**

Kandungan	Muka Surat
Minit Persidangan 2 November 2017 (Khamis)	1
Minit Persidangan 6 November 2017 (Isnin)	85
Minit Persidangan 8 November 2017 (Rabu)	89
Minit Persidangan 9 November 2017 (Khamis)	94
Minit Persidangan 10 November 2017 (Jumaat)	100
Minit Persidangan 13 November 2017 (Isnin)	106
Minit Persidangan 14 November 2017 (Selasa)	113

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 2 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Datuk Sr Dr Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
34.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37.	YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 10.00 pagi.

1. DOA

2. PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mengumumkan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu mendiang Balasundram A/L Kanagaratnam telah meninggal dunia pada 15 Ogos 2017. Mendiang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Datok Keramat mulai 21 Oktober 1990 hingga 5 April 1995.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan bahawa T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan 2 November 2017 sebagai hari permulaan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas melalui perisytiharan bertarikh 30 Ogos 2017 yang telah diwartakan pada 14 September 2017. Pada sesi ini Dewan akan menimbang 76 soalan lisan dan 654 soalan bertulis, dua (2) Rang Undang-Undang dan dua (2) Usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

3. PEMBENTANGAN RISALAH-RISALAH

Risalah-Risalah Bilangan 4 hingga 16 Tahun 2017 seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

- | | | |
|--------------------|---|--|
| Bil. 4 Tahun 2017 | - | Bajet Tahun 2018 Negeri Pulau Pinang
Mengurus dan Pembangunan Negeri Pulau Pinang |
| Bil. 5 Tahun 2017 | - | Bajet Tahun 2018 Negeri Pulau Pinang
Perjanjian Program |
| Bil. 6 Tahun 2017 | - | Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang Tahun 2016 |
| Bil. 7 Tahun 2017 | - | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Mengenai Pengurusan
Aktiviti/Kewangan Jabatan / Agensi dan Pengurusan Syarikat
Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Siri 1) |
| Bil. 8 Tahun 2017 | - | Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang
Free Tahun 2016 |
| Bil. 9 Tahun 2017 | - | Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)
Tahun 2016 |
| Bil. 10 Tahun 2017 | - | Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)
Tahun 2016 |
| Bil. 11 Tahun 2017 | - | Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Pulau Pinang Tahun 2016 |
| Bil. 12 Tahun 2017 | - | Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau
Pinang Tahun 2016 |
| Bil. 13 Tahun 2017 | - | Penyata Kewangan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang
Tahun 2016 |

- Bil. 14 Tahun 2017 - Penyata Kewangan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang Tahun 2016
- Bil. 15 Tahun 2017 - Penyata Kewangan Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016
- Bil. 16 Tahun 2017 - Penyata Kewangan Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

5. SOALAN-SOALAN BERTULIS

I. Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

1. Tong Sampah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP):
 - (a) Sila senaraikan lokasi tapak tong sampah milik MPSP di seluruh Parlimen Kepala Batas. Pecahkan mengikut DUN dan jumlah tong.
 - (b) Adakah pihak MPSP sentiasa memantau tapak tersebut samaada sentiasa bersih?
 - (c) Apakah perlu diletakkan tong yang lebih besar di sesetengah kawasan bagi menampung sampah yang banyak?

2. Naiktaraf Perparitan di Jalan Perak Permatang Bertam:
 - (a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang menaiktaraf parit berkenaan bermula Pekan Kepala Batas ke Pajak Song setelah satu lawatan pada tahun 2013?
 - (b) Berapakah kos yang diperlukan dan nyatakan dari manakah sumber?
 - (c) Mengapakah perlu mengambil masa yang lama? Nyatakan sebab secara terperinci.

3. Pembaikan Rumah (Zakat Pulau Pinang):
 - (a) Sila senaraikan jumlah penerima pembaikan rumah di dalam DUN Bertam bermula tahun 2013 lengkap dengan nama, alamat dan kos.
 - (b) Apakah syarat kelayakan yang perlu bagi setiap permohonan?
 - (c) Nyatakan peratusan permohonan dan rumah yang telah siap dibaiki.

4. Pembangunan Institusi Huffaz:
 - (a) Berapakah jumlah Sekolah Tahfiz di Negeri Pulau Pinang? Senaraikan Nama dan jumlah pelajar mengikut daerah.
 - (b) Apakah akan ada penambahan Sekolah Tahfiz? Jika ada nyatakan tempat dan kos?
 - (c) Berapakah peruntukan yang disalurkan kepada Sekolah Tahfiz berkenaan sejak 2013? Pecahkan antara peruntukan Negeri dan Persekutuan.

5. Bantuan Peralatan Nelayan:
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri ada menyalurkan bantuan peralatan untuk nelayan di DUN Bertam? Jika ada senaraikan jenis peralatan dan kos.
 - (b) Apakah semua nelayan yang berdaftar mendapat pukat percuma? Jika ada senaraikan nama dan tarikh penyerahan.
 - (c) Adakah masih ada yang tercicir? Jika ada, apakah sebabnya?

6. Penguatkuasaan Larangan Merokok :
 - (a) Nyatakan kawasan manakah yang digazet sebagai kawasan larangan merokok? Senaraikan mengikut pecahan DUN.
 - (b) Apakah ada kempen yang meluas tentang bahayanya merokok? Senaraikan nama kempen beserta tarikh dan tempat.
 - (c) Apakah jenis hukuman yang dikenakan kepada rakyat yang melanggar larangan tersebut? Sila senarai jumlah hukuman.

7. Kilang-kilang Haram :
 - (a) Adakah pihak MPSP mengenalpasti kilang haram yang wujud di Parlimen Kepala Batas? Jika ada, senaraikan mengikut DUN.
 - (b) Apakah tindakan yang dikenakan kepada kilang yang didapati beroperasi secara haram?
 - (c) Berapakah kilang yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 di Pulau Pinang? Senaraikan nama mengikut DUN.

8. Gelanggang Futsal Belia :
 - (a) Sila senaraikan jumlah gelanggang futsal di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut DUN.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri memberi peruntukan bagi pembinaan gelanggang tersebut. Sila pecahkan peruntukan persekutuan dan negeri?
 - (c) Jika ada yang ingin memohon, bagaimanakah prosedur dan cara permohonan boleh dibuat?

9. Perkhidmatan Veterinar :
 - (a) Sila nyatakan bilangan doktor veterinar yang bertauliah di sektor awam dan swasta mengikut daerah.
 - (b) Adakah bilangan doktor tersebut mencukupi untuk menangani penyakit berjangkit seperti anjing gila?
 - (c) Berapakah jumlah kes anjing gila yang dilaporkan dan apakah dapat diatasi? Senaraikan mengikut daerah.

10. Pendaftaran Pernikahan :
 - (a) Berapakah kes permohonan perkahwinan bawah umur sejak 2013-2017? Sila senaraikan mengikut daerah.
 - (b) Berapakah pendaftaran pernikahan di luar negara? Pecahkan mengikut daerah.
 - (c) Senaraikan jumlah pendaftaran pernikahan dengan warga luar negara mengikut daerah. Apakah prosedur yang perlu diikuti dan berapa tempoh masa kelulusan bagi setiap permohonan?

11. Rumah Warga Emas :
 - (a) Berapakah jumlah rumah warga emas yang terdapat di Pulau Pinang? Pecahkan nama, alamat dan bilangan penghuni mengikut DUN.
 - (b) Apakah semua rumah warga emas tersebut mendapat pembiayaan kerajaan persekutuan dan negeri? Jika ya, nyatakan jumlah peruntukan.
 - (c) Apakah ada perancangan untuk menambah rumah warga emas?

12. Gerai Milik MPSP:
 - (a) Berapakah jumlah gerai yang dibawah seliaan MPSP? Senarai nama dan tempat mengikut DUN.
 - (b) Adakah semua gerai tersebut disewa sepenuhnya? Senaraikan jumlah yang sudah disewa dan belum disewa.

- (c) Berapakah kos sewaan yang dikenakan kepada penyewa? Senaraikan secara terperinci.
13. Perumahan di Pulau Pinang:
- Berapakah projek perumahan yang dibangunkan di Pulau Pinang? Sila pecahkan mengikut projek yang telah, sedang dan akan dilaksanakan.
 - Nyatakan jumlah pemohon sejak 2013 hingga 31 Oktober 2017. Senaraikan nama mengikut DUN.
 - Berapakah permohonan yang gagal daripada penduduk DUN Bertam? Nyatakan sebab ditolak.
14. Hari Sukan Negara:
- Apakah Kerajaan Negeri juga mengadakan program dan aktiviti sempena Hari Sukan Negara? Senaraikan nama program beserta tarikh dan tempat sejak diperkenalkan.
 - Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri yang dibelanjakan? Senaraikan mengikut tahun.
 - Adakah Kerajaan Persekutuan juga menyalurkan peruntukan khas? Sila nyatakan jumlah dan pecahan program.
15. Kakitangan MPSP:
- Nyatakan jumlah pekerja kontrak MPSP. Pecahkan mengikut jabatan dan bahagian.
 - Adakah pekerja kontrak akan diberi kelayakan perjawatan tetap setelah satu-satu tempoh berkhidmat? Jika ada apakah kelayakan yang diperlukan?
 - Berapa ramai pekerja kontrak yang tidak disambung perkhidmatan sejak 2013? Nyatakan sebab-sebab perkara ini boleh berlaku.
16. Taman Permainan Kanak-kanak :
- Adakah MPSP menerima permohonan pembaikan Taman Permainan Kanak-kanak di Taman Haji Abdullah Fahim Fasa 1?
 - Jika ada, apakah telah diperbaiki atau dinaiktaraf? Nyatakan kos penyelenggaraan dan kerja pembaikan.
 - Adakah MPSP sentiasa memantau atau setiap pembaikan dan naiktaraf memerlukan permohonan daripada penduduk setempat?
17. *Bumping Road* :
- Apakah JKR ada menerima permohonan Bumping di Simpang Tiga, Kampung 40, Taman Kuala Bekah?
 - Jika ada, bilakah akan dilaksanakan memandangkan kekerapan berlakunya kemalangan jalan raya?
 - Berapakah kos yang diperlukan dan berapakah tempoh masa untuk menyiapkan kerja-kerja naiktaraf jalan berkenaan?
18. Hotspot Penang Free Wifi:
- Merujuk kepada soalan pada sidang yang lalu, hotspot yang dipasang dalam DUN Bertam sebanyak 10 lokasi. Apakah ada penambahan? Jika ada, senaraikan terperinci.
 - Adakah 10 lokasi tersebut telah dinilai semula untuk pertukaran ke lokasi baru?
 - Berapakah kos yang dibelanjakan bagi setiap lokasi?

19. Slogan *Cleaner, Greener, Safer and Healthier*:
- Tahun 2017 merupakan tahun ke 7 slogan tersebut dilancarkan, apakah kejayaan dan pencapaian bagi Negeri Pulau Pinang di peringkat Kebangsaan mahupun Antarabangsa?
 - Apakah ada kempen secara menyeluruh di setiap daerah atau DUN? Huraikan terperinci.
 - Nyatakan kos yang dibelanjakan sejak ianya dilancarkan?
20. Sektor Perlancongan di Pulau Aman:
- Apakah Kerajaan Negeri berhasrat membangunkan Pulau Aman sebagai pusat perlancongan baru?
 - Berapakah peruntukan yang disalurkan untuk menaiktaraf jalan dan longkang di seluruh Pulau Aman? Senaraikan tarikh dan nama projek.
 - Sila nyatakan bantuan-bantuan yang disalurkan kepada SK Pulau Aman. Senaraikan bantuan sejak 2013.
21. Rumah Kedai milik MPSP di Taman Sepakat, Kepala Batas:
- Berapakah jumlah kedai yang telah disewa dan belum disewa? Sila senaraikan nama individu atau syarikat yang menyewa.
 - Bilakah tarikh akhir pemantauan daripada Pegawai MPSP untuk melihat keadaan bangunan yang uzur?
 - Jika ada, sila nyatakan hasil pemantauan dan tindakan.
22. Penang Apps:
- Setelah dibentangkan pada tahun 2015, apakah Penang Apps telah dilaksanakan? Sila nyatakan tarikh dan tempat ianya dilancarkan.
 - Apakah Penang Apps mendapat sambutan di kalangan pelancong mahupun penduduk tempat? Bagaimana kaji selidik dilaksanakan?
 - Berapakah kos yang dibelanjakan untuk mewujudkan Penang Apps? Sila nyatakan sumber kewangan.
23. Pihak Berkuasa Tempatan:
- Sila senaraikan nama Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai beserta tahun lantikan dan kelulusan akademik.
 - Adakah semua ahli majlis menerima sebarang elaun? Pecahkan mengikut PBT.
 - Berapakah tempoh perkhidmatan Ahli Majlis dan berapa kali lantikan semula dibolehkan bagi seseorang Ahli Majlis?
24. Pegawai Penerangan Pejabat Ketua Menteri:
- Berapa ramai pegawai berkenaan yang telah dilantik sehingga Oktober 2017? Senaraikan nama, negeri kelahiran dan kelulusan akademik.
 - Apakah peranan bagi setiap seorang pegawai dan jumlah gaji yang diterima?
 - Bagaimana pelantikan dibuat? Adakah melalui persetujuan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri? Nyatakan tarikh mesyuarat.

25. Usahawan Kecil Pulau Pinang:
- Adakah Kerajaan Negeri memperkenalkan kursus untuk Usahawan Kecil? Senaraikan nama kursus dan bilangan penyertaan.
 - Apakah jenis bantuan yang diberikan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan usahawan kecil?
 - Adakah Kerajaan Negeri memberi ruang seluasnya kepada usahawan kecil untuk membawa produk mereka ke tahap lebih tinggi?
26. Penang Women Development Corporation (PWDC) :
- Sila senaraikan Ahli Lembaga Pengarah beserta gaji dan elaun yang diterima.
 - Berapakah jumlah peruntukan daripada Kerajaan Negeri? Pecahkan mengikut tahun dari 2013-2017.
 - Bagaimanakah peruntukan di atas dibelanjakan? Sila senaraikan nama program dan aktiviti serta kos.
27. Parking Hospital Besar Pulau Pinang:
- Apakah Kerajaan Negeri merancang untuk menambah lot parking di Hospital Besar Pulau Pinang? Jika ada, bila akan dilaksanakan?
 - Adakah masih ada ruang yang berdekatan hospital untuk dijadikan parking bertingkat agat memudahkan rakyat melawat?
 - Berapakah ruang parking yang disediakan untuk kakitangan hospital?
28. Gejala dadah dikalangan remaja:
- Apakah Kerajaan Negeri sentiasa membuat pemantauan kepada setiap pelajar yang mungkin terlibat dengan gejala dadah di setiap sekolah?
 - Sila senaraikan program dan aktiviti berkaitan beserta tarikh dan tempat.
 - Berapakah bilangan pelajar yang disyaki terlibat dadah? Senaraikan jenis dadah dan umur.
29. Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth:
- Agensi manakah yang mengawalselia dan mengurus bangunan berkenaan? Huraikan terperinci.
 - Sila senaraikan penyewa bangunan berkenaan sejak 2013 berserta nama program dan tarikh? Nyatakan kos sewaan secara terperinci.
 - Mengapakah jam besar dibiarkan tidak berfungsi dan bila pembaikan akan dilaksanakan?

II. Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

- Sejak mengambil alih pemerintahan Kerajaan Negeri, berapa ekar tanah yang dibeli oleh Kerajaan Negeri untuk pembinaan masjid dan kubur untuk agama Islam.
- Nyatakan kesemua projek yang telah dilaksanakan mengikut lokasi dan kos projek di dalam kawasan Parlimen Balik Pulau sejak memerintah Pulau Pinang
- Perincian projek-projek pertanian, nelayan serta penternakan beserta lokasi dan kos yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Balik Pulau sejak tahun 2008
- Berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 untuk mengatasi banjir dalam kawasan Parlimen Balik Pulau

5. Nyatakan projek-projek dan program-program yang telah diumumkan oleh EXCO atau kerajaan negeri bersama dengan usahawan dalam dan luar negara yang telah dilaksanakan dan yang tidak dilaksanakan sejak tahun 2013. Berikan anggaran program dan kos projek, status pelaksanaan dan sebab pembatalan jika berkaitan
6. Perincikan lokasi dan nilai tanah-tanah milik Kerajaan Negeri, MPSP, MBPP, PBA dan PDC yang telah dijual. Nyatakan nama-nama pembeli setiap satu dan tujuan pembelian.
7. Berikan senarai projek yang telah dipohon kebenaran merancang dan pembangunan oleh PERDA dan Perda Ventures sejak tahun 2008 dan berikan status terkini serta tarikh kelulusan yang telah diberikan.
8. Senaraikan projek-projek pengkalan warisan dan kebudayaan yang telah dilaksanakan sejak 2008. Berikan lokasi, kos dan impak projek.
9. Senaraikan projek-projek kompleks makanan dan perniagaan yang telah dibina oleh kerajaan negeri sejak 2008
10. Senaraikan lot-lot tanah serta keluasan setiap yang dibuat pengambilan oleh pihak kerajaan untuk pembesaran lapangan terbang Bayan Lepas dan nyatakan perkembangan pembangunan di atas tanah berkenaan. Berakapah kos pengambilan.
11. Senaraikan projek-projek yang diluluskan di Timur Laut yang dikaitan dengan pembangunan di lereng bukit dan pembangunan berdensiti tinggi yang memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada berlakunya banjir di kawasan berkaitan.
12. Jelaskan status tanah dan cadangan pembangunan di atas lot 277 dan lot 271 Mk 13 Paya Terubong, Adakah kerja tanah yang dijalankan sekarang mendapat kelulusan?
13. Sejak usul Pulau Betong ditarik dan digantikan dengan usul kerajaan dalam sidang pada 20hb. Mei 2016, berapa kalikah Majlis Pengangkutan Negeri (PTC) bermesyuarat dan apakah keputusan-keputusan yang telah dibuat.
14. Jelaskan sejak tahun 2008 hingga kini berapakah program kebajikan sosial yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan berapakah jumlah perbelanjaan bagi setiap satu program.
15. Perincikan kos pembangunan Gurney Wharf, komposisi pembangunan dan bila akan dimulakan dan dijangka siap. Jelaskan kaedah pembiayaan projek ini.
16. Senaraikan tanah milik kerajaan sebelum tahun 2008, dan status terkini tahun 2017 bagi setiap satu milikan. Berikan nilai setiap tanah tersebut dan berapakah perolehan bagi setiap lot yang dijual.
17. Nyatakan jumlah pokok dan jenis pokok yang ditanam serta kawasan-kawasan terbabit oleh Kerajaan Negeri dan NGO sejak tahun 2008. Jelaskan berapa pokok yang ditebang dan keluasan tanah berkaitan.
18. Jelaskan sejauh manakah kebenaran Bandaraya Georgetown akan hilang status warisannya. Perincikan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi keputusan Unesco menarik balik status ini.

19. Berapakah bilangan kakitangan pejabat Ketua Menteri yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri?
 - (a) Nyatakan jawatan dan bilangan pegawai.
 - (b) Jenis perjawatan, tetap atau kontrak.
 - (c) Jumlah tanggungan gaji dan elaun oleh Kerajaan Negeri.

20. Berapa bilangan kakitangan dibawah MMK Penerangan Negeri yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri pada masa ini? a) b) c)
 - (a) Nyatakan jawatan dan bilangan pegawai.
 - (b) Jenis perjawatan, tetap atau kontrak,
 - (c) Jumlah tanggungan gaji dan elaun oleh Kerajaan Negeri.

21. Berapakah jumlah peruntukkan MARRIS yang telah digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk kerja-kerja naik taraf dan pembaikan jalan. Berikan pecahan mengikut tahun sejak tahun 2010?

22. Perincikan projek-projek dan sumbangan parkir kereta bagi setiap projek yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2010. Dimanakah wang tersebut disimpan dan jelaskan dimana dibelanjakan.

23. Berapakah jumlah kutipan 20 sen setiap beg plastik terkumpul sehingga kini dan dimanakah dibelanjakan. Mengapa pihak berkuasa mahu mengenakan charge tong sampah kepada rumah kos rendah dan sederhana dan berapakah anggaran terimaan dari polisi ini.

24. Sila terangkan secara terperinci program penanaman pokok bagi menghijaukan Pulau Pinang mengikut kawasan, nama jalan, jenis pokok, dan bilangan pokok ditanam dan berapakan jumlah kos terbabit.

25. Apakah status penyediaan dokumen kajian kemungkinan yang diminta oleh Menteri Kerja Raya belasan bulan yang lalu tentang pembinaan terowong dan yang berkaitan. Mengapa belum dihantar dan kenapa.

26. World Class Land dan anak-anak syarikat telah banyak membeli rumah Pra-Perang di Pulau Pinang. Senaraikan nama-nama syarikat yang membeli premis-premis tersebut dan adakah syarikat-syarikat tersebut merupakan sebuah syarikat warga asing atau syarikat asing.

27. Kerajaan Negeri selalunya mewar-warkan slogan CAT, Mengapakah Kerajaan Negeri menutup fungsi pencarian seksyen dalam laman sesawang (http://pegis.Penang.Gov.My/BETA/lot_finder/) dimana dahulunya boleh diakses dan kini hanya mempunyai Nombor Lot sahaja?

28. Mohon Kerajaan Negeri kemukakan data transaksi hartanah di Daerah Timur Laut secara terperinci (Bagi Bangunan Jenis Pre-war) sejak tahun 2008 sehingga September 2017 mengikut Mukim/Bandar, No. Seksyen, Jenis dan No. Lot/Plot, Status Lot, Tarikh Transaksi, Luas Lot, Jenis Hakmilik, Nama Pemberi Pindahmilik /Syarikat, Nama Penerima Pindahmilik/syarikat.

29. Adakah benar sebidang tanah berkeluasan lebih kurang 59 M2 yang telah digezetkan sebagai dari lorong bersebelahan dengan Lot 2151 Mukim 2 SPT telah diberi milik kepada Pemilik Lot 2151 dan diberikan geran baru. Jelaskan mengapa pemberian ini dibuat, oleh siapa dan berapa harga dan adakah ini dibenarkan oleh mana-mana undang-undang

- 30 (a) Sila berikan secara terperinci tanah-tanah serta hartanah yang masih dimiliki oleh Kerajaan Negeri serta agensi-agensi Kerajaan Negeri.
- (b) Dalam isu janji pemulangan hartanah 50 Lebu Love Bangunan yang telah dirampas dibawah Kanun Tanah Negara oleh Kerajaan Negeri, kenapa Majlis Klan Cina Pulau Pinang diminta membuktikan mereka adalah pewaris sah?

III. Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

1. Senaraikan semua pengusaha
 - (a) Kitar semula serta;
 - (b) Sisa makanan yang berlesen dan tidak dengan terperinci (nama/alamat/pecahan barangan kitar semula yang dikutipkan /caranya dan lain-lain). Huraikan ratio pecahan pengasingan sampah (sampah/barangan kitar semula/sisa makanan dan hijau) yang direkodkan oleh PBT (MBPP/MPSP/DTL/DBD/SPU/SPT/SPS).
2. Senaraikan semua kemudahan tempat letak kereta MBPP dan MPSP dengan terperinci(Komplek/lokasi/bilangan tempat letak/Kadir Caj/diselenggarakan PBT atau dikontrakkan/dll). Huraikan pendapatan yang dikutipkan dengan terperinci (kadar Caj/sistem dipakai..Dll), pengagihan pendapatan tersebut, peraturan pendapatan tersebut dalam pendapatan seluruh negeri dari tahun 2008 hingga terkini.
3. Huraikan:
 - (a) Pendapatan atau keuntungan barangan kitar semula (*recyclable materials*) dengan terperinci (barangan tersebut diasingkan kepada berapa jenis/berapa yang telah dikutipkan setiap bulan/pecahan barangan yang dikutipkan pusat kitar semula swasta atau PBT dan lain-lain)
 - (b) Pemasaran/nilai barangan kitar semula setiap jenis yang diasingkan, diekspotkan dan harga jual beli setiap barangan tersebut.
4. Huraikan dengan kronologi terperinci penyelesaian isu Kampung Mutiara di Batu Feringghi sejak tahun 2008.
5. Huraikan dengan kronologi terperinci penyelesaian isu Kampong Tanjong Tokong sejak tahun 2008.
6. Senaraikan semua tanah kerajaan yang dijual kepada mega projek yang tidak perlu mempraktikkan Polisi 'Tender Terbuka' sejak 2013 dengan terperinci (nama projek/pemaju/lokasi/lot nombor/luasan/tujuan projek/bila diluluskan PBT dan lain-lain) Huraikan sistem dan SOP Tender Terbuka Kerajaan Negeri Pulau Pinang dikecualikan dalam mega projek tersebut.
7. Senaraikan perbelanjaan peruntukan semua Ahli Majlis PBT (MBPP/MPSP) dengan terperinci sejak tahun 2008 dan huraikan prestasi setiap Jawatankuasa Kecil di bawah PBT masing-masing (termasuk lawatan Ahli Majlis ke luar negara).
8. Huraikan kekuatan/kelemahan dan strategi pertingkatkan prestasi Jabatan Penguatkuasaan PBT.
9. Huraikan di bawah garis panduan Kementerian Pendidikan pembangunan yang melebihi 2500 ke atas perlunya pemaju menyediakan tanah pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah, terutamanya pemaju (BSG ,Penang Realty dan lain-lain) di KADUN Tanjong Bunga dan senaraikan tanah pendidikan dengan terperinci (lot nombor/lokasi/luasan/status kini dan lain-lain) di seluruh Negeri Pulau Pinang.

10. Huraikan pembelanjaan bajet RM707.6 juta daripada RM1.45 bilion, iaitu 48.7% daripada bajet keseluruhannya yang di salurkan ke Pejabat Ketua Menteri untuk tahun 2017?
11. Senaraikan kawasan atau *hotspot* tanah runtuh (nama projek pembangunan/lokasi) di seluruh Negeri Pulau Pinang. Huraikan sebab-sebab berlaku tanah runtuh dan strategi, langkah-langkah dan polisi Kerajaan Negeri menangani isu ini.
12. Senaraikan kawasan atau *hotspot* banjir kilat di seluruh Negeri Pulau Pinang. Huraikan sebab-sebab banjir kilat berlaku dan strategi, langkah-langkah dan polisi Kerajaan Negeri mengatasi isu ini.
13. Huraikan progressnya sistem *Big Data* yang dilaksanakan Kerajaan Negeri pada setakat ini, dan bila jabatannya ditubuhkan dan satu Enakmen digubalkan untuk menaiktarafkan penggunaan *Big Data*.
14. Huraikan dengan data-data dari program wargamas peratusan OKU/sakit teruk/sihat/berada/miskin/tinggal di rumah orang tua atau pusat penjagaan dan lain-lain. Apakah strategi, langkah-langkah dan polisi kerajaan negeri mengatasi masalah yang timbul ini.
15. Huraikan dengan kronologi dan terperinci isu Sungai Lembu dan strategi, langkah-langkah dan polisi kerajaan negeri menangani isu alam sekitar, sosial dan pengusahaan haram ini.
16. Huraikan mengapa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak dapat atau lambat bermanfaat dan terlibat dalam program *One Belt One Route* yang dilaksanakan China.
17. Huraikan perkembangan setakat mana projek :
 - (a) *Undersea Tunnel* dan *3 packages paired roads* di Utara Pulau,
 - (b) 3 buah Pulau Tambakan Laut di lautan Selatan Pulau dengan SRS. Huraikan kos tambahan yang dilibati, ditanggungkan pihak mana dan bila jangka mula kerja.
18. Huraikan dengan terperinci berapa jumlah dan kegunaan wang pinjaman oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Negara China, bila kontrak perjanjian tersebut akan berkuatkuasa, selepas satu enakmen pinjaman wang diluluskan DUN Negeri Pulau Pinang untuk eksekutif berkuasa berbuat demikian. Huraikan *financially* status negeri kerajaan membayar hutang tersebut.
19. Huraikan prestasi dan pelan masa depan PYDC/PWDC/PGC dan perlunya menyediakan laporan sebagai Penyata kepada DUN Negeri Pulau Pinang.
20. Huraikan prestasi, strategi, bajet (5 tahun yang lalu) dan pelan masa depan Penang Heritage Corp dan Penang Hill Corp dengan Rancangan Kawasan Khas George Town Heritage dan Rancangan Kawasan Khas Penang Hill masing-masing.
21. Senaraikan semua kilang yang haram atau tidak berkenaan beroperasi yang mengeluarkan gas yang berbau busuk dan beracun serta mencemarkan udara sekeliling dan berjiran, seperti kes Sungai Lembu. Huraikan sebab-sebab ia berlaku, strategi/tindakan/langkah-langkah dan polisi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menguatkuasakan ke atas pengusaha-pengusaha dan isu pencemaran yang mengancam Kesihatan orang awam.

22. (a) Huraikan dengan terperinci kronologi isu nombor 50, Love Lane, George Town, Pulau Pinang.
- (b) Senaraikan semua tuan tanah dan rumah di *George Town Heritage Core Area* dan huraikan strategi, langkah-langkah dan polisi kerajaan negeri menjamin *living heritage George Town* tidak terjejas dan hilang status *heritage* oleh UN.
23. Huraikan dengan terperinci kronologi projek jalan raya berkembar Teluk Bahang-Tanjong Tokong sebab-sebab rekaannya berhenti di Jalan Lembah Permai, bila *Missing Link* dari Jalan Lempah Permai ke Tanjong Tokong siap ditambungkan agar trafik sepanjang jalan Tanjong Tokong ke Tanjong Tokong tidak berlaku kesesakan, siapa tanggungjawab kos binaan *Missing Link* itu.
24. Senaraikan dengan terperinci (nama hotel/Jumlah kutipan tiap bulan dan lain-lain) semua hasil kutipan surcaj bilik hotel yang dikenakan sejak Jun 01, 2014. Huraikan strategi, pelan dan polisi penggunaan dan penagihan hasil kutipan surcaj ini dan mengapa hotel yang tidak berlesen juga dikenakan surcaj ini. Berapa hotel bajet dan lain masih belum dilesenkan beroperasi?
25. Senaraikan semua jenis perpustakaan awam kerajaan dengan terperinci (nama/lokasi/pihak yang berkuasa/luasan/nombor buku rujukan dan bahasa dan lain-lain) di seluruh Negeri Pulau Pinang. Huraikan strategi, Pelan dan polisi Kerajaan Negeri memperkembangkan dan pemodenisaikan perpustakaan agar budaya membaca, mengkaji dan menyelidik di kalangan awam lebih tinggi dan berkualiti.
26. Senaraikan semua hot spot anjing liar (*stray dogs*)/nyamuk aedis/tikus/burung gagal di seluruh Negeri Pulau Pinang. Huraikan sebab-sebabnya dengan terperinci kes berlaku (Daerah/bilangan kes/nama penyakit/dan lain-lain) dan strategi, langkah-langkah dan polisi Kerajaan Negeri mengelakkan terjadinya pewabakan penyakit-penyakit tertentu dan isu sosial.
27. Huraikan:
 - (a) Reformasi pendemokrasian yang dicapai Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari semua aspek.
 - (b) rombongan ke luar negara, tujuan dan manfaatnya, sejak tahun 2008. Huraikan hasrat dan hala reformasi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada masa depan.
28. Senaraikan 10 pelaburan asing yang besar terperinci (nama /Jumlah pelaburan/jenis /lokasi/dan lain-lain) dalam Negeri Pulau Pinang. Huraikan mustahaknya bidang perindustrian dlm ekonomi negeri/jenis pekerjaan disumbangkan/minimum gaji (RM1500.00 perlu ditetapkan) untuk tingkatkan golongan tengahan ekonomi agar polisi satu orang satu rumah tercapai. Apakah strategi, Pelan dan polisi Kerajaan Negeri untuk memperkuat bidang ini pada masa depan.
29. Senaraikan 10 mega projek yang telah dilaksanakan di KADUN Tanjong Bunga sejak tahun 2008 oleh kerajaan dan 10 mega projek dirancangan. Huraikan dengan terperinci (Jumlah peruntukan/nama kontraktor/sebab-sebab lewatnya siap projek/luasan/lot nombor/dan lain-lain) penyumbangan projek tersebut kepada ekonomi tempatan dan tidak menjejaskan alam sekitar dan aktiviti nelayan setempat disokongkan DEIA, TIR, SIR dan lain-lain.

IV. Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

1. Berapa banyak wang telah disalurkan untuk Program Emas membantu rakyat sejak 2008?
2. Berapa banyak wang telah diberi kepada 28 Sekolah Tamil di Pulau Pinang oleh kerajaan Pulau Pinang sejak 2008?
3. Apakah halangan menghadapi kerajaan Pulau Pinang untuk melaksanakan "Penang Transport Masterplan"?
4. Sejak 2008 berapa biji rumah kos rendah dibina oleh kerajaan Pusat di Pulau Pinang?
5. Bilakah projek Penang Sentral akan siap?
6. Berapa banyak pelancong datang ke Pulau Pinang dari 1-1-2017 hingga 31-10-2017?
7. Berapa banyak wang telah di beri oleh kerajaan Pusat untuk naiktaraf infrastruktur sekolah Tamil di Pulau Pinang untuk tahun 2017?
8. Mengapa kerajaan tidak mahu bina sebuah hotel mewah di Bukit Bendera?
9. Adakah Kerajaan Negeri setakat ini buat apa-apa pinjaman dari bank bank dalam negara atau luar negara?
10. Apakah kadar pengangguran di Pulau Pinang pada masa kini ?

IV. Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

1.
 - (a) Senaraikan bilangan unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) mengikut daerah serta bilangan unit yang masih kosong dan tidak dihuni.
 - (b) Sejauh manakah konsep sewa beli di kalangan berpendapatan rendah dilaksanakan di Pulau Pinang?
 - (c) Nyatakan bilangan rumah yang dimiliki oleh golongan pendapatan rendah melalui konsep sewa beli mengikut tahun 2015, 2016 dan 2017.
2.
 - (a) Nyatakan jumlah tuntutan yang dibuat oleh kontraktor ke atas projek naik taraf Rumah Pam Permatang Tinggi serta pakej 2 parit lencongan yang menghadapi EOT beberapa kali.
 - (b) Apakah usaha dan tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan projek-projek kerajaan dapat dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan?
3.
 - (a) Apakah status terkini cadangan projek naik taraf Jalan Bukit Minyak-Alma bahagian di persimpangan Kota Permai ke ROB Alma yang membina jalan 4 lorong dengan pembahagi jalan?
 - (b) Demi keselamatan dan kelancaran lalulintas, bolehkah langkah jangka masa pendek seperti meletakkan pembahagi curb jalan sementara untuk kawalan lalulintas dilaksanakan?
4.
 - (a) Terangkan status terkini tentang cadangan pembinaan rumah pam di pintu air PDC berdekatan Kuala Juru yang dapat menangani masalah banjir kilat di Taman Sukun, Taman Amra dan Jalan Permatang Tinggi?
 - (b) Apakah punca-punca yang melewati pelaksanaan cadangan tersebut?
 - (c) Apakah usaha jangka masa pendek kerajaan negeri untuk menangani masalah banjir kilat tersebut?

5. Cadangan pemasangan *removable* CCTV di kawasan pembuangan sampah haram masih tidak dijalankan di sekitar Kampung Kuala Tasek dan Kampung Manggis.
 - (a) Kenapa cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan?
 - (b) Senaraikan bilangan kompaun yang dikeluarkan ke atas pembuang sampah?
 - (c) Nyatakan kos yang dibelanjakan oleh MPSP untuk bersihkan tapak sampah haram tersebut?
6.
 - (a) Terangkan secara terperinci tentang status cadangan pelebaran Jalan Kulim yang menyambungkan bandar Bukit Mertajam-Kulim.
 - (b) Senaraikan projek-projek pembangunan perumahan yang telah dibangunkan di sepanjang Jalan Kulim mengikut bilangan unit dan penduduk.
 - (c) Senaraikan projek-projek pembangunan perumahan yang akan dibangunkan di sepanjang Jalan Kulim mengikut bilangan unit dan penduduk.
7.
 - (a) Apakah status terkini tentang cadangan projek menaik taraf Jalan Alma-Bukit Minyak bahagian ROB Alma ke Persimpangan Kota Permai?
 - (b) Adakah projek ini telah dimasukkan ke dalam bajet 2018?
 - (c) Apakah usaha jangkamasa pendek untuk memastikan keselamatan dan kelancaran lalulintas sepanjang Jalan Alma-Bukit Minyak?
8.
 - (a) Terangkan status terkini tentang permohonan pinjaman negeri Pulau Pinang dengan EXIM Bank China untuk *bridge loan* Pelan Induk Pengangkutan.
 - (b) Apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan negeri dalam permohonan pinjaman tersebut?
 - (c) Terangkan implikasi secara terperinci tentang permohonan kelulusan DEIA untuk tambakan 3 buah pulau ditolak oleh kerajaan persekutuan?
9.
 - (a) Apakah usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri berkenaan pasaran pekerja dari segi permintaan industri dan supply pekerja untuk pembangunan industri 4.0?
 - (b) Mengapa permintaan untuk kerja-kerja seperti Data Analytics, Python, R software amat rendah (kurang daripada 10 pekerjaan di Job Street) di Pulau Pinang?
 - (c) Adakah kajian dibuat oleh Kerajaan Negeri?
10.
 - (a) Senaraikan pelaburan dan projek yang diterima oleh Pulau Pinang di bawah One Belt One Road (OBOR) sehingga kini.
 - (b) Sila kemukakan kajian "state interest" dalam kesan/implikasi OBOR ke atas pembangunan ekonomi negeri Pulau Pinang.
 - (c) Apakah usaha kerajaan negeri untuk pertahankan "state interest" khasnya apabila dipinggirkan oleh kerajaan persekutuan?
11. Dengan ekonomi yang lembap, penjaja-penjaja jalanan tanpa lesen telah tumbuh seperti cendawan tumbuh selepas hujan.
 - (a) Senaraikan bilangan penjaja-penjaja tanpa lesen di KADUN Machang Bubuk mengikut lokasi.
 - (b) Apakah dasar dan usaha MPSP dalam menangani isu tersebut?
 - (c) Apakah kajian terperinci telah dibuat agar isu ini dapat ditangani dengan baik?
12. Kedudukan median pendapatan bulanan persendirian dan median pendapatan keluarga telah menurun di Pulau Pinang.
 - (a) Sila kemukakan kajian kerajaan negeri tentang isu ini.
 - (b) Apakah punca kemerosotan pendapatan persendirian dan keluarga?

- (c) Apakah usaha kerajaan negeri dalam membantu rakyat mengatasi kemerosotan ini?
13. Hutang keluarga tinggi.
- (a) Sila kemukakan kajian ekonomi atas isu ini.
 - (b) Cadangan Kerajaan Negeri untuk menangani golongan besar menghadapi masalah mortgage payment tinggi serta kenaikan gaji sedikit?
 - (c) Apakah pandangan Kerajaan Negeri terhadap pendapat Timothy Choy, Penang Institute bahawa masalah ini boleh diatasi dengan kadar bekerja, wanita bekerja tinggi?
14. Masalah pengangguran mahasiswa.
- (a) Jelaskan kadar pengangguran mahasiswa atau lepasan universiti sejak 2015.
 - (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah pengangguran di kalangan mahasiswa?
 - (c) Apakah kajian dan tindakan Kerajaan Negeri dalam menolong mahasiswa yang menghadapi kenaikan gaji yang rendah?
15. Banyak rumah baru mewah tidak dapat dijual.
- (a) Apakah usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menstabilkan pasaran perumahan di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah risk *assessment* Kerajaan Negeri tentang kemungkinan berlakunya krisis *subprime mortgage*?
 - (c) Apakah rancangan dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk berdepan dengan cabaran ini?
16. Kebergantungan hasil tanah untuk Kerajaan Negeri.
- (a) Apakah *forecast* Kerajaan Negeri tentang hasil pendapatan daripada tanah pada tahun 2018 dan 2019?
 - (b) Adakah kemerosotan pembangunan hartanah akan mengurangkan pendapatan Kerajaan Negeri?
 - (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan nilai tanah yang tinggi tidak menjejaskan pembangunan sosio-ekonomi negeri Pulau Pinang?
17. Sekiranya pendapatan Kerajaan Negeri menurun pada masa akan datang.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, institusi bank luar negara bagi mengekalkan perbelanjaan negeri?
 - (b) Apakah kemungkinan Kerajaan Negeri akan melaksanakan fiscal austerity iaitu mengurangkan perbelanjaan?
 - (c) Adakah kerajaan akan menjual aset-aset untuk membayar hutang?
18. Senaraikan jumlah panjang jalan diselenggarakan oleh Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk ketiga-tiga kerajaan untuk menyelenggarakan jalan mengikut tahun 2015, 2016 dan 2017. Apakah usaha kerajaan negeri dalam menangani masalah kerosakan jalan serta mengambil proses yang lama untuk membaiki dan menyelenggara jalan?
19. Sejauh manakah *digital economy* dapat menambahkan peluang pekerjaan di Pulau Pinang? Senaraikan syarikat-syarikat *start-up* yang telah ditubuh dan operasi di Pulau Pinang sejak 2015, 2016 dan 2017. Apakah usaha yang diambil dan cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan syarikat start-up untuk membangun ekonomi di negeri Pulau Pinang?

20. Kawalan ke atas *cyber cafe*.
- Senaraikan bilangan *cyber cafe* yang berlesen mengikut daerah dan KADUN
 - Apakah syarat-syarat yang dikenakan ke atas pengusaha *cyber cafe* agar membendung gejala sosial yang tidak sihat?
 - Kenapa cadangan untuk syaratkan pemasangan CCTV di dalam *cyber cafe* tidak dilaksanakan sehingga kini?
21. Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam membangunkan Negeri Pulau Pinang sebagai pelabuhan ikan tuna (*tuna port*) terbesar di Malaysia? Apakah status terkini tentang Pelabuhan Tuna Antarabangsa di Batu Maung yang telah membelanjakan multi-miliion Ringgit Malaysia? Nyatakan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membangunkan Pelabuhan Tuna Antarabangsa di Batu Maung.
22. Cadangan tubuhkan trafik warden atau polis bantuan untuk menjaga lalulintas semasa waktu kemuncak.
- Terangkan usaha MPSP dan polis trafik dalam menangani masalah kesesakan lalu lintas di beberapa persimpangan yang sibuk khususnya laluan ke kawasan perindustrian dan tempat kerja?
 - Senaraikan persimpangan dan jalan-jalan yang sesak di seluruh Seberang Prai.
23. Kebakaran akibat litar pintas khususnya di kawasan perumahan yang lama.
- Senaraikan kes-kes kebakaran yang berlaku mengikut daerah, kes kematian dan puncanya sejak
 - Apakah usaha yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tersebut khususnya bagi kes litar pintas yang boleh dielakkan?
 - Apakah peranan TNB dalam perkara ini?
24. Nyatakan perbandingan bilangan wanita dengan lelaki dalam struktur organisasi JKKK dan Ahli Majlis MBPP & MPSP. Senaraikan pengerusi dan setiausaha JKKK yang terdiri daripada wanita. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk menetapkan quota 30% bagi wanita dalam pimpinan JKKK serta bagaimana untuk mencapai sasaran tersebut?
25. Satu KADUN satu futsal.
- Sejauhmanakah Kerajaan Negeri mencapai sasaran tersebut dengan senaraikan futsal mengikut KADUN.
 - Terangkan secara terperinci tentang status pembangunan gelanggang futsal di Taman Sejahtera, KADUN Machang Bubuk.
 - Apakah sebab-sebab projek tersebut masih tidak dapat dilaksanakan padahal dasar tersebut telah diputuskan awal tahun 2013?
26. Industri 4.0
- Senaraikan syarikat dan industri yang berkemampuan untuk membangunkan industri 4.0 di Pulau Pinang.
 - Jelaskan samada syarikat dan industri tersebut menerima sokongan kuat dari segi pelaburan dan pinjaman?
 - Adakah syarikat dan industri tersebut mengupah pekerja yang berkemahiran tinggi seperti sarjana dan PhD yang berupaya dalam R&D?
27. Hostel Pekerja Asing
- Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menangani bantahan penduduk setempat terhadap hostel pekerja asing?
 - Senaraikan perjumpaan dan dialog yang telah diadakan oleh kerajaan negeri untuk memberi penerangan kepada penduduk tempatan?

- (c) Adakah kajian Social Impacts Assessment (SIA) dijalankan sebelum keputusan dibuat? Jika tidak, kenapa?
28. Pusat Jagaan Orang Tua
- (a) Senaraikan bilangan pusat jagaan kerajaan dan swasta mengikut daerah dan bilangan orang tua dalam pusat tersebut.
 - (b) Terangkan usaha kerajaan negeri dalam memantau operasi pusat jagaan agar sentiasa dalam keadaan selesa dan bersih serta bayaran berpatutan.
 - (c) Nyatakan bilangan pusat yang tidak mematuhi garis panduan?
29. Nyatakan status terkini tentang permohonan penduduk untuk membina sebuah dewan serbaguna di Kampung Machang Bubuk, Jalan Gajah Mati. Apakah halangan dan sebab-sebab permohonan tersebut masih tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri? Nyatakan usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan kemudahan asas di kampung-kampung juga dijamin agar kesejahteraan penduduk kampung.
30. Senaraikan kes-kes kemalangan di tempat kerja mengikut bilangan maut, hilang upaya kekal dan tidak hilang upaya kekal mengikut tahun 2016 dan 2017. Terangkan punca-punca kemalangan di tempat kerja. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam pencegahan kemalangan di tempat kerja serta memastikan kebajikan mangsa-mangsa dapat dijaga sekiranya mengalami hilang upaya kekal?

VI. Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

1. Sila nyatakan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan Labuh Banting, Kampung Chegar, Lubuk Meriam dan Lahar Yooi di DUN Permatang Berangan.
2. Apakah usaha dan langkah Kerajaan Negeri didalam menaikkan prestasi bola sepak pasukan negeri yang jatuh merudum sejak akhir-akhir ini.
3. Sila nyatakan kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mempromosikan pelancongan homestay di dalam daerah Seberang Perai Utara (SPU).
4. Sila senaraikan permohonan kebenaran merancang yang telah dikemukakan kepada SPC dan OSC dari 2013 hingga 2017.
 - (a) Berapa banyak yang diluluskan dalam kalangan agensi Persekutuan.
 - (b) Apakah faktor yang menyumbang kepada kelewatan mendapatkan kelulusan.
5. Senaraikan aktiviti yang dijalankan oleh PDC dari tahun 2013 hingga 2017
6. Berapakah jumlah kilang yang ditutup dan yang telah berpindah keluar dari Pulau Pinang.
7. Apakah status dewan-dewan orang ramai dan dewan banjir yang diambil alih Kerajaan Negeri sejak 2008 a) Adakah ada peruntukan penyelenggaraan
8. Sejak 2008 hingga 2017, adakah mana-mana sekolah KAFA di Pulau Pinang ditutup
9. Apakah dasar Kerajaan Negeri dalam memberi pampasan kepada setinggan dan pemilik tanah yang mana rumah mereka diroboh untuk sesuatu pemajuan.
10. Setakat Ogos 2017, berapa banyakkah Kerajaan Negeri menjual tanah kepada pihak swasta dan pihak pelabur asing. Nyatakan keluasan dan nombor lot.

11. Nyatakan secara statistik kedudukan pelaburan asing di negeri ini dari tahun 2013 hingga 2017.
12. Pelbagai caj dikenakan kepada rakyat. Adakah ini untuk menampung ekonomi yang lembab atau kerajaan sudah mula bankrap.
13. Benarkah manifesto *Just Change DAP* dalam pilihanraya 2008 dan 51 projek gagal dilaksanakan.
14. Berapa banyak projek perumahan yang diluluskan di lereng bukit. Adakah salah satu punca banjir disebabkan oleh perumahan tanah tinggi yang melanggar polisi Kerajaan Negeri.
15. Adakah Kerajaan Negeri menggalakkan pihak swasta membina rumah kos rendah menjalankan Skim Sewa Beli bagi membantu mendapatkan rumah tanpa melalui pinjaman bank
16. Bagaimana Skim Pencen ADUN-ADUN yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri pada masa kini. Berapa tahun perkhidmatan atau penggal perkhidmatan yang membolehkan seorang ADUN menerima ganjaran pencen penuh.
17. Sila senaraikan berapakah bilangan JKKN dalam KADUN Permatang Berangan dan juga nama mereka.
 - (a) Benarkah ahli JKKN dikalangan PAS digugurkan?
18. Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu pengusaha-pengusaha *homestay* di Permatang Berangan khususnya dan daerah SPU amnya.
19. Apakah sumbangan Kerajaan Negeri dalam membantu penderitaan yang dialami oleh puak Rohingya.
20. Berapa banyakkah Sekolah Tahfiz di Pulau Pinang? Adakah sekolah-sekolah ini mempunyai ciri-ciri keselamatan bangunan? Jika tidak, apakah langkah keselamatan yang telah dan akan diambil.
21. Terdapat monyet dan babi hutan berkeliaran dan merosakkan tanaman di Padang Chempedak dan kawasan sekitar. Apakah langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah ini?
22. Sila nyatakan secara statistik pusat hiburan atau *cyber cafe* yang ada mesin judi di KADUN Permatang Berangan.
 - (a) Berapa banyak yang ditutup?
 - (b) Berapa banyak yang masih beroperasi?
23. Berapa ramai peniaga-peniaga yang disaman / dikompaun kerana berniaga makanan di KADUN Permatang Berangan?
24. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membuka lagi ruang perniagaan terutama penjual makanan di KADUN Permatang Berangan?
25. Apakah langkah Kerajaan Negeri menghalang penambakan tanah-tanah sawah yang aktif untuk projek pembangunan atas tanah lot?

26. Berapa banyakkah Kerajaan Negeri memperuntukkan kewangan dan pembangunan luar bandar di dalam KADUN Permatang Berangan pada tahun 2013 hingga 2017?
27. Apakah bentuk sumbangan Kerajaan Negeri dalam membantu petani dan pekebun di Tasek Gelugor?
28. Berapa banyakkah kompaun yang dikeluarkan oleh MPSP meliputi pelbagai kesalahan? Daripada jumlah itu, berapakah yang telah menjelaskannya? Apakah tindakan bagi mereka yang gagal menjelaskan bayaran kompaun tersebut?
29. Berapa banyakkah tanah yang dibuat pengambilan sejak 2013 di DUN Permatang Berangan? Nyatakan lot dan kawasan beserta dengan kos.
30. Apakah status terkini pelaksanaan pelan pengangkutan awam di Pulau Pinang?

VII. Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

1. Berapa projek kelulusan dan telah disiapkan di bawah peruntukan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 dan Pulau Pinang sejak Tabung ini ditubuhkan sehingga sekarang di setiap daerah?
 - (a) Berapa peruntukan telah dibelanjakan?
2. Banyak rumah kedai sekarang telah ditukarguna dijadikan hotel bajet. Adakah kerajaan negeri menyemak semula sama ada kesemua yang tukarguna kegunaan rumah kedai dijadikan hotel dapat kelulusan?
 - (a) Berapa yang tanpa kelulusan tetapi masih menjalankan perniagaan hotel di setiap daerah?
 - (b) Apakah tindakan yang diambil oleh MBPP dan MPSP?
3. Berapa kes pembinaan tanpa kebenaran yang telah diambil tindakan oleh MBPP dan MPSP di setiap daerah? Sila nyatakan.
 - (a) Sila nyatakan bilangan kes yang telah menjelaskan saman, kes yang telah dibawa ke mahkamah dan kes yang telah diroboh oleh pemilik sendiri atau pihak PBT.
4. Bilakah projek pembinaan semula rumah-rumah Ladang Kalidonia dan pengambilan tanah untuk pemindahan semula penduduk-penduduk di Ladang Byram akan dimulakan oleh kerajaan negeri dan PDC?
 - (a) Adakah pelan kebenaran merancang telah disediakan oleh pihak PDC?
5. Terdapat berapa projek park and ride yang telah dibuat oleh kerajaan negeri?
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan projek ini dan menambah tempat-tempat *park and ride* supaya dapat mengurangkan sedikit sebanyak masalah kesesakan lalu lintas?
 - (b) Berapa perbelanjaan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri setiap tahun untuk projek *park and ride*?
6. Mengapa setiap kali hujan di KADUN Jawi mesti berlakunya kerosakan pam JPS atau pintu air JPS? a) Sila nyatakan terdapat berapa pam dan pintu air di KADUN Jawi dan berapa kos penyelenggaraan dan pembaikan dibelanjakan setiap tahun di setiap pam dan pintu air.

7. Sila nyatakan jumlah nelayan yang ada di setiap daerah dan terdapat berapa nelayan yang berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) atau Jabatan Perikanan?
 - (a) Apakah bantuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan kepada nelayan?
8. Terdapat berapa kenderaan yang usang dan terbiar yang telah disita dan ditunda oleh MBPP dan MPSP setiap tahun dari tahun 2013?
 - (a) Berapa kenderaan yang ditunda telah dijual atau dilupuskan oleh MBPP dan MPSP setiap tahun?
 - (b) Sila nyatakan baki terkini kenderaan yang ditunda balik di MBPP dan MPSP.
9. Pembinaan jambatan keretapi KTM oleh MMC Gamuda di kawasan Seberang Perai telah siap 3 tahun. Terdapat berapa kawasan di mana jalanraya, tiang lampu jalan dan lampu isyarat yang masih belum serah kepada pihak JKR dan MPSP. Sila senaraikan.
 - (a) Mengapa masih terdapat kawasan-kawasan yang belum diserahkan?
10. Apakah status permohonan projek pembinaan LRT di Negeri Pulau Pinang?
 - (a) Berapa lama tempoh kelulusan untuk projek pembinaan LRT di Negeri Pulau Pinang?
11. Sila nyatakan berapa kes dan tindakan diambil oleh MBPP dan MPSP ke atas penjaja yang bagi pekerja asing memasak makanan di setiap daerah mulai tahun 2015 sehingga 2017.
 - (a) Apakah tindakan PBT ke atas penjaja (berlesen dan tanpa lesen) yang mengambil pekerja asing memasak makanan terutama penjaja yang tidak berlesen?
12. Adakah projek pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri dan PDC di kawasan Changkat dan Byram di Kadun Jawi SPS akan diteruskan untuk dibangunkan sebagai kawasan industri ringan? a) Apakah status sekarang?
13. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk membina empangan atau kolam takungan air yang besar di kawasan SPS supaya dapat menyimpan air hujan yang turun dari bukit untuk mengelakkan air bukit yang banyak mengalir ke Sungai Jawi dan menyebabkan banjir?
14. Apakah cadangan JPS untuk mengatasi masalah banjir di mana air bukit yang kuat turun menyebabkan kawasan SPS terutama KADUN Jawi banjir?
15. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membangunkan tapak pelancongan dengan membina jeti kelip-kelip yang baru untuk dijadikan tarikan dan pembangunan pelancongan di kawasan Nibong Tebal Kadun Jawi?
16. Nyatakan bilangan *food truck* yang telah diberi lesen oleh MBPP dan MPSP sehingga kini.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memperluaskan dan memberi galakan kepada peniaga bergerak untuk menjalankan perniagaan dengan menggunakan *food truck*?
17. Sila nyatakan kompaun yang telah dikeluarkan oleh MBPP dan MPSP ke atas pemilik lori/kenderaan berat yang meletakkan kenderaan mereka di taman perumahan sejak tahun 2014 hingga kini.
 - (a) Berapa kenderaan berat dan lori telah ditunda oleh MBPP dan MPSP?
 - (b) Apakah langkah untuk selesaikan masalah ini?

18. Sila nyatakan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah SPS setiap tahun dari 2013 hingga kini di setiap KADUN di kawasan SPS.
 - (a) Adakah kadar premium TOL dinaikkan setiap tahun?

19. Adakah Kerajaan Negeri atau JPS akan mempertimbangkan pengeluaran permit kepada pengusaha untuk mengorek pasir di setiap sungai JPS di setiap daerah?
 - (a) Setakat ini berapa kelulusan yang telah dikeluarkan kepada pengusaha untuk mengorek pasir di sungai JPS? Sila nyatakan.

20. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk membangunkan Kampung Ladang Changkat supaya penduduk-penduduk di kawasan Ladang Changkat dapat kawasan perumahan yang lebih selesa?

21. Adakah KTM mempunyai rancangan untuk menambah tren yang singgah di Stesen Nibong Tebal?
 - (a) Berapa tren yang ada singgah di stesen Nibong Tebal setiap hari? Sila nyatakan.

22. Terdapat berapa penternak khinzir yang menjalankan penternakan di Perkampungan Jawi tetapi tidak mematuhi peraturan atau syarat Jabatan Perkhidmatan Veterinar dari segi aspek kebersihan dan sistem penapisan air yang dilupuskan? a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar terhadap penternak yang langgar peraturan atau telah mencemari air dan udara?

23. Mengapa setiap kali semasa air hujan turun lebat di KADUN Jawi, pekerja JPS yang menjaga pintu air atau pam tidak berada di kawasan masing-masing?
 - (a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh JPS untuk memastikan pam atau pintu air sentiasa berfungsi dan dijaga oleh pekerja apabila hujan lebat di KADUN Jawi?

24. Berapa peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Pejabat Daerah di setiap daerah dari tahun 2013 hingga 2017?
 - (a) Berapa peruntukan yang boleh dibelanjakan oleh Pejabat Daerah atas permohonan dengan Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang untuk memperbaiki jalan kampung, penyelenggaraan dewan, penyelenggaraan kemudahan asas, membuat parit kampung dan lain-lain untuk pembangunan desa?

25. Berapa jumlah tunggakan cukai tanah yang masih belum dijelaskan oleh pemilik tanah? Perincian tunggakan tersebut mengikut daerah.
 - (a) Terdapat berapa kes yang tindakan diambil oleh Pentadbir Tanah untuk mengeluarkan perintah bahawa tanah itu terlucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui notis Perkembalian Tanah kepada Kerajaan sejak tahun 2008 hingga 2017?

26. Di setiap daerah terdapat berapa tapak dewan orang ramai dan kawasan lapang yang masih belum diserahkan oleh pemaju kepada MBPP dan MPSP setelah projek pembangunan siap dibina?

27. Mengapa kuarters JKR di Jalan Bukit Panchor Nibong Tebal yang telah dibina lebih 10 tahun dibiarkan kosong dan bersemak-samun?
 - (a) Apakah rancangan pihak JKR untuk mengendalikan rumah kuarters ini?
 - (b) Adakah JKR mempunyai rancangan untuk pindahkan pejabat kejuruteraan yang ada di Kampung Sethu yang selalu banjir?

28. Adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai rancangan untuk memperluaskan atau memperbesarkan Hospital Sungai Bakap?
 - (a) Terdapat berapa kakitangan, jururawat dan doktor yang bertugas di unit kecemasan Hospital Sungai Bakap pada waktu pagi, petang, malam dan tengah malam?
29. Berapa pusat hiburan berunsur judi yang telah diambil tindakan oleh MBPP dan MPSP di setiap daerah bagi tahun 2016 dan 2017?
 - (a) Berapa kes tersebut yang didakwa ke mahkamah? b) Berapa kekerapan penguatkuasaan dijalankan?
30. Apakah rancangan pihak JKR untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di laluan ke pekan Nibong Tebal? a) b)
 - (a) Apakah tindakan JKR untuk selesaikan isu jalan yang dilebarkan untuk tujuan penambahbaikan lalulintas disalahgunakan sebagai tempat letak kereta haram oleh orang ramai?
 - (b) Bilakah terminal bas akan dibina di pekan Nibong Tebal?

VIII. Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

1. MBPP pernah mencadang untuk membina satu *Flyover* untuk menyelesaikan masalah kesesakan trafik dari Gat Jalan Prangin ke Lebuhraya Tun Lim Chong Eu. Sila nyatakan status bagi cadangan tersebut dan bilakah projek ini akan dimulakan?
2. Projek Menaiktaraf Pasar Lebuh Campbell telah lama diluluskan oleh MBPP dan cadangan projek ini juga telah dipamerkan kepada stakeholders dan orang awam, namun projek ini masih belum ditender sehingga hari. Apakah sebab-sebab kelewatan?
3. Kawasan Komtar telah dilanda banjir kilat pada 15 September 2017, kawasan-kawasan ini termasuk Jalan Kuantan, Jalan Kg Jawa Baru, Jalan Kg Jawa Lama, Jalan Perlis, Jalan Anson, Lebu Nanning, Lorong Baru, Lorong Kinta, Lebu Cintra dan Lorong Carnavon. Mohon MBPP memberi penyelesaian terhadap masalah ini.
4. Pulau Pinang mempunyai banyak pasar-pasar yang bersejarah, ada juga pasar yang telah dibangun semula untuk kegunaan lain. Adakah pihak berkuasa tempatan berhasrat untuk mendirikan "Muzium Pasar" untuk merekodkan sejarah pembangunan pasar di Negeri Pulau Pinang agar ianya juga boleh dijadikan satu tarikan perlancongan?
5. Terdapat sebaris rumah usang dalam Tapak Komtar Fasa 5 yang berada dalam keadaan yang amat bahaya, sila beri maklumbalas tentang rancangan untuk membaikpulih rumah tersebut, bilakah kerja ini akan dimulakan dan dijangka siap?
6. Jalan-jalan di dalam Tapak Warisan Dunia agak sempit, semasa berlakunya kecemasan atau kebakaran, kereta bomba yang jenis bertangga saiz besar susah berfungsi. Adakah pihak bomba akan menyediakan jenis kereta bomba yang bertangga saiz kecil supaya kerja menyelamatkan dapat dijalankan dengan lebih cekap?
7. Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Daerah Timur Laut adalah terhad, terutamanya dalam Parlimen Tanjong. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk menyediakan lebih banyak tapak RIBI di Daerah Timur Laut? Dan adakah MBPP akan melonggarkan syarat-syarat rumah kedai ditukarguna kepada RIBI?
8. Sila berikan statistik permohonan rumah RMM jenis A, B,C,D dan E bagi kawasan DTL dan DBD mengikut umur 21-30, 31-40, 41-50, 51-60 dan 60 ke atas dan status perkahwinan. Adakah kerajaan Negeri akan mengkaji supaya memberi keutamaan kelulusan kepada pemohon kategori umur 21-30 yang berkahwin dan mempunyai anak ?

9. Untuk mempergiatkan lagi fungsi Briged Wanita, bolehkah kerajaan negeri memberi elaun bulanan kepada Ketua Penyelaras Briged Wanita seperti elaun yang diberi kepada Pengerusi JKKK?
10. Cukai Pelancongan sudah dilaksanakan mulai 1 September 2017. Sila nyatakan jumlah kutipan yang diperolehi dari hotel-hotel di Negeri Pulau Pinang mengikut taraf bintang dan jumlah yang akan disalurkan balik ke akaun Kerajaan Negeri. Apakah rancangan pihak Kerajaan Negeri dengan hasil kutipan tersebut?
11. Bilangan pelancong yang melawat ke Tapak Warisan Dunia George Town semakin meningkat, adakah MBPP mempunyai rancangan untuk menyediakan lebih banyak tandas awam di *tourist hotspot*?
12. Sejak kebelakangan ini, MBPP telah meluluskan projek pembangunan bertingkat tinggi yang lebih daripada 50 tingkat di sekitar George Town, pembangunan ini akan mengubah streetscape di George Town. Adakah MBPP akan mengkaji supaya tidak lagi meluluskan projek pembangunan yang tinggi daripada 50 tingkat dan mengenakan SOP pembinaan yang lebih ketat?
13. Sebahagian besar penduduk di Pulau Pinang menggunakan motosikal sebagai kenderaan harian mereka. Sila nyatakan jumlah petak letak motosikal yang terdapat di dalam kawasan MBPP. Adakah jumlah petak ini cukup untuk memenuhi keperluan penduduk? Adakah MBPP mempunyai rancangan untuk menambah lebih banyak tempat letak motosikal?
14. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah mencatatkan 6.7 juta ketibaan tahun lepas, sudah melebihi kapasiti maksimum 6.5 juta penumpang. Ramai pengguna telah mengadu bahawa kesesakan kerap berlaku di terminal berlepas dan ketibaan. Bilakah Lapangan Terbang ini akan dinaiktaraf supaya dapat menyediakan ruang yang lebih selesa kepada pengguna?
15. Kebakaran yang berlaku di bangunan tinggi akan menyusahkan kerja penyelamatan. Bolehkah pihak bomba memberi penjelasan bagaimana kerja penyelamatan akan dijalankan sekiranya kebakaran berlaku di bangunan tinggi seperti Komtar? Adakah pihak bomba mempunyai rekod semakan bagi memastikan kelengkapan keselamatan kebakaran di setiap bangunan tinggi ini sentiasa dalam keadaan yang berfungsi?
16. Lebih dari setengah penerima bantuan program-program emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang meninggal di luar kawasan KADUN Komtar. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengedarkan bantuan bagi kesemua program-program emas kepada penerima melalui e-banking supaya penerima tidak perlu datang ke Komtar untuk menerima sumbangan?
17. Harta-harta untuk kegunaan tertentu seperti kebajikan dan bukan untuk mendapatkan keuntungan layak mendapat pengecualian atas cukai taksiran di bawah Seksyen 134 dan 135, AKT 1976. Sila nyatakan bilangan organisasi di Pulau dan Seberang Perai yang mendapat pengecualian ini? Berapakah permohonan yang ditolak dan apakah sebabnya?
18. Sila berikan maklumbalas bagi status terbaru atas penyediaan Enakmen Penyelarasan Sewa oleh Kerajaan Negeri di kawasan Tapak Warisan George Town.
19. Berapakah peratus bagi Air Tidak Berhasil (NRW) di Pulau Pinang sekarang? Apakah rancangan PBA untuk mengurangkan NRW ini?

20. Prangin Mall merupakan projek pembangunan yang telah siap pada tahun 2000, tetapi Strata Title masih belum dikeluarkan kepada pembeli sehingga hari ini. Sila nyatakan sebab-sebab dan cara penyelesaian.
21. Aktiviti perternakan lembu secara haram telah berlaku di tanah rizab JPS di tepi Sungai Pinang. Sila nyatakan agensi yang bertanggungjawab dan tindakan penyelesaian yang akan diambil. Sila nyatakan kawasan-kawasan lain di kawasan Georgetown yang juga dikenalpasti berlakunya perternakan lembu haram.
22. Bilakah kerja mengorek, melebar dan mendalam muara dan dasar Sungai Pinang akan dijalankan?
23. Kemudahan Penang Free Wifi sudah lama diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri. Sila Nyatakan bilangan pengguna yang berdaftar dan jumlah bilangan hotspot Penang Free Wifi di sekitar Pulau Pinang? Adakah bancian kepuasan pengguna telah dijalankan? Apakah Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mempertingkatkan lagi kemudahan ini?
24. Kebakaran yang mengorbankan 23 nyawa telah berlaku di sebuah sekolah agama di Kuala Lumpur. Sila senaraikan bilangan sekolah agama di Pulau Pinang yang belum berdaftar dengan jabatan agama, belum dapat permit PBT dan kelulusan keselamatan daripada pihak bomba. Apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengelakan kebakaran seperti ini?
25. GST yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan ke atas projek-projek tertentu termasuk infrastruktur awam seperti membina jalan, menaiktaraf pasar, projek tebatan banjir dan lain-lain. Sila nyatakan jumlah GST yang dibayar oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek ini.
26. Kes kereta terjunam dari parkir bertingkat telah berlaku di Genting Highlands dua bulan yang lalu dan telah mengorbankan 2 nyawa. Kes seperti ini pernah berlaku di Pulau Pinang dan negeri lain. Apakah langkah yang sesuai untuk mengelakan kejadian ini berlaku ?
26. Prasarana telah mengambil alih perkhidmatan feri Pulau Pinang pada 1 Julai 2017 yang lepas. Bolehkah nyatakan usaha penambahbaikan perkhidmatan yang telah diambil dan akan dilaksanakan pada masa yang akan datang?
27. Kemudahan Taman Negara Pulau Pinang tidak diselenggara dengan baik, kerja-kerja baik pulih Canopy Walk juga tidak diberi peruntukan bagi tahun 2016. Bagaimanakah pihak Taman Negara boleh dapat dana yang cukup untuk kerja-kerja ini? Adakah pihak Taman Negara mempunyai rancangan supaya mengenakan bayaran kepada pelawat mengikut cadangan daripada hasil kajian USM?
28. Sila nyatakan semua projek perumahan swasta terbengkalai di Pulau Pinang. Apakah rancangan Kerajaan untuk menghidupkan semula projek-projek ini? Apakah syarat-syarat yang boleh dikenakan kepada pemaju bagi projek perumahan swasta yang baru supaya projek perumahan yang terbengkalai tidak berlaku lagi?
29. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan untuk memberi amaran dan ramalan kepada orang awam mengenai banjir yang akan berlaku?
30. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan untuk memberi amaran dan ramalan kepada orang awam mengenai banjir yang akan berlaku?

IX. Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

1. Apakah tindakan yang akan diambil dalam bidang kuasa kerajaan negeri untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang semakin serius di kawasan perindustrian Bayan Lepas?
2. Kebelakangan ini Jabatan Perkhidmatan Pembentungan telah menjalankan projek menaik taraf sistem pembentungan di kawasan Batu Uban, tetapi projek ini mengakibatkan kesesakan di jalan Sg Dua kerana separuh jalan ditutup. Apakah pihak MBPP ada menjalankan kajian lalu lintas sebelum kebenaran projek dikeluarkan?
3. Restoran beroperasi di rumah kedai memang membuang sampah yang banyak. Ada sesetengah pengusaha restoran mempunyai sistem pembuangan sampah yang tersusun. Ada yang langsung tidak ada. Soalnya, adakah pihak MBPP mempunyai cadangan untuk mewajibkan semua pengusaha makanan menyediakan tong sampah masing-masing?
4. Sungai dan Parit yang tercemar memang bertentangan dengan agenda Cleaner Greener Penang. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak PBT dan Jabatan Alam Sekitar bagi menangani isu ini? Adakah saman telah dikeluarkan kepada mana-mana pihak yang mencemarkan sungai dan parit? Berapakah kos saman yang dikenakan?
5. Saya difahamkan rumah teres boleh membela anjing. Berapakah ekor anjing yang boleh dibela oleh sesebuah rumah? Adakah pihak berkuasa boleh mengambil tindakan terhadap tuan punya anjing jika anjing yang dibelanya itu menimbulkan kacau ganggu kepada jiran tetangga? Apakah bentuk tindakan dan berapa saman yang dikenakan?
6. Kebanyakan Flat kos rendah menghadapi masalah Perbadanan Pengurusan atau Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang umpama hidup segan mati tidak mahu. Tanpa Badan Pengurusan keadaan adakah dalam caca marba. Adakah Kerajaan Negeri ada cadangan untuk mengatasi masalah ini seperti menyediakan Caretaker untuk mengurus selia rumah pangsa yang bermasalah?
7. Semua benda di dunia ini ada jangka hayatnya termasuk jalan tar, longkang, parit, lampu awam, papan tanda jalan dan sebagainya. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan ada cadangan untuk mewujudkan satu pasukan pemantau/pertugas untuk memantau kerosakan longkang, lampu awam sebagai tindakan proaktif?
8. Media massa melaporkan tindakan tegas Pihak Berkuasa Tempatan terhadap penghuni rumah flat, pangsapuri, kondo yang tidak membayar yuran penyelenggaraan. Setakat hari ini berapakah orang penghuni yang telah dikenakan tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan? Apakah bentuk denda? Adakah tindakan bersepadu seperti pemotongan bekalan air perlu dilakukan untuk menghadapi penghutang tegar?
9. Isu rumah yang tidak berpenghuni memang tidak asing lagi. Rumah yang tidak berpenghuni biasanya ditumbuhi lalang dan tumbuhan liar yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk dan binatang berbahaya seperti ular, biawak dan nyamuk aedes. Apakah tindakan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menangani masalah ini?
10. Zon atau kawasan industri kecil dan sederhana perlu diwujudkan di Pualu Pinang dengan kemudahan dan persekitaran industri kecil dan sederhana. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu sistem untuk memastikan kesihatan awam dan persekitaran tetap terpelihara?

11. Ada pengusaha gerai jalanan yang membuang sisa makanan ke dalam longkang. Apakah mekanisme yang boleh diambil untuk mengelakkan longkang menjadi longgokan sampah bahan masakan? Adakah grease trap boleh berfungsi untuk mengatasi masalah ini? Adakah pihak berkuasa ada cadangan untuk mewajibkan semua pengusaha gerai berlesen/ tidak berlesen memasang grease trap?
12. Kita mengakui peranan warga asing di negara kita. Kehadiran mereka harus saling melengkapi dengan penduduk tempatan dan bukannya mewujudkan persaingan yang sengit. Adakah warga asing yang telah membuka gerai menjual makanan di sepanjang Jalan Rumbia mempunyai lesen? Adakah pihak berkuasa memantau gerak geri warga asing agar kepentingan penduduk tempatan terpelihara?
13. Masih ada flat yang yuran penyelenggaraan bulannya hanya RM20.00 Jumlah unit yang ada pula berjumlah 40. Kalaulah kutipan adalah 100% dengan jumlah RM800.00 memang tidak berupaya untuk menanggung segala perbelanjaan. Adakah Kerajaan Negeri akan menetapkan atau menyeragamkan yuran penyelenggaraan berdasarkan kategorinya?
14. Memang menjadi tanggungjawab JKKK kawasan membantu golongan yang daif memohon beberapa produk Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti bantuan orang tua (BOT), bantuan AM (BA), bantuan kanak-kanak (BKK) dan sebagainya. Pada era teknologi maklumat ini, bilakah JKM Negeri Pulau Pinang akan mula membolehkan permohonan segala bantuan ini dilakukan secara on-line?
15. Kawasan industri kecil dan sederhana telah dizonkan. Adakah rumah-rumah kedai yang berhampiran dengan kawasan perumahan boleh dijadikan kawasan industri kecil dan sederhana yang boleh meninggalkan beberapa impak kesihatan dan alam sekitar? Apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri terhadap pengusaha di rumah-rumah kedai ini?
16. Apakah sistem perlu diwujudkan untuk memastikan infrastruktur di sesebuah kawasan perumahan atau flat diselenggarakan dengan seeloknya setelah kawasan awam (common area) seperti jalan, parit, pokok diserahkan kepada Majlis?
17. Setiap bulan ada tambahan sebanyak 3600 buah kenderaan baharu di Pulau Pinang. Tempat letak kenderaan tidak ditambah. Hal ini menimbulkan masalah kekurangan tempat letak kenderaan dan kesesakan lalu lintas. Apakah status Pelan Induk Pengangkutan Kerajaan Negeri? Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam?
18. Seseorang yang membela anjing di rumah teres perlu memohon lesen anjing dan suntikan vaksin pada setiap tahun. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan juga ada cadangan untuk mewajibkan lesen dan suntikan vaksin untuk kucing? Ada pergaduhan apabila tuan punya kucing enggan mengakui kucing belajannya yang telah menimbulkan kacau ganggu kepada jiran?
19. Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk mengembiri anjing dan kucing yang tidak bertuan atau mencari keluarga angkat agar isu ini dapat ditangani dengan sifat penuh kemanusiaan? Pihak Kerajaan Negeri boleh berkerjasama dengan SPCA atau NGO lain untuk menangani masalah ini?
20. Kehadiran kereta buruk ini membazirkan ruang dan menjejaskan imej negeri kita. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri ada banyak tanah terbiar. Alangkah baiknya jika tanah terbiar itu dimanfaatkan sebagai depo kereta buruk yang boleh menjana sumber pendapatan kepada

21. Adakah Kerajaan Negeri ada cadangan untuk memberikan KPI atau gred kepada JKKK yang ada? Elaun pengerusi, setiausaha dan AJK harus diberikan berdasarkan gred masing-masing agar wujudnya persaingan yang sihat dalam kalangan JKKK. JKKK harus menjadi aset kepada Kerajaan Negeri dan bukannya liabiliti.
22. Apakah agensi yang terlibat untuk membaiki kerosakan yang berpunca daripada kemalangan? Pada kebiasaannya pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan membaiki kerosakan lampu isyarat. Pihak MBPP atau agensi lain sering terlepas pandang untuk membaiki papan tanda, tiang lampu awam milik MBPP. Apakah SOP MBPP untuk membaiki segala kerosakan yang berpunca daripada kemalangan?
23. Penguatkuasa yang lemah telah menyebabkan taman kejiranan dan lorong belakang rumah teres menjadi tempat baik anjing peliharaan mahupun anjing liar membuang najis. Adakah Kerajaan Negeri ingin menguatkuasakan undang-undang tersebut seperti di Subang Jaya, Selangor?
24. Banyak anak muda hari ini diisytiharkan bankrap kerana pengurusan kewangan yang tidak bijak. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu skim yang menggalakkan anak-anak muda untuk membuat pelaburan untuk menjamin masa depannya? Apakah bentuk kesedaran yang boleh diberikan kerajaan kepada mereka?
25. Kos rawatan dan perubatan semakin meningkat sehingga membebankan golongan masyarakat yang berpendapatan rendah. Adakah Kerajaan Negeri ada cadangan untuk meniru program Peduli Sihat daripada Kerajaan Negeri Selangor?
26. Tikus ialah binatang perosak yang sangat berbahaya. Makanan yang terdedah kepada kencing tikus boleh memudaratkan kesihatan. Kehadiran tikus pula berkait rapat dengan pembuangan sisa makanan. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membendung pembiakan tikus?
27. 24) Tanah terbiar milik kerajaan boleh diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Soalnya apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pemilik tanah terbiar yang tidak menyelenggarakan tanah mereka?
28. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menangani isu gelandangan warga emas memandangkan fenomena ini boleh menjejaskan imej negeri kita? Adakah Kerajaan Negeri pernah menjalankan apa-apa kajian berhubung dengan kehadiran golongan gelandangan yang semakin banyak?
29. Memang ada banyak produk kebajikan untuk Orang Kurang Upaya [OKU] daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kerajaan Negeri. Apakah program atau kemahiran yang boleh diatur untuk golongan ini agar dapat hidup berdikari daripada menadah tangan untuk menagih simpati?
30. Bilangan taman kejiranan sering ditambah dari semasa ke semasa seiring dengan agenda Cleaner Greener Penang. Soalnya siapakah yang bertanggungjawab untuk untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan taman kejiranan ini? Adakah kontraktor jalan dan parit MBPP atau staf dari Jabatan Landskap MBPP? Adakah edible landskap boleh dijalankan di padang awam milik MBPP?

X. Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

1. (a) Berapakah jumlah lesen pusat hiburan keluarga, pusat karaoke, snooker dan rumahurut yang telah diluluskan setiap tahun sejak 2008-2017 dan berapakah yang beroperasi tanpa lesen. Adakah rancangan untuk pemutihan pusat-pusat tersebut?
(b) Berapakah lesen yang telah diluluskan walaupun tidak disokong oleh pihak Polis?
2. Berapakah sekolah agama (tahfiz) yang ada dalam Negeri Pulau Pinang dan berapakah yang telah didaftarkan dengan MAINPP? Apakah bentuk bantuan kewangan, latihan untuk pengurusan dan tenaga pengajar yang diberi oleh pihak MAINPP?
3. Jawatankuasa untuk penubuhan Sekolah Agama Rakyat di tapak sebelah Masjid Daerah SPU telah memohon untuk menubuhkan sekolah berkenan kepada MAINPP. Apakah perkembangan permohonan tersebut?
4. Tanah-tanah Wakaf di Negeri Pulau Pinang:
 - (a) Sila senaraikan projek-projek pembangunan.
 - (b) Apakah status pembangunan tersebut.
 - (c) Dari manakah sumber kewangan untuk projek-projek tersebut dan pihak yang terlibat untuk memajukannya?
5. Sila nyatakan jumlah kutipan bayaran peparitan yang dibuat oleh pemaju-pemaju projek pembangunan dalam negeri Pulau Pinang kepada MPSP dan MBPP setiap tahun dari 2008 sehingga 2017 beserta butiran jumlah keluasan setiap projek mengikut daerah.
6. (a) Berapa banyakkah berlaku air yang hilang/terbazir (*non-revenue water*) oleh PBA (setiap tahun sejak 2008). Apakah sebab-sebab ianya berlaku.
(b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh PBA untuk mengurangi dan mengatasi masalah itu dan berapa peruntukan yang disediakan berbanding dengan kos pengurusan yang dipakai setiap tahun.
7. Sila nyatakan jumlah permohonan yang dibuat dan berapakah kelulusan yang diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengeluarkan/menukar status warisan bangunan-bangunan yang dibuat sejak Bandaraya George Town diisytiharkan sebagai Bandar Warisan.
8. Sila senaraikan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri dan PDC yang telah dijual sejak 2008 hingga sekarang. Sila nyatakan keluasan, nilai harga jualan, jenis projek yang dimajukan, pembeli dan sama ada harga beli tanah telah selesai dibuat atau tidak.
9. Apakah status perjanjian konsensi tambakan laut yang dibuat dengan Rayston Sdn Bhd. Adakah pelan pelaksanaan tambakan laut telah dikemukakan dan apakah perancangan induk pembangunan di atas tanah yang ditambak itu telah disediakan untuk makluman Kerajaan Negeri?
10. Sila senaraikan tapak-tapak sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil dan Sekolah Agama Rakyat yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri sejak 2008-2017 dan berapakah nilai sebenar tanah-tanah tersebut? Dimanakah sumber kewangan untuk membina sekolah-sekolah tersebut diperolehi dan berapakah jumlah peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri?
11. Sila senaraikan tindakan perobohan ke atas bangunan haram yang telah dibuat oleh MBPP dan MPSP sejak 2008 sehingga sekarang mengikut tarikh, alamat/lokasi dan jenis bangunan/premis dan jenis-jenis kegunaan masing-masing.

12. Ketua Menteri mengumumkan penggunaan dana berjumlah RM500 juta untuk membina rumah untuk rakyat Pulau Pinang. Sila senaraikan.
 - (a) Projek, lokasi, bilangan unit yang akan dibina dan jumlah kewangan
 - (b) Harga jualan, tarikh mula bina dan tarikh siap.
13. Apakah status skim-skim pembinaan kediaman untuk menempatkan warga asing yang berkerja di Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri dan pihak swasta. Sila nyatakan lokasi, kilang yang terlibat dan jumlah jenis kediaman yang dibina yang telah dirancang dan telah siap.
14. Sila senaraikan projek perumahan yang telah diluluskan sejak 2015 di Daerah Balik Pulau mengikut nama pemaju, jenis projek dan jumlah unit, tarikh jangka siap, jumlah bayaran pembangunan (*development charges*) yuran tukar syarat yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri.
15. Berapakah kes penganiayaan/pengabaian kanak-kanak yang berlaku di Pulau Pinang untuk 3 tahun ini? Adakah Kerajaan Negeri menyediakan sebarang insentif untuk menggalakkan penubuhan pusat jagaan kanak-kanak taska dan tadika di kilang, jabatan dan premis membeli-belah. Setakat manakah premis-premis yang beroperasi sekarang untuk tujuan itu diberi kelulusan dan dibuat pemulihan.
16. Sila nyatakan pertubuhan dan jumlah peruntukan yang telah diberi kepada persatuan dan aktiviti belia dan sukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2013-2017.
17. Apakah status permohonan oleh LKIM Pulau Pinang untuk mendapat TOL tapak Jeti Nelayan Bagan Ajam. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu LKIM dan nelayan Bagan Ajam untuk memanfaatkan jeti nelayan tersebut dan meneruskan pembinaan fasa dua projek yang melibatkan kemudahan nelayan dan industri berkaitan di situ.
18. Penyelaras KADUN yang dilantik oleh Ketua Menteri:
 - (a) Nyatakan siapa mereka?
 - (b) Jumlah elaun, peruntukan dan lain-lain kebajikan yang diberi kepada setiap penyelaras tersebut pada tahun 2016.
19. (a) Sila nyatakan jumlah peruntukan kos termasuk penyelenggaraan Penang Free WiFi Kerajaan Negeri kepada syarikat atau pembekal Penang Free WiFi.
 (b) Adakah keseluruhan kawasan dalam negeri Pulau Pinang telah mendapat kemudahan ini?
20. Sila nyatakan jumlah unit tempat letak kereta telah ditambah oleh Kerajaan Tempatan dari tahun 2008-2016? Sila huraikan tempat dan jumlah unit petak mengikut daerah. Berapakah jumlah kutipan yang diperolehi setahun dan jumlah tambahan yang dikutip.
21. Sila huraikan terperinci nama pemaju dan nama projek pembangunan yang hanya membayar pampasan dan tidak perlu membina rumah kos sederhana rendah dan rumah kos rendah mengikut daerah di Pulau Pinang dari tahun 2007 hingga sekarang.
22. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina projek perumahan kos sederhana rendah dan rendah dibawah RM100K dari tahun 2008 sehingga Sept 2017? Sila senaraikan dengan terperinci nama projek, nama pemaju, lokasi mengikut daerah. Sekiranya tidak mengapa?

23. 24. Sila nyatakan jumlah bilangan orang yang disenaraikan dalam senarai menunggu ataupun dalam proses untuk tawaran rumah kos rendah kerajaan, mengikut pecahan kaum, nama projek yang ditawarkan di setiap daerah sehingga 30 September 2017.
24. Sila senaraikan terperinci melalui Akta Pengambilan Tanah, Berapakah jumlah tanah telah diambil oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah dan lot lot tersebut. Sila beritahu jumlah keluasannya dan tujuan pengambilan tanah serta jumlah pampasan yang diberikan. Apakah pencapaian pembangunan dan keuntungan kepada Kerajaan Negeri?
25. Bangunan kekal di Pantai Bersih Bagan Ajam:
- Apakah tindakan selanjutnya yang diambil oleh Kerajaan Negeri selepas dibangkit dalam sidang lepas?
 - Berapakah bilangan bangunan kekal & sementara yang telah dibina di kawasan tersebut?
 - Apakah dasar & bentuk penguatkuasaan oleh MPSP & Pejabat Tanah tentang binaan-binaan ini?
26. (a) Berapakah jumlah kenderaan yang dimiliki oleh penduduk Pulau Pinang?
 (b) Nyatakan jumlah kenderaan luar yang masuk Pulau Pinang pada hujung minggu melalui Jambatan Pulau Pinang, Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah dan feri?
 (c) Sila beri unjuran kegunaan jalan raya Pulau Pinang untuk tempoh 5 & 10 tahun akan datang.
27. Berapakah jumlah hartanah dalam kawasan warisan, luar kawasan warisan dalam Bandaraya George Town, lain-lain kawasan di Negeri Pulau Pinang yang telah dipindah milik kepada bukan warganegara Malaysia (individu/syarikat) yang majoriti pemegang saham bukan Bumiputera sejak 2008-2017. Berapakah kutipan bayaran yang diperolehi oleh Pejabat Daerah untuk pindah milik tersebut?
28. Kenapakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih belum mrngemukakan Laporan Kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut kepada Kementerian Kerjaraya seperti yg dijanjikan? Berapakah jumlah bayaran untuk kajian tersebut yg telah dibuat kepada syarikat yg melaksanakannya?
29. Berapakah jumlah nilai kerugian yang dialami oleh penduduk Pulau Pinang akibat banjir yang berlaku 5 tahun ini: a) Harta benda b) Hasil tanaman, ternakan dan industri c) Masa kerja dan produktiviti Adakah Kerajaan Negeri telah membuat perancangan yang mencukupi untuk mengelak kejadian banjir di kawasan-kawasan yg berisiko tinggi ?
30. Sila huraikan:
- Permohonan Hak Milik Strata oleh pemilik bangunan bertingkat sejak tahun 2015-2017 masih tidak selesai
 - Butiran mengikut tahun, jumlah projek, tarikh projek diberi Sijil Kelayakan Menduduki dan keseluruhan petak.
 - Mengapa permohonan masih belum mendapat hak milik strata, dan apakah tindakan terhadap pihak yang belum membuat permohonan.

XI. Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

1. Sila senaraikan tapak RIBI yang telah diluluskan oleh MBPP kepada mana-mana pertubuhan/persatuan di Pulau Pinang.
2. Sila senaraikan projek-projek yang telah dijalankan oleh JPS di KADUN Paya Terubong daripada tempoh 2013 hingga 2017.
3. Sila nyatakan status terkini pembinaan Jalan Berkembar Bukit Kukus di Paya Terubong.
4. Sila senaraikan jumlah projek yang telah dijalankan oleh JKR di KADUN Paya Terubong daripada tahun 2013 hingga 2017.
5. Sila nyatakan status terkini mengenai Tapak RIBI di Lot. No 10530, MK 13, DTL. Sila senaraikan nama pemohon untuk tapak RIBI berkenaan. Juga jelaskan apakah kriteria atau syarat untuk mendapat kelulusan Tapak RIBI daripada kerajaan negeri.
6. Sila jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah banjir kilat yang berlaku di Lebuhraya Then Teik.
7. Sila jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan sektor pelancongan negeri ini kepada pengunjung daripada Benua Amerika dan Eropah.
8. Sila nyatakan peruntukan yang diberikan oleh agensi Kerajaan Pusat untuk meningkatkan infrastruktur di KADUN Paya Terubong .
9. Sila nyatakan pencapaian Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri *zero carbon footprint*.
10. Sila nyatakan status terkini projek pemulihan pasar awam di KADUN Paya Terubong yang dibina oleh Pacific Construction Sdn Bhd.
11. Sila senaraikan projek perumahan atau mana-mana projek pembinaan yang melebihi 40 tingkat yang diluluskan oleh MBPP dalam tahun 2016 dan 2017.
12. Sila nyatakan status terkini mengenai proses pewartaan "Penang Local Plan".
13. Sila nyatakan status terkini mengenai pembinaan sekolah antarabangsa yang baru di Strait Quay.
14. Sila nyatakan status terkini mengenai permohonan Copthorne Hotel untuk pembinaan semula sehingga 60 tingkat. Adakah Kerajaan Negeri mengambilkira faktor sosio ekonomi, alam sekitar dan juga bantahan daripada penduduk sekitar berbanding dengan keuntungan komersial pemaju?
15. Sila senaraikan kolam takungan hujan yang berada di KADUN Paya Terubong. Sila senaraikan jumlah peruntukan yang telah diperuntukan oleh JPS untuk menaiktaratkan kolam-kolam tersebut dan juga apakah peranan JPS dalam menyelenggara kolam-kolam tersebut.
16. Sila senaraikan jumlah pelancong yang datang ke Negeri Pulau Pinang dari Januari 2017 hingga September 2017 mengikut negara. Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong daripada Asia Timur?
17. Sila nyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu ibu tunggal dalam

mencari kerja dan pada yang masa yang sama dapat menjaga anak-anak kecil mereka.

18. Sila senaraikan pangsapuri di seluruh Pulau Pinang yang telah melancarkan Projek Pengasingan Sisi Di Punca. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak MBPP dan Penang Green Council dalam menggalakan pangsapuri melancarkan projek tersebut?
19. Sila nyatakan status terkini mengenai tapak Kilang Getah Lee Rubber di Paya Terubong.
20. Adakah suatu lokasi stesen LRT akan dibina di mana-mana kawasan di Paya Terubong mengikut *Penang Transport Master Plan* memandangkan Paya Terubong merupakan kawasan yang paling tinggi populasi di Pulau Pinang.
21. Memandangkan peningkatan penduduk di kawasan Paya Terubong, adakah sebuah hospital atau pusat perubatan dicadangkan di Paya Terubong tanpa kira daripada hospital kerajaan atau hospital swasta. Apakah syarat-syarat untuk menubuhkan sebuah hospital di suatu kawasan?
22. Sila senaraikan projek penabatan laut yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebelum tahun 2008 dan selepas 2008.
23. Sila nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri atau penajaan yang diberikan oleh mana-mana agensi Kerajaan Negeri kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP).
24. Sila nyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah letak bas kilang di kawasan perumahan di Relau.
25. Sila nyatakan jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat untuk menaiktarafkan Jalan Paya Terubong dan juga Lebuhraya Thean Teik.
26. Sila nyatakan status terkini mengenai cadangan pembinaan marina di Tingkat Laut Tanjung Bungah. Adakah Taman Rakyat telah digugurkan atau akan dilancarkan di "sore thumb" Tingkat Laut?
27. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa cadangan atau langkah-langkah untuk menjadikan Pulau Pinang disenaraikan sebagai 10 bandaraya yang paling sesuai dihuni di Dunia?

XII. Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

1. (a) Senaraikan kedudukan semua rumah pam dan pintu air di seluruh kawasan Parlimen Jelutong.
(b) Berapakah jumlah kos penyelenggaraan untuk rumah pam dan pintu air?
(c) Apakah masalah yang dihadapi dan apakah kaedah untuk menanganinya?
2. Air hujan yang berlebihan mengakibatkan banjir kilat pada bulan September 2017. Bencana banjir ini juga terdedahnya kelemahan dalam SOP pengurusan bencana.
(a) Senaraikan kekurangan/cabaran pada pengurusan waktu bencana?
(b) Apakah tindakan proaktif yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tertimbul? Misalnya, saluran untuk orang awam mendapat maklumat bantuan kecemasan dari Jabatan berkenaan.
3. (a) Adakah Kerajaan Pulau Pinang berhasrat menarik lebih ramai warga cendekiawan dari

- luar negara untuk berkhidmat di Negeri Pulau Pinang?
- (b) Sila senaraikan program yang dijalankan untuk menarik para profesional dalam tahun 2013-2017
 - (c) Senaraikan bidang dan bilangan profesional luar negara yang sedang berkhidmat di Negeri Pulau Pinang dalam tahun 2013-2017.
4. (a) Huraikan dengan terperinci keperluan tenaga kerja untuk perancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam setiap sektor perindustrian di semua Zon Perniagaan Bebas Negeri Pulau Pinang.
(b) Senaraikan semua jawatan sedia ada, samada diisi atau belum diisi.
 5. Isu kewarganegaraan masih wujud dan menimbulkan pelbagai masalah kepada masyarakat terutamanya golongan wargatua yang telah kian lama menetap di negara kita.
(a) Sila senaraikan secara terperinci, jumlah permohonan dari wargatua yang belum dapat kewarganegaraan Malaysia?
(b) Apakah tindakan sewajar oleh Kerajaan Pusat untuk menangani isu masalah kewarganegaraan Malaysia?
 6. Sila senaraikan dengan terperinci jumlah bilangan projek tebatan banjir dan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di seluruh kawasan Parlimen Jelutong dari tahun 2008 hingga tahun 2017.
 7. Kes demam denggi tidak dapat dihapuskan sama sekali malah bilangan kes masih amat tinggi. Demam denggi juga mengakibatkan kehilangan nyawa rakyat jelata. a) Apakah tindakan Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri dalam menangani masalah demam denggi yang berlaku sekian lama ini? b) Adakah kaedah menghapuskan vektor demam denggi perlu dikaji semula?
 8. (a) Berapakah jumlah bilangan golongan OKU berdaftar di negeri Pulau Pinang?
(b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu kebajikan warga OKU terutamanya golongan buta dan pekak?
(c) Sila senaraikan program-program yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan OKU ini.
 9. Banyak perniagaan tradisional di negeri hampir pupus, misalnya kedai runcit, kedai ubat tradisional, kedai jahit baju, makanan tradisional dan lain-lain.
(a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu peniaga tradisional ini memandangkan terdapat persaingan hebat dari pasaraya antarabangsa?
(b) Senaraikan insentif disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan lebih ramai menceburi dalam perniagaan tradisional.
 10. Ramai wargatua tidak ada sumber kewangan selepas bersara.
(a) Apakah tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan ini yang tidak layak untuk bantuan kebajikan masyarakat?
(b) Adakah perlu kerajaan membantu mereka menyara kos kehidupan dan menangani isu penuaan dengan menyediakan peluang pekerjaan seperti mewujudkan stor perniagaan di taman perumahan mereka?
 11. (a) Senaraikan jumlah bilangan unit rumah dan lokasinya di sekitar Pulau Pinang yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tempat tinggal semasa bencana alam berlaku.
(b) Nyatakan bilangan mangsa bencana dan unit perumahan sementara yang disediakan dari tahun 2013 hingga 2017.

- (c) Apakah cabaran yang dihadapi dalam penyediaan tempat tinggal sementara?
12. Untuk mengekang warga asing daripada terlibat dalam sektor penjaja kecil, apakah yang telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan warga tempatan tidak terpinggir dalam sektor ini ? Sila huraikan dengan terperinci.
 13. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menangani permasalahan unit Rumah Mampu Milik A (LC) dan Rumah Mampu Milik B (LMC) yang disewakan kepada warga asing ? Apakah tindakan diambil setakat ini, sila huraikan
 14. Berapakah jumlah pengecualian GST yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 & 2017? Sila senaraikan dengan terperinci.
 15. Senaraikan statistik terkini penduduk Pulau Pinang mengikut pecahan:
 - (a) Daerah
 - (b) Bangsa
 - (c) Jantina
 16. Nyatakan jumlah yang telah dibelanjakan untuk penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan, negeri & bandaran dalam tahun 2016 dan 2017 ? Senaraikan dengan terperinci.
 17. Sila nyatakan bilangan penjaja tanpa lesen yang telah diambil tindakan oleh MBPP mengikut daerah dan kaum dari tahun 2013 hingga 2017. Apakah tindakan oleh MBPP untuk menangani permasalahan ini ? Sila huraikan.
 18. Apakah pencapaian tahap kualiti air di Sungai Pinang dengan menggunakan teknologi IQPR selama tiga (3) tahun ini (2014-2017)? Adakah kerajaan berhasrat mengetatkan penguatkuasaan ke atas pihak yang mencemarkan sungai? Sila senaraikan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil sejak tahun 2014.
 19. Difahamkan bilangan permohonan kemasukan kanak-kanak dibawah umur (dilahirkan sebelum 15hb Januari) ke Tahun 1, sekolah rendah semakin kurang. Apakah sebabnya? Apakah peratusan pemohon(kanak-kanak)dibawah umur ke tahun 1 yang berjaya melepasi sesi saringan yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri? Berdasarkan apa kriteria kanak-kanak bawah umur dipilih masuk ke tahun 1? Sila huraikan.
 20. Tapak RIBI yang tidak mencukupi adalah satu masalah dihadapi penganut-penganut dan kerajaan terutamanya di kawasan Jelutong dimana mempunyai permintaan tinggi terhadapnya. Apakah Kerajaan Negeri akan mengenalpasti tapak RIBI yang mencukupi untuk menempat semula rumah ibadat supaya lebih teratur dan tersusun?Huraikan. Nyatakan bilangan RIBI yang berdaftar/tidak berdaftar mengikut daerah dan lokasi.
 21. Masalah kenderaan usang terbiar telah mendatangkan permasalahan bertahun-tahun dan masih tidak dapat ditangani oleh PBT.
 - (a) Nyatakan statistik kenderaan usang yang telah ditarik dan belum ditarik oleh PBT
 - (b) Apakah usaha 'proaktif' PBT untuk pengurusan kenderaan usang selain daripada biarkan kenderaan usang ini dengan alasan tiada tempat penyimpanan kenderaan usang? Huraikan.
 22. (a) Sila senaraikan projek-projek yang akan dijalankan di KADUN Sungai Pinang dalam bajet MBPP 2018.
 - (b) Adakah apa-apa penaiktarafan akan dijalankan di Kompleks Taman Sri Pinang supaya ia lebih menarik dan *sustainable*.

- (c) Bilakah usaha penempatan semula gerai-gerai tanpa lesen di tepi jalan dan sekitar luar kompleks makanan akan dilaksanakan? Huraikan.
23. Tempoh pendidikan implementasi dasar pengasingan sisa di punca sejak bulan Jun 2016 telah tamat.
- Apakah peratusan pelaksanaan yang telah dicapai dan berapakah kos penjimatan PBT?
 - Bilakah sasaran sifar sisa dijangka akan dicapai?
 - Apakah tindakan penguatkuasaan diambil terhadap pihak yang masih tidak melaksanakan program ini? Sila huraikan.
24. Nyatakan:
- Berapakah jumlah terkini permohonan penyewaan PPR dibawah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan mengikut pecahan kaum, status dan daerah.
 - Jumlah keseluruhan unit kosong dan unit yang telah disewakan
 - Jumlah bilangan yang masih dalam senarai menunggu dan apakah langkah-langkah atau usaha kerajaan untuk membantu golongan ini?
25. Kejadian kes-kes buli di kalangan sekolah semakin berleluasa dan membimbangkan. Nyatakan statistik kes buli di kalangan sekolah.
- Apakah kerajaan atau jabatan tertentu melihat serius terhadap isu berkenaan buli di kalangan sekolah dan mengambil tindakan untuk menanganinya.
 - Apakah usaha Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri atau jabatan berkenaan membantu mangsa buli? Huraikan.
26. Dimaklumkan PPW bahawa kes penderaan seksual di kalangan kanak-kanak di Pulau Pinang adalah dalam keadaan yang amat membimbangkan. Nyatakan statistik kes penderaan seksual di kalangan kanak-kanak dalam lingkungan tahun 2013-2017. Apakah sistem sokongan daripada Kerajaan Pusat atau Negeri untuk mangsa dan apakah cadangan penyelesaian untuk jangka masa panjang untuk menangani isu ini?
27. Peranan suri rumahtangga sepenuh masa dalam menyumbang pembinaan keluarga adalah amat penting. Penghargaan dan pengiktirafan atas jasa mereka perlu dititikberatkan. Apakah inisiatif Kerajaan Pusat atau Negeri dalam pemberian nilai dan manfaat ekonomi kepada kerja-kerja rumahtangga yang tidak bergaji yang dilaksanakan oleh kebanyakan wanita, agar dinilai di dalam KDNK. Sila huraikan.
28. Masalah penyalahgunaan dadah semakin serius dan sangat membimbangkan terutamanya di kalangan remaja/ pelajar sekolah.
- Nyatakan statistik bilangan pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di Pulau Pinang.
 - Nyatakan tindakan penguatkuasaan dan usaha kerajaan dan Kementerian Pendidikan dalam membantu pelajar-pelajar ini supaya dapat kembali ke pangkuan sekolah. Huraikan.
29. Pusat jagaan kanak-kanak dan taska banyak membantu golongan kaum ibu kerjaya dan juga membantu pendidikan peringkat awal pembangunan anak-anak. Apakah Kerajaan Pusat atau Negeri berinisiatif memberi peruntukan sebagai usaha menyokong unit keluarga pada peringkat awal pembangunan anak-anak? Huraikan.
30. Apakah status dan perkembangan terkini premis Hospital Bersalin Pulau Pinang? Bilakah Hospital Bersalin Pulau Pinang ini akan dibuka semula memandangkan kesesakan telah menyusahkan ibu-ibu yang bersalin di Hospital Besar Pulau Pinang? Sila nyatakan dengan terperinci. Sila huraikan.

XIII. AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH (YB. ONG CHIN WEN)

1. (a) Sila nyatakan status pelaksanaan terkini kerja-kerja meluruskan selekoh tajam di Jalan Nangka.
(b) Sepanjang kerja-kerja penaiktarafan, berapakah insiden kemalangan jalanraya berlaku di tapak kerja-kerja penaiktarafan?
- 2 Adakah proses penyediaan Rancangan Tempatan yang baru untuk keseluruhan kawasan Seberang Perai yang menggantikan tiga draf Rancangan Tempatan Daerah (RTD) telah dimulakan? Sekiranya ya, sila nyatakan butir-butir perunding yang dilantik bagi tujuan tersebut. Sekiranya tidak, apakah sebab proses penyediaan masih belum dimulakan?
- 3 Apakah status terkini kajian semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020?
- 4 Sila nyatakan perkembangan terbaru dan bilakah projek tebatan banjir (high impact) berikut dijangka dapat dilaksanakan di tapak:-
 - (a) Parit 4, Seberang Perai Tengah
 - (b) Parit 5, Seberang Perai Tengah
- 5 Apakah perkembangan terbaru berkenaan cadangan pindaan peraturan tetap Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi mewujudkan Jawatankuasa Pilihan yang mempunyai kuasa untuk menjalankan pendengaran awam (*public enquiry*) secara terbuka?
- 6 Sila nyatakan perkara berikut berkenaan dengan *Penang Youth Development Corporation*:-
 - (a) Butir-butir peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk tahun 2015, 2016 dan 2017?
 - (b) Program / Projek yang dilaksanakan serta butir-butir kos setiap program / projek bagi tahun 2015, 2016 dan 2017?
- 7 Sila nyatakan perkara berikut berkenaan dengan *Penang Women Development Corporation*:-
 - (a) Butir-butir peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk tahun 2015, 2016 dan 2017?
 - (b) Program / Projek yang dilaksanakan serta butir-butir kos setiap program / projek bagi tahun 2015, 2016 dan 2017?
- 8 (a) Apakah status terkini pelaksanaan Projek Penaiktarafan Jalan Tok Kangar Fasa 1?
(b) Mengapakah pengambilan tanah tidak diselesaikan sebelum mula melaksanakan Projek Penaiktarafan Jalan Tok Kangar Fasa 1?
- 9 Adakah Westlite Dormitory (Penang Juru) Sdn Bhd telah bayar keseluruhan harga belian Lot 14750, MK 13, Juru, SPT kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk mendirikan kuarters pekerja asing? Sekiranya ya, sila nyatakan tarikh serta jumlah setiap kali bayaran. Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab kelewatan bayaran secara penuh.
- 10 Sila nyatakan secara terperinci bagaimanakah peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM900,000 digunakan bagi menanggung kos keseluruhan acara "Berhibur Bersama Despicable Me 3 di Pulau Pinang" yang dianjurkan oleh JWL Events.
- 11 Sila nyatakan secara terperinci bagaimanakah peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM30,000 digunakan bagi menganjurkan Pesta Tanglung di Perkampungan Juru pada 29.9.2017.

12. Apakah perkembangan terbaru kajian kebolehlaksanaan terowong dasar laut yang dibuat oleh BCG Zenith sepatutnya siap? Apakah punca kelewatan ini?
13. Apakah perkembangan terbaru tentang laporan DEIA bagi cadangan tambakan laut tiga pulau buatan di bahagian selatan Pulau Pinang yang telah diserahkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk kelulusan? Apakah maklumbalas Kementerian sehingga hari ini?

XIV. Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

1. Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan telah menghantar cadangan tuntutan ganti rugi bagi nelayan-nelayan kawasan yang lautnya telah ditebusguna; seperti di kawasan Tanjung Bunga, Pantai Bersih, Padang Kota serta kawasan pantai Seagate. Apakah pihak Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan cadangan tersebut? Jika bersetuju, bilakah dijangkakan bayaran saguhati itu akan dibayar?
2. Difahamkan bahawa pihak SRS telah membuat keputusan akan memulakan kerja-kerja penambakan laut di kawasan Pulau Pinang Selatan, pada awal tahun 2018. Jika benar, apakah langkah-langkah yang akan diambil, untuk membantu nasib nelayan-nelayan pantai yang akan terjejas mata pencariannya? Apakah bentuk pampasan yang akan diberikan dan berapakah jumlahnya?
3. Adakah laporan kebolehlaksanaan projek terowong dasar laut dan tambakan laut kawasan Pulau Pinang Selatan telah dihantar kepada JKR? Apakah keputusan Kerajaan Negeri jika laporan ini ditolak oleh JKR dan adakah projek ini akan dibatalkan?
4. Di Pulau Pinang, banyak tempat letak kereta milik persendirian telah tumbuh. Apakah langkah-langkah yang akan diambil, bagi mengatasi masalah ini? Berapakah jumlah kutipan hasil parkir dari tahun 2008 hingga 2016? Berapakah jumlah dibayar oleh pihak swasta kepada MBPP bagi setiap tempat letak kereta? Sila berikan jumlah mengikut daerah.
5. Didapati banyak kawasan tanah tinggi telah didirikan rumah ibadat (tokong). Walaupun kawasan tersebut tiada penduduknya, lama-kelamaan rumah ibadat ini menjadi besar dan kawasannya menjadi luas. Adakah tanah ini dibeli atau diberikan hak milik oleh Kerajaan Negeri dan adakah segala bentuk pembangunannya tidak perlu kelulusan MBPP?
6. Apakah Kerajaan Negeri memberi kebenaran kepada warga negara asing untuk membuka kedai-kedai runcit atau restoran di kawasan bandar? Kenapakah perkara ini berlaku dengan berleluasa? Mengapa MBPP membiarkan perkara ini sedangkan banyak gerai-gerai yang dikenakan tindakan?
7. Berapa kalikah Jawatankuasa Bencana mengadakan mesyuarat dalam setahun? Bilakah kali terakhir mesyuarat tersebut dijalankan? Apakah keputusan Jawatankuasa Bencana Alam Negeri berhubung bencana banjir yang sering berlaku di Pulau Pinang? Sila nyatakan agensi-agensi negeri dan pusat yang terlibat dalam jawatankuasa ini. Siapakah pengurusinya?
8. Adakah bayaran saguhati banjir dibayar melalui parti politik bukan melalui agensi Kerajaan Negeri? Jika Ya, kenapakah berbuat demikian dan berapakah jumlah yang telah dibayar? Sila berikan mengikut daerah.
9. Adakah Kerajaan Negeri memperuntukkan satu peruntukan khas untuk mangsa bencana seperti banjir? Jika ada, berapakah jumlahnya? Sila berikan mengikut daerah.
10. Apakah langkah-langkah segera yang akan diambil bagi mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang? Bilakah langkah-langkah ini akan dilaksanakan?

11. Kawasan perairan Pulau Pinang merupakan kawasan yang mempunyai potensi besar untuk industri ikan negeri dan negara maka tidak hairanlah jika ramai nelayan dari Perak dan Kedah sanggup melanggar peraturan datang dan menangkap ikan di perairan Pulau Pinang. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah kepupusan ikan di Pulau Pinang?
12. Kawasan bukit-bukau Pulau Pinang telah terkenal dengan tanaman durian terutamanya di Balik Pulau dan Teluk Bahang. Pada masa sama, terdapat juga tanaman halia yang mula terkenal di kalangan petani di kawasan bukit. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi membendung hakiasan tanah bukit disebabkan aktiviti-aktiviti pertanian yang tidak terancang? Siapakah yang dipertanggungjawabkan?
13. Masa kini, lambakan pendatang asing semakin ketara di Pulau Pinang. Ramai di kalangan mereka bermula sebagai buruh binaan dan kini menjadi pengusaha-pengusaha kedai runcit dan restoran. Apakah Kerajaan Negeri sedar akan perkara ini? Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi membendung perkara ini?
14. Kenapakah promosi pelancongan hanya berlegar di kawasan bandar sahaja dan tiada di kawasan luar bandar? Apakah tindakan yang telah dilakukan bagi mempromosi pelancongan di kawasan luar bandar kepada pelancong?
15. Sektor Pelancongan Negeri Pulau Pinang telah semakin menurun. Apakah sebabnya keadaan ini berlaku? Apakah langkah-langkah yang diambil bagi merencanakan sektor pelancongan terutamanya di kawasan Batu Feringghi dan Teluk Bahang?
16. Apakah yang telah berlaku kepada Taman Teratai Gergasi di Taman Bunga Pulau Pinang? Apakah ianya masih berjalan atau sudah berkubur? Jika ianya telah dibaik pulih, berapakah kosnya? Jika tidak, berapakah kerugiannya?
17. Terdapat banyak bangunan-bangunan lama yang terletak di kawasan warisan, masih lagi diduduki oleh agensi-agensi kerajaan. Bangunan-bangunan ini semakin usang terutamanya di sebelah dalamnya. Apakah langkah-langkah yang di ambil bagi mempertahankan bangunan ini? Bagaimana pula kedudukan agensi-agensi yang terlibat? Adakah terdapat bangunan gantian atau dibiarkan mereka tinggal di kawasan ini?
18. Bangunan Tuanku Syed Putra terletak dalam kawasan segitiga emas. Apakah terdapat cadangan bangunan dan tanahnya dibangunkan dengan bangunan komersial atau dijual kepada syarikat yang berminat?
19. Kawasan perniagaan di sekitar KOMTAR semakin merosot dan banyak kedai-kedainya ditutup. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengembalikan kemeriahan perniagaan dan keceriaan seperti di tahun 80an dan 90an?

XV. Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

1. Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri bolehkah saya menjemput pihak MPSP hadir dalam perbincangan untuk menyelesaikan masalah rakyat setempat?
2. Untuk kelulusan sebarang permohonan lesen hiburan, pihak PBT perlu atau tidak mendapat pandangan dari jabatan lain seperti Pejabat Daerah, PDRM dan lain-lain jabatan berkaitan?
3. SPC merupakan satu Jawatankuasa Tertinggi yang ada kuasa untuk meluluskan permohonan perlinkungan semula. Tidakkah SPC ini mengambil kira pandangan Jabatan Teknikal yang tidak menyokong permohonan tersebut?

4. Berapa buah rumah kampung yang telah dibaiki oleh Kerajaan Negeri dalam Kadun Sungai Aceh mengikut Tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017?
5. Berapakah peruntukan yang digunakan di bawah Marris untuk penyelenggaraan jalan dalam KADUN Sungai Aceh mengikut Tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017.
 - (a) Senaraikan nama jalan dan jumlah peruntukan yang dibelanjakan
 - (b) Agensi mana yang melaksanakan?
6. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir yang berlaku di Kampung Surau Sungai Udang dalam KADUN Sungai Aceh?
7. Berapa banyak permohonan perlinkungan semula yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam KADUN Sungai Aceh mengikut tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017.
 - (a) Senaraikan nama pemohon dan lokasi mengikut lot.
8. Bilakah Jambatan Tanjung Berembang di jangka siap?
9. Berapa orangkah yang mendapat faedah dengan pembinaan Jambatan Tanjung Berembang?
10. Adakah perancangan untuk menghubungkan jambatan tersebut ke Kampung Sungai Udang melalui jalan ban tepi Sungai Kerian?
11. Apa rasionalnya Kerajaan Negeri mensyaratkan pembinaan pembahagian jalan di atas jalan negeri di hadapan Taman Seri Putera, Permatang Tok Mahat.
12. Air kotor dari tapak pelupusan Pulau Burung mengalir ke laut, menyebabkan banyak ikan mati termasuklah ikan yang di pelihara dalam sangkar.
 - (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu ini.
 - (b) Tidak adakah satu kaedah teknikal untuk mengelakkan air kotor ini mengalir ke laut.
13. Sila nyatakan jumlah peruntukan tabung banjir yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2008 sehingga 2016
14. Sila huraikan terperinci kos penyelenggaraan kereta rasmi dari Ketua Menteri dan semua EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari 2013 hingga 2016
15. Sila huraikan terperinci elaun perumahan yang dibayar kepada Ketua Menteri dan semua EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari 2013 hingga 2016
16. Sila nyatakan terperinci gaji dan pelbagai elaun bulanan yang perlu dibayar kepada Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri, Speaker, Timbalan Speker dan semua Ahli Dewan Mesyuarat Negeri dari 2008 sehingga 2016.

XVI. Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

1. Kerajaan pusat dan negeri memberikan insentif konsesi cukai dan tanah kepada pelabur asing. Apakah bantuan atau insentif diberikan oleh kerajaan negeri kepada usahawan tempatan dalam sektor perindustrian dan perusahawanan untuk membantu mereka menghadapi cabaran kemerosotan ekonomi, kelemahan mata wang serta kekurangan tenaga kerja akibat dasar kerajaan pusat yang kerap berubah?

2. Apakah dasar kerajaan negeri untuk membantu pemuda-pemudi berpendapatan rendah membeli rumah mampu milik khususnya rumah berharga RM200,000 ke bawah?
 - (a) Adakah kerajaan negeri sudah atau akan membina rumah kos rendah/sederhana rendah/mampu milik di Bukit Mertajam?
 - (b) Senaraikan projek perumahan mampu milik yang akan atau telah dilaksanakan di Bukit Mertajam.
3. Selain daripada menaik taraf Jalan Song Ban Kheng untuk pembangunan Bukit Mertajam, apakah lagi pembangunan infrastruktur yang akan dilaksana oleh kerajaan negeri seperti penambahan perpustakaan baru, tempat rekreasi, membina jalan alternatif untuk mengurangkan kesesakan lalulintas, pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik untuk rakyat Bukit Mertajam?

XVII. Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):

1. Sila nyatakan jumlah pelajar-pelajar Melayu dan India yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan nyatakan jumlah murid mengikut nama sekolah yang terlibat di seluruh negeri.
2. Senaraikan semua Ahli Jawatankuasa Keselamatan Komuniti (JKKK) di Parlimen Jelutong, Bayan Baru dan Bukit Gelugor dengan memberi butiran pekerjaan, umur, kelulusan akademik, alamat dan nombor telefon bagi pengerusi dan setiausaha setiap jawatankuasa. Bagaimana ahli JKKK dipilih dan tugas kerjanya serta apakah peranan ADUN berhubung dengan JKKK di dalam KADUNnya?
3. Dalam memperkasakan agama Islam di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dalam bajet bermula 2009 sehingga 2017 lebih kurang RM50 juta setahun. Nyatakan dengan terperinci jumlah dan sumber peruntukan sama ada dari Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Pusat Zakat Pulau Pinang dan bagaimana ianya dibelanjakan setiap tahun?
4. Nyatakan jumlah keseluruhan sekolah KAFA dalam Pulau Pinang dan berapakah jumlah sekolah KAFA yang dibina oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 sehingga 2017? Jika ada, sila senaraikan nama dan lokasi sekolah tersebut.
5. Nyatakan dengan terperinci jumlah peruntukkan setiap tahun yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk pembinaan baru, baik pulih serta penambah baikkan sekolah KAFA? Nyatakan juga nama sekolah KAFA, jumlah murid dan guru, serta jumlah peruntukkan tahunan termasuk baik pulih kepada setiap sekolah KAFA dalam KADUN Penaga sejak 2008 sehingga 2017.
6. Senaraikan dengan terperinci nama/jumlah pelajar sekolah agama termasuk sekolah tahfiz yang berdaftar dan tidak berdaftar dengan Kerajaan Negeri sehingga 2017. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan sekolah agama/tahfiz yang belum berdaftar mendaftarkan dengan Kerajaan Negeri. Berapakah jumlah sekolah tersebut yang belum berdaftar di Kadun Penaga?
7. Dalam Bajet 2017, Kerajaan Negeri memperuntukkan wang sebanyak RM220 juta untuk pencegahan banjir kilat di seluruh Pulau Pinang. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukkan tersebut? Mengapakah banjir kilat masih berlaku di seluruh negeri Pulau Pinang baru-baru ini?
8. Dalam ucapan Bajet 2017 dilaporkan bahawa produktiviti penternakan ikan di laut meningkat dari 2007 kepada 2015 iaitu 2,714.60 tan metrik kepada 28,964.95 tan metrik. Adakah jumlah ini termasuk tangkapan ikan di laut oleh para nelayan? Jika tidak, nyatakan jumlah tangkapan ikan di laut mengikut tahun sejak 2007 sehingga sekarang.

9. Nyatakan jumlah keseluruhan penerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Urus Zakat (PUZ) Negeri Pulau Pinang bagi penduduk dalam Kadun Penaga. Nyatakan kategori penerima sama ada OKU, ibu tunggal, fakir miskin, anak yatim, dan lain-lain. Apakah syarat kelayakan untuk menerima bantuan tersebut?
10. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan OKU, ibu tunggal serta anak-anak yatim bagi menambah pendapatan mereka supaya mereka boleh berdikari?
11. Punca kebakaran melibatkan Pusat Pengajian Tahfiz di Malaysia diantaranya disebabkan oleh masalah pendawaian elektrik yang terlalu usang dan tidak selamat digunakan, Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini dan juga kes yang tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
12. Terdapat pokok-pokok usang atau dahan pokok yang menghala jalan raya dalam Kadun Penaga jika patah dan tumbang ke arah jalan raya boleh menyebabkan kecederaan atau kehilangan nyawa ke atas pengguna jalan raya. Apakah tindakan MPSP dalam memastikan keselamatan kepada pengguna jalan raya di kawasan Penaga?
13. Jelaskan status terkini Projek ZIA Penaga dalam KADUN Penaga. Adakah laporan Details Environmental Impact Assessment (DEIA) telah disiapkan dan dihantar kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan jika telah siap dan dihantar kepada JAS, apakah keputusannya? Berapakah jumlah kos untuk kajian laporan DEIA dan pihak manakah yang bertanggungjawab untuk menjelaskannya?
14. Sila jelaskan Standard Operating Procedure PBAPP Sdn Bhd dalam kes pemotongan bekalan air? Adakah tindakan pemotongan hanya dibuat selepas Tarikh Akhir Pembayaran seperti tercatat dalam bil atau selepas 14hari dari tarikh penerimaan Notis Pemotongan Bekalan Air (berwarna merah)Senaraikan cara pembayaran bil air?
15. Berhubung dengan penyambungan semula bekalan air yang telah dipotong ,jika pembayaran sepenuhnya telah dibuat adakah wajib bagi pengguna untuk memaklumkan kepada Kaunter Penyambungan Semula di Pejabat PBAPP untuk memohon supaya bekalan air disambung semula? Mengikut SOP PBAPP berapa hari Penyambungan semula akan dibuat setelah PBAPP menerima bayaran tunggakan sepenuhnya?
16. Jika tindakan pemotongan bekalan air dilakukan oleh PBAPP disebabkan Notis tidaksah PBAPP atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran seperti tercatat dalam bil atau kurang daripada 14hari dari tarikh penerimaan Notis Pemotongan Bekalan Air adakah pengguna perlu membayar caj Notis Pemotongan Air RM3.18, Caj Penyambungan Semula RM 37.10,Caj Pemotongan Meter RM37.10
17. Mengenai PBAPP:
 - (a) Apakah tugas/peranan *Call Center*?
 - (b) Apakah perbezaan kiraan serta pembayaran bil air rumah yang udah siap beralamat penuh dan rumah yang sudah siap dan diduduki tetapi masih menggunakan nombor lot tanah semasa pembinaan?
 - (c) Adakah sistem PBAPP di sambungkan (*link*) dari kaunter bayaran dengan kaunter penyambungan semula?
18. MPSP dan MBPP mengenakan perbagai jenis cukai kepada orang ramai. Senaraikan jenis-jenis cukai tersebut dan jumlah kutipan bagi tahun 2013,2014,2015 dan 2016

19. Berapakah purata pengguna Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan Jambatan Pulau Pinang Pertama?
20. Senaraikan Jenis Elaun dan jumlah keseluruhannya yang diberikan kepada setiap Ahli Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuk Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang bagi tahun 2015, 2016 dan 2017. Berapakah jumlah yang dibayar kepada setiap AMMMKN dan Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang ?
21. Berapakah jumlah penduduk Pulau Pinang yang distiharkan bankrap setakat 2017 dan senaraikan mengikut umur, bangsa dan sebab diisytiharkan bankrap? Berapa ramai orang bankrap di Pulau Pinang yang dijangka akan dilepaskan dari kebangkrapan setelah Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 dikuatkuasakan mulai 6 oktober 2017?
22. Senaraikan no. lot-lot tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian, Jabatan, PERDA, LKIM, RTB dan lain-lain dalam Kadun Penaga mengikut no lot, lokasi, keluasan lot, kosong ataupun telah dibangunkan seperti sekolah dan sebagainya.
23. Mengenai Tabung TYT, sila maklumkan perkara-perkara berikut:
 - (a) Nyatakan sejak bila Tabung TYT ditubuhkan, tujuannya, sumber kewangan dari mana, jumlah dana yang ada setakat 2017 dan kelayakan penerima serta cara memohon.
 - (b) Senaraikan jenis bantuan dan jumlah kewangan yang telah diberikan kepada rakyat Pulau Pinang mengikut Kadun-Kadun dari 2016-2017 khususnya KADUN Penaga?
24. Kerajaan Negeri dilaporkan memperuntukkan dalam bajet bermula 2009-2017 lebih kurang 50 juta setahun. Nyatakan dengan terperinci jumlah agihan peruntukan tersebut:
 - (a) Pembinaan/Baikpulih Masjid, Surau, Sekolah Agama Rakyat dan lain-lain.
 - (b) Elaun kepada Imam Masjid dan Pegawai-pegawai Masjid.
 - (c) Perbelanjaan pentadbiran dan gaji serta elaun kakitangan Majlis Agama Islam, Pejabat Agama Islam dan lain-lain.
25. Nyatakan jumlah pegawai yang bertugas di pejabat Y.A.B. Ketua Menteri dan berapakah jumlah perbelanjaan tahunan pada 2014, 2015, 2016 dan 2017?
26. Mengenai tanah-tanah wakaf dan Baitulmal yang terdapat di negeri Pulau Pinang, Senaraikan lot-lot tanah, keluasan dan lokasi tanah-tanah wakaf tersebut. Adakah ianya telah di majukan dan jika masih belum sila nyatakan sebabnya. Senaraikan lot-lot tanah wakaf dalam KADUN Penaga.
27. Sila nyatakan status tanah tapak Pengkalan Udara TUDM Butterworth? Adakah pemindahan hakmilik dan pembangunan akan dilaksanakan?
28. Mengenai Kempen Tanpa Beg Plastik, nyatakan mengikut tahun jumlah kutipan bayaran RM0.20 yang diperolehi sejak bermulanya kempen tersebut pada tahun 2009 sehingga 2017. Bagaimanakah wang kutipan dibelanjakan?
29. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menghadapi Revolusi Industri ke4? Bagaimana Kerajaan Negeri dapat menyumbang kepada pelaksanaan Dasar Transformasi Nasional 50 (TN50) di Negeri Pulau Pinang yang dirancang oleh Kerajaan Persekutuan?

XVIII. Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

1. Kita nak selamatkan tanah pertanian/bendang dari ditukar kepada komersial/industri di Pulau Pinang.
 - (a) Apakah SOP yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri bagi meluluskan tanah-tanah pertanian/bendang kepada komersial/industri?
 - (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengawal *food security* di Pulau Pinang khususnya di Penanti?
 - (c) Berapa banyakkah tanah pertanian/bendang telah di tukar kategori?
2. Garispanduan terbaru 15/9/17 pemberian diskaun 90% (MPSP RM0.35 persegi, MBPP RM4 persegi) untuk menukar kegunaan bangunan kediaman ke tadika, taska, PJKK, pusat-pusat jagaan ibu bersalin/anak dan orang tua. b)
 - (a) Senaraikan pengusaha tanpa lesen dibawah Polisi Pemutihan untuk Penanti?
 - (b) Mengapakah garis panduan baru tidak dibuka kepada pengusaha baru untuk menggalakkan Usahawan Sosial (*SocialPreneur*)?
3. Berapakah perincian sumbangan Per Kapita oleh Kerajaan Negeri untuk setiap jenis sekolah iaitu sekolah SAR/KAFA, Maahad Tahfiz, Sekolah Cina, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Tamil kepada.
 - (a) Pelajar?
 - (b) Guru?
 - (c) Infarsturktur pembaikan baikpulih dan infarsturktur baru?
4. Dalam bajet 2018, apakah inisiatif Kerajaan Negeri membantu petani di kawasan Penanti untuk a) b) c)
 - (a) Meminimakan kos penanaman padi seperti racun, baja, benih dan pekerja?
 - (b) Mempelbagaikan sumber pendapatan petani contoh tangkapan hasil sungai seperti udang galah?
 - (c) Menambah pendapatan petani melalui pelancongan desa dan sungai, *eco-tourism*, *homestay*?
5. Walaupun musim kemarau, Penanti merupakan pengeluar padi terbesar di SPT. a) b)
 - (a) Berapakah hasil pengeluaran padi setiap musim di Penanti?
 - (b) Jawapan EXCO pada sidang lepas, rumah pam PBA di Kampung Terus tidak boleh digunakan kerana air sungai tercemar oleh kumbahan babi, bolehkah rumah pam dimanfaatkan oleh JPS untuk pengairan padi?
6. Tanah di Pulau Pinang adalah *first-grade*, MPSP dan JPS tidak ada kuasa mengkompaun ke atas pemilik tanah untuk menghentikan dan memulihkan tanah bendang yang telah ditambah secara haram.
 - (a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri menggubal rang undang-undang/penguatkuasaan dan pemuliharaan tanah bendang (*food security*)?
 - (b) Di manakah tanah warta bendang di Penanti?
7. Apakah keputusan Exco tentang Subsidi RM100-180/anak untuk pendapatan isi rumah RM5000/bulan kebawah yang dibayar kepada Pengusaha Taska, Tadika, PJKK:
 - (a) 2 bulan – 4 tahun?
 - (b) 7 – 12 tahun?
 - (c) 4 – 6 tahun?

8. Jumlah penerimaan dari Tabung TYT bagi mangsa bencana adalah 10% dari jumlah kerosakan adalah terlalu minima.
 - (a) Bolehkah Kerajaan Negeri memberikan peruntukkan minima RM1,000?
9. Ramai penduduk kampung memohon agar diperluaskan dan disingkatkan pemberian khairat kematian pada hari kematian atau selewatnya seminggu selepas tarikh meninggal dunia bagi meringankan beban pengurusan jenazah. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk:
 - (a) Mempercepatkan penerimaan khairat kematian?
 - (b) Meluaskan skop penerima khairat kematian kepada penerima bantuan AES, JKM dan zakat?
10. Berapakah peruntukan dan perbelanjaan sebenar Per kapita kepada setiap KADUN dari segi bantuan perniagaan, kemahiran dan latihan, aktiviti sosial dan kemasyarakatan untuk Briged Wanita mengikut jumlah keahlian yang berdaftar sejak penubuhan sehingga Bajet 2018.
 - (a) Mengikut penyata akaun khas Kewangan Negeri?
 - (b) Peruntukan EXCO-EXCO PWDC, PTSR, TUTM, Bantuan/Program Ekonomi?
11. Mengikut status penyata kewangan tabung caruman peparitan sehingga 9/10/2017, MPSP telah menerima sumbangan Pemaju-Pemaju RM160,430,197.67 dan telah digunakan RM73,558,671.83, RM72,198,319.00 telah diserahkan kepada JPS dan RM14,896,003.50 masih belum diserahkan.
 - (a) Apakah projek-projek yang telah dilaksanakan dikampung berbanding taman dalam KADUN Penanti?
 - (b) Mengapakah MPSP tidak menyerahkan keseluruhan sumbangan kepada JPS?
12. Semasa siasatan kemiskinan; Adun, pegawai-pegawai dan penghulu mendapati bahawa syarat paras kemiskinan RM220/kapita (AES) dan pendapatan isi rumah RM1,500 bagi bantuan baiki rumah dan bina rumah baru adalah tidak relevan memandangkan kos sarahidup semakin meruncing. Bolehkah Kerajaan Negeri menyemak semula syarat untuk naikkan kepada: a)? b)
 - (a) RM250/kapita?
 - (b) RM2,000 pendapatan isi rumah?
13. Kesan penggondolan tanah-tanah bukit bagi mewujudkan perkuburan Cina/Columbarium baru telah mengakibatkan banjir hadapan pusat pembelajaran Robotic/STEM Tuanku Bainun, Sekolah Mengkuang, Kubang Ulu, Kubang Semang. Bolehkah kerajaan meluluskan permohonan perkuburan/columbarium baru di kawasan tiada berisiko banjir kerana Penanti sudah ada 9 perkuburan cina dan bantahan dari JKKK Sungai Lembu dan Mengkuang?
14. Penduduk Kg.Terus Guar Perahu telah membuat petisyen membantah apa-apa pembangunan industri/komersial/perumahan bagi menyelamatkan tanah-tanah kampung dan bendang dari dijual disebabkan kenaikan harga tanah. Tetapi PDTSPU hendak menukar status tanah Ladang Solar bersebelahan Kg Terus menjadi Industri agar PDTSPU mendapat cukai tanah sejajar pendapatan Feed-In-Tariff selama 21 tahun. Apakah status terkini?
15. Di Seberang Jaya, walaupun JKKK Siakap dan Tenggara terletak bersebelahan, mereka masing-masing mempunyai futsal dan dewan awam. Bolehkah kerajaan membuat pengambilan tanah dan memberi peruntukkan untuk membina futsal dan dewan serbaguna di:
 - (a) Rizab KTMB di Kubang Ulu untuk 1,915 penduduk?
 - (b) Kg.Tanah Liat untuk 4,630 penduduk?
 - (c) Kubang Semang -2840 penduduk?

16. MARRIS tidak boleh digunakan untuk menaiktaraf jalan tanah/batu di kampung-kampung menjadi jalan tar baru. Tetapi peruntukan ADUN P16(02) tidak mencukupi membiayai jalan-jalan baru yang tinggi kosnya.
 - (a) Berapakah sumbangan jalan yang diterima oleh PBT?
 - (b) Bolehkah sumbangan jalan yang dikutip PBT diperlakukan seperti sumbangan perparitan?
 - (c) Bagaimanakah cara memohon dari sumbangan jalan PBT?

17. Persempadanan KADUN Penanti.
 - (a) Apakah hasil langkah-langkah persempadanan SPT dan SPU mengikut Sungai Perai yang baru oleh kerana persempadanan sediaada adalah mengikut Sungai Terus lama atau sungai mati yang tidak lagi kelihatan?
 - (b) Lebuh Banting terletak di SPU atau SPT?
 - (c) Kampung Tok Elong selepas flyover terletak di KADUN Penanti atau Berapit?

18. Pencucian sungai ban busuk telah dilakukan pihak JKR (*culvert*) dan JPS (sungai) bagi menyelesaikan masalah banjir di Kubang Semang MK20.
 - (a) Bagaimanakah tahap keberkesanan pengaliran air setelah dicuci?
 - (b) Berapakah kekerapan cucian sungai ini oleh JPS?
 - (c) Bilakah JKR akan membina *arch culvert* kerana sampah tersekat apabila air sungai meninggi?

19. Program i-sejahtera bantu warga emas, ibu tunggal, surirumah, OKU kecuali belia dan wanita bujang bawah 60 tahun. Kebanyakan pasangan yang bakal berkahwin terbeban dengan kos perkahwinan a) b)
 - (a) Bolehkah kerajaan negeri beri saguhati rm1000 kepada pasangan yang berkahwin untuk kali pertama?
 - (b) Bolehkah kerajaan menganjurkan majlis perkahwinan perdana untuk mengurangkan kos?

20. Penduduk Mengkuang Titi berjumlah 3,278 (Taman Seri Akasia, Mengkuang Indah, 3 SAR/Tahfiz) yang bersolat jumaat. Majlis Fatwa dan MAINPP memutuskan Mengkuang Titi perlu masjidnya sendiri. Sekarang penduduk solat di Surau Mengkuang Titi. Adakah pengambilan tanah Lot 759, 760 dan sebahagian lot 28 dan pembinaan masjid diperuntukan dalam Bajet 2018?

21. Dalam jawapan bertulis Sidang Nov 2016, Ketua Menteri telah mencadangkan (4(B)(XII)2) peruntukan RM400,000 menaik taraf padang Mengkuang Titi dan dewan baru Mengkuang Titi (RM800,000) di atas tanah kerajaan untuk dibentangkan dalam Bajet 2017 tetapi tidak dilaksanakan sehingga kini. Adakah cadangan ini masuk Bajet 2018?

22. Kebanyakan penjawatan bagi sektor awam dan swasta di Pulau Pinang terdiri daripada kepelbagaian negeri. a) ri b) c) Kadar pengangguran di Pulau Pinang
 - (a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan had kuota pekerjaan untuk penduduk Negeri Pulau Pinang dan lain-lain negeri?
 - (b) Berapakah statistik pekerja bawah 35 tahun di sektor awam dan swasta.
 - (c) Kadar pengangguran di Pulau Pinang.

23. Pembangunan 12 rumah teres 3 tingkat dan 71 rumah teres 2 tingkat di Kuala Mengkuang oleh Loyang Ekuiti SB. Pelepasan air dari perumahan tersebut mengalir ke alur/parit tanah ke 30 rumah kampung di Kuala Mengkuang dan Mengkuang Mak Sulong. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memaksa pemaju melaksanakan *flood mitigation*?

24. Majoriti pekerja sektor perkilangan terdiri daripada pekerja asing berbanding rakyat tempatan.
 - (a) Apakah dasar Kerajaan Negeri berhubung penggunaan pekerja asing dan tempatan di sektor perkilangan di negeri Pulau Pinang?
 - (b) Berapa nisbah pekerja tempatan dan asing?
 - (c) Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk menarik minat rakyat tempatan untuk bekerja?

25. Kekerapan banjir (8 kali/tahun) apabila hujan lebat sering berlaku di Mengkuang Titi, Kuala Mengkuang dan Kampung Terus yang terletak di kawasan laluan Sungai Mengkuang dan Sungai Kulim. Mesyuarat MMK Tebatan Banjir pada 9/10/17, saya memohon disambungkan projek Tebatan Banjir Sungai Dua hingga ke Sungai Kulim-Perai (Penanti). Apakah penyelesaian Kerajaan Negeri?

26. Berdasarkan jawapan kos LRT RM8 bilion semasa sidang media kerajaan negeri. Kenapakah tidak memperuntukkan keseluruhan RM27 bilion untuk pengangkutan awam di seluruh negeri, contoh MRT Kajang-Sungai Buloh yang merangkumi 51km 31 stesen dengan kos RM24 bilion?

27. Apakah keputusan Kajian berdasarkan jawapan bertulis Sidang Mei 2017 5(B)(IV)18) cadangan untuk:
 - (a) Membenarkan lebih 5 rumah dibina atas lot lidi memandangkan tanah terhad?
 - (b) Penduduk kampung tidak mampu menanggung kos mendapatkan geran, bayar pelan rumah untuk kemasukkan air dan letrik mahal?

28. Keutuhan tebing sungai pencegahan banjir.
 - (a) Bolehkah JPS mencuci tebing Sungai Kulim sebelah SPU bagi mengurangkan impak tujahan air ke tebing di sebelah SPT yang dibuat *gabion* dan *railing*?
 - (b) Bilakah tebing runtuh di alur sungai Lee Rubber di Kubang Ulu akan dibaiki?
 - (c) Pembaikan *sheet piling* di Bukit Berangan?

29. Kerajaan Negeri telah melaksanakan JKKK *mapping*, program i-Sejahtera, AES, dan Bantuan Perumahan.
 - (a) data demografi mengikut jantina, umur dan pendapatan isi rumah?
 - (b) Mengikut kawasan JKKK di Kadun Penanti?
 - (c) Bilangan kg, taman, mengikut umur, pendapatan isi rumah, kaum?

XIX. Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

1. Sejak RUU Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 diluluskan, apakah perkembangan dari segi organisasi dan apakah kawasan-kawasan yang telah atau akan ditanggungjawabkan kepada Perbadanan ini?

2. Adakah Jabatan Kerja Raya memperuntukkan peruntukan kecemasan setiap tahun untuk menangani situasi pembaikan yang diperlukan dengan segera demi keselamatan atau keadaan lalulintas yang merbahaya? Berapakah peruntukan kecemasan setiap tahun?

3. Apakah kadar pengambilan pekerja, tukar jabatan, letak jawatan dan lucut jawatan bagi setiap jabatan di MBPP sejak tahun 2010? Sila berikan data bagi pekerja tetap, sementara dan kontrak.

4. Apakah jenis dan jumlah bantuan yang telah diberikan kepada nelayan Pulau Pinang sejak 2008? Sila nyatakan bilangan penerima juga.

5. Berapakah kanak-kanak yang dijaga di setiap Pusat Jagaan Kanak-kanak kerajaan Negeri Pulau Pinang? Adakah peningkatan atau penurunan sejak perkhidmatan mula disediakan?
6. Sila nyatakan setiap tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar sejak tahun 2010. Berapakah penalti yang dikenakan bagi setiap kes? Berapa daripada kesemua kes tindakan penguatkuasaan dibawa ke mahkamah dan berapa disabit bersalah?
7. Adakah Jabatan Alam Sekitar di Pulau Pinang merangkumi pegawai-pegawai yang pakar dalam bidang kualiti air, udara, ekosistem dan kesihatan awam? Berapakah bilangan pegawai mahir ini? Apakah bidang tugas mereka?
8. Adakah Jabatan Alam Sekitar memantau kilang-kilang yang beroperasi di Pulau Pinang? Apakah garis panduan yang digunakan dari segi kekerapan dan cara pemantauan?
9. Tanpa Pelan Tempatan, kajian tidak dibuat untuk mengenalpasti sama ada perkhidmatan-perkhidmatan seperti pusat aktiviti warga emas, pasar awam dan perancangan untuk pengangkutan awam adalah mencukupi, tidak mencukupi atau terlalu banyak. Apakah tindakan serta-merta oleh kerajaan untuk menangani kekurangan ini?
10. Berapakah bilangan ambulans yang bersedia digunakan (*on-call*) pada bila-bila masa di sebelah Pulau dan di Seberang Prai setiap hari? Sila berikan bilangan ambulans mengikut pengurus ambulans tersebut, contohnya Hospital Awam, St Johns, Bulan Sabit Merah dan Angkatan Pertahanan Awam.
11. Berapakah bilangan khinzir yang diladang, bilangan pembekal khinzir dan tempat sembelih khinzir bagi Negeri Pulau Pinang? Perbandingan data tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015 dipohon.
12. Berapakah bilangan pembekal ayam dan tempat sembelih ayam bagi Negeri Pulau Pinang? Perbandingan data tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015 dipohon.
13. Berapakah bilangan nelayan yang berdaftar di Pulau Pinang? Sila berikan bilangan mengikut kawasan bagi tahun 1990, 1995, 2000, 2005, 2010, 2015 dan 2017.

XX. Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

1. Pada tiga (3) tahun kebelakangan ini telah berlakunya beberapa kes kebakaran di kawasan C.Y. Choy yang mengandungi rumah Warisan Kategori Dua, mengapakah Kerajaan Tempatan masih tidak mengarah tuan tanah atau tuan rumah supaya mendiri semula tempat kejadian untuk mengelakkan sebarang kemalangan kerana selepas kebakaran struktur bangunan sudah lupuh dan juga bahaya?
2. Bilakah sistem parkir dapat menukar leads satu sistem tanpa tiket supaya kita dapat jimatkan kertas, selamatkan pokok dan juga tidak bercangah dengan slogan Kerajaan Negeri *Cleaner Greener Penang*?
3. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah rumah kediaman yang telah digunakan sebagai perniagaan?
4. Sila nyatakan dengan teliti, nama tuan kepunyaan rumah Warisan Kategori Dua dari Lebu Magazine sampai ke Gat Lebu Sandiland.
5. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memasang atau menaik taraf hos pemadam api di setiap Jeti Klan?

6. Apakah rancangan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk merancang semula rumah-rumah usang yang terbiar di lokasi Warisan Dunia UNESCO dan juga di sekitar bandar?
7. Apabila banjir, tentulah terdapat orang yang cakap bahawa inilah kesan terlalu banyak pembangunan, adakah Kerajaan Negeri boleh bagi contoh atau kebenaran untuk mengatasi khabar angin yang tidak bertanggungjawab ini?
8. Adakah Kerajaan Negeri akan membuat rayuan atau bantahan terhadap Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Negeri tidak perlu membayar GST?
9. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mendirikan sebuah Flyover di atas persimpangan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, Gat Lebu Macallum dan Gat Lebuh Cecil yang telah lama dipohon oleh penduduk kawasan tersebut?
10. Apakah status permohonan mendirikan sebuah tempat letak kereta bertingkat dan gelanggang badminton di belakang Pasar Lebuh Cecil?
11. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memastikan semua tuan rumah perlu menukar syarat kegunaan premis sebelum mereka berniaga di rumah kediaman?
12. Apakah rancangan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan atlet negeri kita mencapai ke tahap antarabangsa?
13. Sila nyatakan dengan teliti berapakah wang yang telah taja kepada FAP bagi musim 2016-2017?
14. Adakah Kerajaan Negeri akan terus menaja FAP yang dapat keputusan yang begitu teruk di Liga Super Malaysia?
15. Sila nyatakan dengan teliti siapakah AJK yang beroperasi FAP dan apakah latar belakang AJK yang mempunyai dalam bidang bola sepak?
16. Adakah FAP memberi satu laporan kepada Kerajaan Negeri yang merupakan penaja utama FAP? Jika ya, sila lampirkan laporan dalam jawapan dengan teliti. Jika tidak, sila nyatakan sebab.
17. Sila nyatakan dengan teliti, setelah banyak aduan telah dibuat tentang pekerja asing duduk di LMC, apakah status terkini tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri?
18. Apakah situasi keadaan BPS, bilakah dapat wujud semula dan mula beroperasi?
19. Ternampak *food truck* yang semakin banyak di kalangan tepi jalan, adakah *food truck* yang baru ini mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh MBPP?
20. Sila nyatakan dengan teliti, di bawah Program 80/20 oleh Kerajaan Negeri, PDC atau MBPP mulai 2013 sampai 2017. Jumlah berapa lift telah ditukar baru atau dinaiktaraf?
21. Sila nyatakan dengan teliti, di bawah permohonan peruntukkan untuk menaik taraf RIBI, berapakah jumlah permohonan yang telah dipohon dan berapakah yang telah diluluskan?

22. Apakah status terkini pemasangan sistem pembentungan di kawasan Jeti Klan yang telah dicadangkan oleh KADUN Pengkalan Kota sejak Tahun 2008?
23. Adakah Rapid Penang akan mewujudkan semula bus mini untuk masuk ke kawasan dalaman perumahan untuk kemudahan warga tua yang duduk di tempat tersebut?
24. Sila nyatakan dengan teliti pada Tahun 2016 sampai 2017, berapakah kilang yang telah shut down dan juga yang telah melabur di negeri ini.
25. Sila bagi satu senarai berapakah RIBI di Negeri Pulau Pinang?
26. Sila nyatakan dengan teliti, berapakah Bomba Sukarela yang wujud dan apakah bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri.
27. Bilakah pembangunan perumahan PDC di Gat Lebu Cecil dapat didirikan?
28. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk mengatur semula penjaja-penjaja tepi jalan supaya lebih teratur dan tidak menghalang laluan jalan?
29. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Pusat untuk mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang berbanding dengan Kerajaan Negeri?
30. Adakah Kerajaan Tempatan akan memasang lampu di laluan basikal terutamanya di bahagian laluan di bawah jejantas atau laluan di bawah lebu raya untuk menjaga keselamatan pengguna?

XXI. Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

1. Berapakah bilangan keluarga yang telah diberi tambah nilai oleh Kerajaan Negeri pulau pinang dalam tahun 2016 bagi pendapatan bulanan kurang dari rm 790 dan jumlah perbelanjaan terlibat hingga september 2017?
2. Berapakah jumlah pemberi milikan tanah yang telah diberikan oleh kerajaan kepada rakyat tempatan, syarikat swasta dan syarikat asing sepanjang tahun 2008 hingga 2016?
3. (a) Nyatakan jumlah muaf di Pulau Pinang yang menerima bantuan zakat pada tahun 2016 mengikut pecahan daerah.
(b) Apakah bentuk atau jenis bantuan yang diterima oleh mereka?
4. (a) Sila kemukakan jumlah kes rogol dan kes masalah rumahtangga yang dilaporkan di Pulau Pinang dalam tempoh 2013 - 2017
(b) Apakah langkah-langkah pencegahan dan apakah bantuan yang telah diberi kepada mangsa-mangsa penderaan?
5. (a) Sila butirkan semua pinjaman daripada Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, anak syarikat dan lain-lain yang masih belum dibayar balik dengan sepenuhnya termasuk jumlah pinjaman, kadar faedah dan tempoh untuk bayar balik.
(b) Sila butirkan semua pinjaman yang tidak dapat dikutip balik (hutang lapuk).
6. (a) Mengikut Belanjawan 2016, peruntukan sebanyak RM2.3 juta untuk program tampil berkaitan kepimpinan wanita. Sila nyatakan program apa yang dimaksudkan?
(b) Berapakah kos yang dibelanjakan untuk setiap program tersebut dan apakah impak serta hasil daripada pelaksanaan program tersebut?

7. (a) Senaraikan lokasi tapak pembuangan sampah dari sisa binaan dan industri di Pulau Pinang.
(b) Apakah perancangan jangka masa panjang kerajaan negeri untuk menyelesaikan sampah haram dari sisa binaan dan industri?
8. (a) Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang sejak Pakatan Harapan menjadi Kerajaan Negeri pada 2008?
(b) Sila senaraikan projek-projek pencegahan banjir di Pulau Pinang yang telah dibelanjakan dengan jumlah RM405 juta sejak 2008.
9. Dalam laporan Bajet 2017 dilaporkan terdapat peningkatan dalam produktiviti ikan laut secara mendadak pada tahun 2015.
(a) Sila huraikan jumlah tangkapan untuk tahun 2015, 2016 dan 2017.
(b) Mengapakah harga ikan masih mahal di Pulau Pinang sedangkan pengeluaran meningkat?
10. (a) Berapakah yang telah dibelanjakan sehingga September 2017 untuk penyelenggaraan jalan negeri dan jalan kampung?
(b) Mengapakah hanya RM2 juta diperuntukkan untuk pembinaan jalan kampung/turap semula jalan kampung?
(c) Mengapakah peruntukan untuk pembinaan jalan kampung terlalu kecil iaitu RM2 juta setahun (boleh membina 10km jalan baru dan 20km turap semula).
11. (a) Berapakah kos yang terlibat dalam membina aplikasi *Penang Alert*?
(b) Adakah *Penang Alert* telah mula berfungsi dalam membantu menyalurkan maklumat kecemasan?
12. (a) Berapakah bilangan paun anjing yang telah dibina sehingga September 2017 dengan peruntukan RM0.5 juta?
(b) Adakah pembinaan paun anjing ini berupaya membantu program anjing terbiar sifar?
13. (a) Sila senaraikan pasar-pasar awam dan kompleks makanan yang telah diselenggara sepanjang 2017 dengan peruntukan RM1.45 juta.
(b) Apakah bentuk kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan?
(c) Mengapakah terdapat perbezaan bagi peruntukan kemudahan awam antara MPSP (RM17 juta) dengan MBPP (RM280 juta)?
14. (a) Berapa banyakkah projek kelulut dan rosselle yang telah dilaksanakan bagi tahun 2016/2017? Huraikan termasuk jumlah peserta yang terlibat.
(b) Berapa ramaikah usahawan IAT yang telah dibangunkan atau dibantu sepanjang 2015,2016 dan September 2017
15. (a) *Homeplot*. Sila bentang & huraikan kedudukan projek ini dan perbelanjaan terlibat dalam penyediaan padang ragut (tanam rumput).
(b) Sila laporkan kedudukan Taman Agro Permatang Pauh seluas 22 ekar dan jumlah perbelanjaan yang terlibat?
16. SJK Cina/Mubaligh berjumlah 125 buah telah menerima peruntukan sebanyak RM41 juta iaitu RM328,000 untuk setiap sekolah. SJK Tamil berjumlah 28 buah telah menerima peruntukan sebanyak RM8.1 juta iaitu RM289,000 untuk setiap sekolah. SAR/Thafiz berjumlah 2000 buah telah menerima peruntukan sebanyak RM8.1 juta iaitu RM40,800 untuk setiap sekolah. Betul atau tidak jumlah peruntukan ini yang telah disalurkan?

17. Terdapat banyak haiwan liar seperti monyet/kera dan babi hutan di kawasan Kampung Teluk, Taman Sungai Dua Utama, Air Hitam Dalam dan Nyior Sebatang.
 - (a) Apakah tindakan jabatan Perhilitan Negeri dalam menyelesaikan isu ini?
 - (b) bagaimana kerajaan negeri membantu penduduk dalam menyelesaikan isu tersebut?

18. (a) Apakah kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada nelayan sungai yang ada di Pulau Pinang?
 - (b) Berapakah bilangan nelayan sungai yang berdaftar di Pulau Pinang?
 - (c) Terdapat nelayan sungai yang mempunyai jeti di tanah rezab sungai di seluruh negeri. Boleh atau tidak Kerajaan Negeri memberi kelulusan tol untuk persatuan/koperasi nelayan-nelayan sungai tersebut?

19. (a) Sila senaraikan bilangan longkang dan parit buang yang telah dibina di Negeri Pulau Pinang. Senaraikan mengikut daerah dari tahun 2008 - 2017.
 - (b) Berapa banyakkah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk longkang dan saliran kampung-kampung tradisional?

20. (a) Sila nyatakan jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi Hal Ehwal Islam dan Hal Ehwal Bukan Islam secara terperinci bagi tempoh 2008 – 2017.
 - (b) Sila senaraikan terperinci peruntukan jenis pembinaan, naik taraf dan bekalan yang telah diberikan kepada rumah ibadat bukan islam dari tahun 2008 sehingga 2017.

21. Apakah perkembangan terbaru dan hasil yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri dalam usaha menarik pelabur asing khususnya pelabur asing. Sila senaraikan negara yang telah dilawati oleh KM, EXCO atau ADUN Kerajaan Negeri dengan senarai nama pegawai yang mengikuti rombongan serta jumlah kos setiap rombongan.

22. (a) Sila senaraikan nama penaja dan jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada pasukan bolasepak Negeri Pulau Pinang dari 2008 sehingga 2016.
 - (b) Apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri dalam meningkatkan prestasi pasukan bolasepak Pulau Pinang? Senaraikan. Mengapakah prestasi pasukan bolasepak Pulau Pinang merosot teruk bagi musim 2016/2017?

23. (a) Adakah 6 inisiatif ekonomi digital yang dicadangkan telah dilaksanakan September 2017 oleh Kerajaan Negeri, huraikan.
 - (b) Apakah hasil 6 inisiatif yang telah dilaksanakan dalam menjayakan program stem & senaraikan peserta terlibat dalam program-program tersebut?
 - (c) Berapakah belanja pembinaan *techdome* dari tahun 2016 - September 2017? Apakah justifikasi tambahan RM28 juta tahun 2017?

24. (a) Apakah yang dilakukan oleh pusat penasihat pasaran, pusat IKS Pulau Pinang dan perkampungan IKS Pulau Pinang dalam membantu usahawan IKS selain menyediakan ruang kilang?
 - (b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai data berkaitan usahawan & keperluan mereka?
 - (c) Adakah terdapat kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan agensi pusat dalam membantu usahawan IKS?

25. (a) Sila huraikan secara terperinci hasil akukultur bagi tahun 2015 berjumlah 58,682 tan dengan nilai RM1.114 billion (mengikut jenis hasil).
 - (b) Sila hurai secara terperinci hasil tangkapan ikan tahun 2015 hingga 49,782 tan (mengikut jenis ikan).

- (c) Apakah hasil kedua-dua di atas bagi tahun 2016/September 2017 dan apakah sumbangan Kerajaan Negeri dalam bidang-bidang tersebut?
26. (a) Pencemaran sungai daripada pembuangan sisa khinzir dan kilang-kilang haram telah menyebabkan sungai tercemar dan hidupan sungai mati. Apakah tindakan Kerajaan Megeri dalam mengatasi isu ini?
 (b) Apakah tahap pencemaran sungai di dalam Parlimen Tasek Gelugor? Senaraikan
 (c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membersihkan sungai dan menjadikan sungai sebagai punca pendapatan?
27. (a) Sila senaraikan kilang-kilang haram yang terdapat dalam daerah SPU?
 (b) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Megeri dan jabatan terlibat dalam mengatasi isu kilang-kilang haram?
 (c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap kilang-kilang di Taman Desa Murni Sungai Dua yang menjalankan industri berat dan pembuangan sisa ke dalam sungai? Sila laporkan.
28. (a) Berapakah gerai yang diuruskan oleh MPSP/pihak swasta dalam Sungai Dua dan berapakah kes rampasan/meroboh gerai-gerai tepi jalan di Sungai Dua dari 2008 - 2017?
 (b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membangunkan kawasan makanan/gerai-gerai di Sungai Dua?
 (c) Terdapat peniaga-peniaga tepi jalan di kawasan Sungai Dua. Adakah pihak MPSP menyediakan ruang untuk peniaga sebelum tindakan meroboh?
29. Adakah Kerajaan Negeri menetapkan syarat kuota 30% rumah kos sederhana rendah bagi kelulusan projek perumahan yang melebihi 150 unit? Jika ya, mengapa Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan syarikat pemaju di Batu Feringghi untuk menukar kos sederhana rendah kepada mampu milik? Adakah kerana Kerajaan Negeri dibayar kuota RM11.8 juta tanpa memikirkan rakyat?
30. (a) Senaraikan secara terperinci tanah milik agensi/GLC dibawah Kerajaan Negeri. Apakah aktiviti diatas tanah tersebut dan adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina rumah mampu milik di situ?
 (b) Apakah jenis projek pembangunan perumahan yang dilaksanakan dan tanah yang dijual oleh PDC dari 2013 - 2017. Apakah pencapaian pembangunan dan keuntungan kepada Kerajaan Negeri? Huraikan.

XXII. Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

1. Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menghulurkan bantuan kebajikan dan kecemasan kepada mangsa-mangsa banjir akibat banjir kilat yang berlaku pada 16hb September 2017?
2. (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina lebuh raya bertingkat atau *elevated highway* di kawasan Bukit Gelugor pada masa akan datang?
 (b) Adakah pembinaan lebuh raya bertingkat atau *elevated highway* ini akan dibina di kawasan lereng bukit dan adakah pembinaan lebuh raya bertingkat ini akan menyebabkan pemusnahan mana-mana kawasan bukit di Bukit Gelugor?
3. Adakah Kerajaan Negeri bercadang mendesak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian memberi pampasan kepada lebih kurang 35 keluarga yang masih tinggal di rumah-rumah atau kuarters Kastam Diraja Malaysia yang sekarang menjadi tapak projek perumahan PRIMA di Bukit Gelugor?

4. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai senarai penuh semua sekolah-sekolah Tahfiz di negeri Pulau Pinang dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan sekolah-sekolah Tahfiz ini supaya menjamin keselamatan semua pelajar-pelajar terutamanya dalam memastikan ciri-ciri keselamatan dipatuhi dalam semua aspek dari masa-masa kesemasa?
5. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengubal apa-apa undang-undang baru ataupun polisi untuk memastikan bahawa semua pemaju-pemaju yang melaksanakan projek-projek pembinaan baru diwajibkan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan jika berlaku sebarang banjir atau tanah runtuh akibat projek pembinaan tersebut?
6. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai apa-apa maklumat terperinci mengenai jumlah pelarian Rohingnya yang memegang kad UNHCR yang berada di Pulau Pinang pada masa sekarang.
7. Apakah gejala sosial yang berlaku dewasa ini di Pulau Pinang akibat kemasukan warganegara asing yang tidak terkawal?
8. (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat terperinci mengenai jumlah pengidap penyakit AIDS di Pulau Pinang pada masa ini?
(b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan pencegahan penyakit AIDS terutamanya di kalangan penagih dadah?
9. Apakah langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas jalanraya terutamanya di George Town semasa waktu puncak?
10. Adakah Kerajaan Negeri mengambil apa-apa langkah untuk mempromosikan kawasan perkampungan samada perkampungan Melayu, Cina, India, Serani, Thai dan lain-lain sebagai lokasi pelancongan kepada pelancong tempatan dan luar negeri?
11. Berapakah jumlah pelajar yang telah mendapat bantuan biasiswa daripada Lembaga Wakaf Hindu daripada Mac 2008 sehingga sekarang dan berapakah jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi tujuan memberi biasiswa ini daripada tahun 2008 sehingga sekarang?
12. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan mengambil apa-apa tindakan penguatkuasaan dari masa ke semasa untuk memastikan premis-premis perniagaan sentiasa mematuhi semua ciri-ciri keselamatan dan kebersihan?
13. Apakah kesan cukai pelancongan atau *tourism tax* kepada industri pelancongan di Pulau Pinang?
14. Berapakah jumlah bilangan nelayan pantai di Pulau Pinang pada masa sekarang dan sila nyatakan bantuan-bantuan yang dihulurkan oleh Kerajaan Negeri pada golongan nelayan pantai ini dari tahun 2008 sehingga sekarang?
15. Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengambil apa-apa tindakan untuk menangani masalah atau fenomena 'Mat Lajak' yang sudah berleluasa di Pulau Pinang dewasa ini?
16. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan satu pasukan sukarelawan baru untuk membantu wakil-wakil rakyat di tiap-tiap KADUN terutamanya semasa waktu kecemasan seperti apabila berlakunya bencana banjir kilat?

17. Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Pejabat Bekalan Air (PBA) dalam menaja pasukan bola sepak negeri Pulau Pinang sejak tahun 2013 sehingga sekarang?
18. Nyatakan jumlah bilangan pesakit yang telah dan sedang mendapat rawatan di Pusat Dialisis CAT yang beroperasi di Balik Pulau, Pulau Pinang dan nyatakan jumlah dana yang telah dibelanjakan kerajaan negeri bagi menyediakan rawatan di Pusat Dialisis ini sejak ianya diwujudkan?

XXIII. Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

1. Apakah langkah-langkah persediaan masa depan yang akan di ambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir yang melanda seluruh negeri Pulau Pinang seperti mana banjir besar pada 15hb September yang lepas.
2. Kemosrotan amat ketara oleh Pasukan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang pada liga perdana pada musim 2017. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kemosrotan tersebut dan apakah langkah-langkah mengatasinya.
3. Setakat ini, sejauh manakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi membantu mengembangkan perniagaan runcit yang dijalankan oleh usahawan-usahawan kecil memandangkan pertumbuhan Pasaraya berskala besar di bina merata tempat.
4. (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dengan kerjasama KPDNKK di dalam memantau kenaikan harga barang yang semakin hari kian meruncing?
(b) Pulau Pinang terkenal dengan syurga makanan, namun harga makanan disetengah premis makanan dinaikkan tanpa kawalan bagi mengaut keuntungan oleh tuan kedai. Apakah langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama KPDNKK bagi membanteras masalah ini?
5. Pulau Pinang terkenal dengan syurga makanan dan sentiasa menjadi tarikan pelancong untuk berkunjung. Namun begitu, ada premis-premis makanan di Pulau Pinang kotor sehingga menjadi tular di laman sosial. Justeru itu, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Kesihatan untuk membendung masalah ini dalam menjaga imej negeri.
6. (a) Apakah langkah-langkah proaktif oleh Kerajaan Negeri bagi membantu penjaja-penjaja kecil di seluruh negeri Pulau Pinang sehingga setakat ini.
(b) Sila nyatakan statistik penjaja diseluruh Negeri Pulau Pinang yang telah diambil tindakan bagi daerah Seberang Perai dan daerah Pulau mengikut kaum dan pelbagai jenis kesalahan dari tahun 2013 sehingga kini.
7. Apakah langkah Kerajaan Negeri di dalam membantu golongan berpendapatan rendah dalam memiliki rumah sendiri memandangkan rumah yang dibina tidak mencukupi sementara permohonan terlalu banyak.
8. (a) Sila nyatakan lokasi projek pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah yang sedang dan akan dibina oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah sehingga kini.
(b) Adakah Kerajaan Negeri ada menyediakan Bantuan Pinjaman Perumahan bagi rakyat berpendapatan rendah untuk membeli rumah memandangkan Pinjaman Bank sangat sukar bagi pemohon berpendapatan rendah?
9. Kerajaan Negeri pernah merancang dan akan melaksanakan program bancian penduduk melalui JKKK untuk mendapatkan bancian Isi Rumah. Apakah keberkesanan program tersebut. Adakah program tersebut masih berjalan.

10. (a) Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Projek Rancangan Tebatan Banjir bagi setiap daerah bermula tahun 2013 hingga kini. Sila nyatakan secara terperinci
- (b) Adakah sehingga setakat ini, jumlah peruntukan yang disalurkan itu mencukupi untuk mengatasi masalah banjir bagi setiap daerah.
- (c) Apakah prestasi semasa Rancangan Tebatan Banjir dapat mengurangkan banjir di Pulau Pinang dengan berkesan sehingga kini.
11. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Badan Peronda Sukarela (BPS). Adakah BPS masih beroperasi sehingga kini.
12. (a) Briged Wanita telah ditubuhkan dan mempunyai ramai keahlian. Sila nyatakan jumlah keseluruhan ahli briged di Negeri Pulau Pinang mengikut setiap KADUN.
- (b) Tolong senaraikan KADUN yang tidak menubuhkan Briged Wanita sehingga kini.
- (c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah peruntukan bagi setiap Briged Wanita KADUN yang aktif.
13. Kerancangan pelancongan negeri Pulau Pinang tidak boleh dinafikan, apakah kesan-kesan yang diperolehi oleh Kaum Bumiputera dan rakyat Pulau Pinang keseluruhannya serta penglibatan mereka dalam sektor perlancongan di Negeri Pulau Pinang.
14. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri di dalam menangani banjir warga asing di negeri kita ini khususnya di dalam sektor perindustrian iaitu tentang peluang pekerjaan untuk rakyat negeri ini yang terpaksa bersaing dengan mereka.
15. Pulau Pinang telah mencatatkan kadar pengangguran antara terendah dalam negara ini pada tahun 2016. Apakah langkah yang lebih pro aktif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menjamin kadar pengangguran lebih rendah dan peluang pekerjaan yang banyak dan terjamin terutama sketor pembuatan demi masa depan warga Pulau Pinang
16. Negeri Pulau Pinang terkenal dengan warisan kebudayaan dan kesenian khususnya bagi kaum Melayu persembahan Boria dan kaum Cina persembahan Chingay. Apakah langkah-langkah yang telah di ambil oleh pihak Kerajaan Negeri di dalam memupuk Semangat Perpaduan dalam pertunjukan warisan kesenian untuk rakyat Pulau Pinang bersatu padu.
17. Sila nyatakan sejauh manakah prestasi sehingga kini selepas pelaksanaan Dasar Pembangunan Desa Negeri Pulau Pinang yang dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.
18. Adakah Kerajaan Negeri bercadang selepas ini untuk memberi bantuan kewangan kepada pelajar yang mendapat tawaran melanjutkan pengajian di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di Politeknik Premier.
19. Masalah Penyakit TIBI di Pulau Pinang kian meningkat. Apakah usaha-usaha terkini yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui Exco Kesihatan di dalam membendung merebaknya penyakit ini kepada masyarakat di Pulau Pinang.
20. Nyatakan bilangan Pusat Hiburan yang tidak berlesen yang telah dikesan dan diambil tindakan dari tahun 2013 hingga kini berdasarkan setiap daerah.
21. (a) Program Sisa Di Punca oleh pihak MPSP sejauhmana pencapaian setakat ini dan jika masih kurang berkesan apakah langkah-langkah bagi mengatasinya
- (b) Apakah kemampuan Pusat Pelupusan Sampah sehingga kini bagi menampung sejumlah besar sampah sarap dalam seluruh negeri dan apakah Kerajaan Negeri ada menyediakan alternatif jika keadaan berlaku sebaliknya.

22. Berapa kos pengindahan (lanskap) yang dijalankan oleh pihak MPSP setakat ini, jika kos itu tinggi maka apakah langkah-langkah pihak MPSP bagi menjimatkan kerja-kerja pengindahan tersebut.
23. Berapakah jumlah nelayan kecil di negeri ini berdasarkan setiap daerah. Adakah mereka memperolehi pendapatan yang mencukupi bagi sara hidup, kalau tidak apakah perancangan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasinya.
24. Adakah Kerajaan Negeri menerima geran tahunan daripada Kerajaan Pusat, jika ada berapa jumlahnya dan pemberian di salurkan kepada Kerajaan Negeri atau wakil Persekutuan.
25. Adakah Kerajaan Negeri menerusi PBAPP bercadang untuk meningkatkan lagi kualiti air di negeri ini agar rakyat negeri ini dapat menikmati air yang benar-benar bersih.
26. Adakah kes pemberhentian pekerja akibat ekonomi yang tidak menentu berlaku dan apakah tindakan Kerajaan dalam membantu mereka yang terlibat.
27. Adakah Kerajaan menyedari pentingnya institusi keluarga dalam sebuah negeri akibat sistem kerja syif malam telah sedikit sebanyak menjejaskan hubungan kekuargaan. Adakah kerajaan mempunyai kuasa membuat syarat kepada mana pihak yang ingin melabur khusus dalam sektor perkilangan hanya beroperasi siang saja.
28. Bermula suku pertama tahun 2016 hingga suku kedua tahun 2017 mohon Suruhanjaya Pilihan Raya Pulau Pinang nyatakan bilangan pengundi baru yang telah didaftarkan mengikut KADUN dalam Negeri Pulau Pinang dan bilangan pengundi yang bertukar alamat mengikut KADUN.
29. Apakah satu kajian yang terperinci telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri mengenai banjiriran warga asing yang menyewa rumah dalam skim perumahan kos rendah dan sederhana rendah milik Kerajaan Negeri sehingga ke hari ini.
 - (a) Sila nyatakan bentuk dan jenis tindakan yang telah diambil kepada penyewa.
 - (b) Bermula 2013 Sehingga kini berapa banyak penyewayang dikenakan tindakan.
30. (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengenal pasti untuk mengurangkan kesesakan jalanraya waktu puncak dan musim perayaan samaada di bahagian Pulau atau Seberang Perai
 - (b) Nyatakan juga apakah tindakan dan langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kesesakan di Jambatan Pulau Pinang akibat dari penutupan satu lorong untuk proses penyelenggaraan selama setahun.

XXIV. Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

1. Cukai pintu yang telah dikenakan sebanyak RM583.80 pada tahun 2014 telah dinaikkan menjadi RM667.20 pada tahun 2015 iaitu tiga bulan sebelum pelaksanaan GST. Selepas pelaksanaan GST Kerajaan Negeri umumkan penyerapan 6% dari cukai pintu menjadikannya sebanyak RM627.60 iaitu 7.5% lebih tinggi dari caj asal tahun 2014 dan Kerajaan Negeri masih untung sebanyak 1.5% daripada penyerapan GST tersebut. Adakah kenyataan saya benar. Huraikan.
2. Nelayan Kuala Sungai Burung mendapat pukot benang yg tidak berkualiti daripada syarikat pembekal pukot swasta lantikan Kerajaan Negeri. Pukot benang hanya boleh diguna sekali kerana tidak tahan lasak bebanding pukot tangsi yang dibekal oleh LKIM Pulau Pinang Selatan. Apakah telah berlaku penyalahgunaan peruntukan dana Kerajaan Negeri.

3. Di Bagan Jermal seluas 9.38 hektar kawasan hutan paya bakau dimusnahkan untuk projek penambakan laut. Begitu juga diBayan Baru, penduduk Pangsapuri Baystar tidak berpuashati dengan kerja tambakan laut dibelakang kediaman mereka. Projek ini tidak mendapat persetujuan penduduk sejak tahun lalu. Apakah respon Kerajaan Negeri yang memperjuangkan *cleaner and greener* Penang. Huraikan dengan lengkap.
4. Peratusan peruntukan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang jatuh mendadak. Pada tahun 2008, peratusannya adalah 9.03%, menurun kepada 6.55% pada tahun 2015. Dalam Bajet 2017, peratusan peruntukan diturunkan kepada 3.66% daripada keseluruhan peruntukkan. Ini bermakna kadar penurunan peruntukkan sejak tahun 2008 hingga 2017 adalah sebanyak 60%. Adakah kenyataan saya ini benar. Huraikan.
5. (a) Adakah pengurangan hutang oleh Kerajaan Negeri sehingga 95% adalah disebabkan oleh Kerajaan Persekutuan
(b) Sekiranya Kerajaan Negeri tidak menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan menerusi pelaksanaan pengstrukturairan air dan rasionalisasi hutang pada tahun 2011, sudah tentu Pulau Pinang hutang tidak dapat dikurangkan sebanyak 95% malah akan berganda menjadi 300% daripada nilai asalnya. Huraikan berdasarkan fakta.
6. (a) Adakah prinsip CAT yang diperjuangkan gagal mengurangkan perbelanjaan operasi tahunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini disebabkan perbelanjaan operasi telah meningkat sehingga 500% sejak tahun 2008.
(b) Bagi menampung peningkatan perbelanjaan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu menjual atau memperdagangkan tanah dan aset negeri. Huraikan berdasarkan fakta.
7. Sehingga kini Kerajaan Negeri gagal menjelaskan status 51 projek yang gagal dilaksanakan sejak tahun 2008, antaranya Projek Sia Boey Reborn (RM100 juta), BPO Prime (RM1.3 billion), Eco Marina Batu Kawan, Terowong Pulau Pinang, tiga Projek Jalan dan Wat Wold Sea Park. Adakah Projek ini ditangguhkan atau dibatalkan. Huraikan dengan fakta.
8. Kerajaan Negeri mahu menjadikan Negeri Pulau Pinang negeri maju dan berpendapatan menjelang tahun 2020, tetapi masih mengguna cara lama iaitu menjual tanah dan aset negeri untuk membiayai operasi pentadbiran negeri yang telah meningkat 500% sejak tahun 2008. Huraikan.
9. Pada tahun 2007, Negeri Pulau Pinang telah menyumbang kepada 8.83% jumlah KDNK negara. Namun setelah sembilan tahun memerintah jumlah KDNK Pulau Pinang telah jatuh ke tahap 6.7%. Adakah kejatuhan KDNK ini membuktikan Negeri Pulau Pinang hilang daya saingan. Huraikan.
10. Setelah memerintah Negeri Pulau Pinang selama 9 tahun mulai tahun 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi masih lagi menyalahkan kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sebelum tahun 2008 terutamanya mengenai isu kilang haram, kesesakan lalu lintas, perumahan, banjir dan lain-lain. Apakah peranan Kerajaan Negeri sekarang dalam menangani isu tersebut.
11. Laporan Ketua Audit Negara 2016-Siri 1 mendedahkan MPSP hanya menggunakan RM2.2 juta dari kutipan caruman sebanyak RM63.39 juta sepanjang tahun 2008 hingga jun 2016. Ke mana perginya baki RM61.19 juta. Huraikan secara terperinci.
12. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menjadikan sebahagian kawasan dari Teluk Bahang sehingga Bayan Lepas sebagai Eco Tourism. Jika ada, huraikan.
13. Berapakah jumlah gaji dan elaun yang diterima oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan EXCO setiap bulan. Adakah gaji dan elaun tersebut berpatutan atau perlu dikurangkan. Huraikan.

14. Kerajaan Negeri bercadang membina Projek LRT dari KOMTAR ke Bayan Lepas sejauh 30 km bernilai 17 bilion sedangkan kos LRT3 sepanjang 37 km hanya kos RM9 bilion dari Bandar Utama ke Johan Setia,Klang. Walaupun Kerajaan Negeri mendakwa kos RM17 bilion adalah termasuk Lebuhraya Pan Island Link (PIL). PIL hanya 30.5 km tetapi kos RM8.6 bilion (RM282 juta perkm) menjadikan Projek Lebuhraya termahal di Malaysia. Adakah Kerajaan Negeri cuba mengaut untung atas nama projek rakyat.
15. Kerajaan Negeri telah memberi konsesi pengiklanan selama 25 tahun kepada syarikat swasta untuk menaik taraf Jejantas KOMTAR Walk berjumlah RM6 juta pada tahun 2015 dan akhirnya terbengkalai begitu juga tempat letak kereta Bukit Bendera. Huraikan.
16. Berapa banyakkah projek menaik taraf jalan,menaik taraf dan membina longkang baru yang dibuat oleh Kerajaan Negeri di DUN Telok Bahang mengikut tahun dari tahun 2013 sehingga September 2017. Senaraikan nama projek tersebut dan kosnya.
17. Nyatakan Jumlah keluasan mengikut tanah-tanah pertanian dan kawasan tadahan air di Kawasan Parlimen Balik Pulau yang telah diluluskan tukar syarat untuk tujuan pembangunan dari tahun 2008 hingga September 2017 dan semasa pemerintahan Barisan Nasional dari tahun 1999 hingga 2007. Senaraikan mengikut KADUN dan tahun.
18. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula pencen supaya bekas ADUN di bayar pencen atas kadar gaji sekarang bukannya kenaikan 2% setahun memandangkan peranan dan tanggungjawab mereka semasa menjadi ADUN.Jika ada bila akan dilaksanakan.Jika tidak kenapa.Huraikan.
19. Kerajaan Negeri telah membelanjakan hampir RM9billion dari dana Kerajaan Negeri yang diperolehi daripada jualan aset dan tanah projek untuk mendapatkan nilai pembangunan kasar(GDV) sebanyak RM15 billion bagi projek persendirian iaitu Projek Wellness City of Dreams sebagai projek benefisiari utama. Ini menyebabkan keuntungan dan rezab tunai PDC jatuh kerana tidak terlibat dengan Projek Mega tersebut. Huraikan dengan terperinci.
20. (a) Kenapakah PDC membuat pinjaman kecemasan iaitu pinjaman mudah sebanyak RM609 juta dari Kerajaan Negeri pada awal tahun ini.
(b) Kenapakah Kerajaan Negeri tidak dibenarkan PDC untuk memiliki pegangan dalam projek GDV yang bernilai RM15 billion.Huraikan dengan terperinci.
21. (a) Mengikut kajian,penambakan laut akan merosokkan alam sekitar dasar laut yang menyebabkan hidupan seperti kerang dan tiram terjejas teruk ketahap kepupusan.
(b) Adakah pelancong akan kerana pantai bersih dikotori lumpur
(c) Adakah penambakan laut mempunyai impak kepada alam sekitar. Huraikan dengan jelas persoalan di para a dan b.
22. (a) Adakah di Parlimen Balik Pulau terdapat kilang-kilang tanpa lesen?
(b) Jika ada, senarai mengikut KADUN dan alamat kilang tersebut.
(c) Apakah tindakan yang telah diambil ke atas kilang tersebut.
23. Di Negeri Pulau Pinang terutamanya di kawasan Pulau selalu mengalami kesesakan. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut.
24. Nyatakan jumlah hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri dari sumber pengeluaran lesen pusat hiburan/pusat perjudiaan/rumah urut/penjualan arak/pusat maksiat bagi tahun 2015, 2016 dan sehingga September 2017.Senaraikan mengikut pecahan di atas dan mengikut tahun.

25. Nyatakan jumlah kutipan cukai pintu dan cukai tanah di Daerah Barat Daya dari tahun 2016 hingga September 2017. Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan semula mengikut Kawasan ADUN dan butir-butir perbelanjaan.
26. Nyatakan jumlah pendapatan bagi setiap penduduk di Pulau Pinang yang mempunyai pendapatan daripada RM1,500 - RM3,000, RM3,001 – RM5,000, RM5,001 - RM7,000, RM7,001 - RM10,000 dan RM10,001 ke atas. Huraikan mengikut jumlah peratusan bagi tahun 2016 dan Januari sehingga September 2017.
27. Apakah rasionalnya jalan di love lane ditutup untuk diberi kepada 4 peniaga dan siapakah empunya peniaga di kawasan itu.
28. Kerajaan Negeri membina paip daripada Air Itam di salur ke Telok Bahang. Apabila hujan, air empangan keluar mengakibatkan banjir di Kawasan Telok Bahang. Kenapakah infrastruktur di Telok Bahang tidak upgrade seperti perparitan dan lain bagi mengelakkan banjir di masa hadapan. Huraikan.
29. Dari tahun 2009 hingga 2014, Kerajaan Negeri telah menutup perbagai akaun pemegang amanah seperti akaun perumahan awam kos rendah dan pinjaman projek bekalan air luar bandar. Kenapakah akaun tersebut ditutup. Huraikan.

XXV. Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

1. Apakah kedudukan *Penang Transpor Master Plan* sehingga kini? Bilakah akan dilaksanakan dan berapakah kos pelaksanaan?
2. Adakah Kajian Impak Alam Sekitar bagi Projek Tebusguna Laut Selatan (Tiga Buah Pulau) telah dikemukakan kepada JAS? Jika ada, bilakah dikemukakan kepada JAS dan apakah keputusannya. Jika belum kenapa?
3. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaiki taraf Dewan Haji Ahmad Badawi? Jika ada bilakah akan dinaiki taraf?
4. Jika Pemaju tidak membina rumah rendah dan rumah kos sederhana rendah, adakah Kerajaan Negeri akan mengenakan denda atau lain-lain bayaran? Jika ada, nyatakan jumlah yang dikenakan, daerah, mk, nama pemaju mulai tahun 2010 hingga kini.
5. Adakah terdapat pembinaan kilang-kilang haram di Kampung Selamat, DUN Pinang Tunggal. Adakah bangunan tersebut disewa kepada warga negara asing. Jika ada apakah tindakan yang diambil.
6. Bilakah Projek 3 Jalan-jalan utama dan terowong akan mula bina. Sehingga kini berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi setiap projek diatas sehingga kini. Huraikan secara terperinci.
7. Adakah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang mempunyai akaun atau Penyata Kewangan. Jika ada, senaraikan RM mengikut tahun sejak penubuhannya.
8. Warga negara asing yang membeli hartanah telah dikenakan kutipan fi. Sehingga kini berapa peratuskah kadar fi yang dikenakan dan jumlah fi yang telah dikutip mengikut tahun sejak dilaksanakan. Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri.

9. Bilakah Bangunan Baru Dewan Undangan Negeri akan bina? Adakah cadangan tapak telah dikenal pasti serta kos pembinaan memandangkan telah dibangkitkan di Persidangan dua (2) tahun yang lalu. Berapa kalikah JK Dewan bermesyuarat dan apakah keputusannya. Huraikan dengan teliti.
10. Senaraikan lawatan Y.A.B. Ketua Menteri ke luar negara mengikut pecahan tahun mulai tahun 2013 hingga sekarang. Nyatakan kos lawatan (RM) sama ada ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau pihak swasta, negara, tarikh dan tujuan lawatan. Apakah pengalaman, pengetahuan dan keputusan yang tercapai untuk mempertingkatkan pembangunan negeri dan prestasi sumber manusia Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
11. Senaraikan lawatan AMMK ke luar negara mengikut pecahan tahun mulai tahun 2013 hingga sekarang. Nyatakan kos lawatan (RM) sama ada ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau pihak swasta, negara, tarikh dan tujuan lawatan. Apakah pengalaman, pengetahuan dan keputusan yang tercapai untuk mempertingkatkan pembangunan negeri dan prestasi sumber manusia Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
12. Adakah PBT mempunyai garis panduan Pemutihan Kilang-kilang yang dibina tanpa kebenaran. Jika ada,, sila serta salinan garis panduan berkenaan. Sejak tahun 2008, berapa banyakkah kilang-kilang haram yang terletak di kawasan kampung dan kawasan perindustrian. Senarai nama kilang-kilang yang telah di senarai putihkan.
13. Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh MPSP di sekitar DUN Pinang Tunggal dari tahun 2013 hingga Mei 2017. Adakah projek tersebut berjalan mengikut jadual serta adakah terdapat projek yang tergendala. Huraikan mengikut Projek dan kos.
14. Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh JKR di sekitar DUN Pinang Tunggal dari tahun 2013 hingga Mei 2017. Adakah projek tersebut berjalan mengikut jadual serta adakah terdapat projek yang tergendala. Huraikan mengikut Projek dan kos.
15. Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh JPS di sekitar DUN Pinang Tunggal dari tahun 2013 hingga Mei 2017. Adakah projek tersebut berjalan mengikut jadual serta adakah terdapat projek yang tergendala. Huraikan mengikut Projek dan kos.
16. Dalam sektor ekonomi, petani dilihat masih ketinggalan dari segi pendapatan isi rumah. Apakah program Kerajaan Negeri bagi meningkatkan hasil pendapatan daripada pertanian bagi petani yang bersekala kecil di KADUN Pinang Tunggal?
17. Berapakah jumlah pengguna Penang Free Wifi yang telah berdaftar sehingga September 2017 bagi KADUN Pinang Tunggal? Apakah sasaran Kerajaan Negeri bagi tahun 2018?
18. Berapa banyakkah keuntungan yang diperolehi oleh PBAPP mengikut tahun sejak tahun 2013 hingga September 2017?
19. Nyatakan jumlah Pelaburan dari dalam dan luar negara FDI, FD ke Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017. Nyatakan pecahan mengikut industri berkenaan.
20. Y.A.B.Ketua Menteri pada tahun 2012 telah mengumumkan peruntukan RM500 juta untuk pembinaan rumah mampu milik. Berapa peratuskah telah siap? Senaraikan mengikut daerah, jumlah unit dan harga seunit. Adakah peruntukan RM500 juga telah selesai dibelanjakan untuk projek tersebut? Huraikan.
21. Nyatakan kos pembinaan Projek Penang Sentral dan bilakah siap pembinaan?

20. Y.A.B.Ketua Menteri pada tahun 2012 telah mengumumkan peruntukan RM500 juta untuk pembinaan rumah mampu milik. Berapa peratuskah telah siap? Senaraikan mengikut daerah, jumlah unit dan harga seunit. Adakah peruntukan RM500 juga telah selesai dibelanjakan untuk projek tersebut? Huraikan.
22. Nyatakan jumlah RM yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui Program Warga Emas sejak tahun 2008. Berapakah jumlah warga emas di kawasan KADUN Pinang Tunggal yang telah menerima bantuan dari segi RM atau memperbaiki kediaman dibawah Program tersebut mengikut mukim, jumlah warga emas dan juga jumlah RM.
23. Nyatakan kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir di Kawasan Pinang Tunggal sejak tahun 2008. Senaraikan serta kos tersebut mengikut tahun.
24. Terdapat tiang-tiang lampu dan lampu yang sering tidak berfungsi dan tidak diselenggara dengan sempurna di KADUN Pinang Tunggal. Apakah mekanisma Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?
25. Berapakah jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri sejak 2009 hingga September 2017.
 - (a) Sila beri pecahan mengikut tahun.
 - (b) Sila beri pecahan mengikut tahun bagi Parlimen Kepala Batas serta pecahan projek bagi DUN Pinang Tunggal.
26. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menaiktaraf jalan-jalan di DUN Pinang Tunggal. Jika ada, senaraikan jalan-jalan berkenaan, kos dan tarikh untuk menaik taraf jalan berkenaan.
27. Adakah MPSP mempunyai rancangan untuk pengindahan sepanjang jalan-jalan di dalam DUN Pinang Tunggal dengan menanam pokok-pokok yang bersaiz besar di tepi jalan?
28. Mohon Kerajaan Negeri untuk senaraikan secara terperinci bilangan hartanah (semua jenis) yang telah dimiliki oleh warga asing, syarikat asing sejak tahun 2008 di zon warisan (penampian dan teras) mengikut seksyen, no. lot, jenis pegangan tanah, jenis bangunan, jenis kategori premis warisan (Kategori i,ii atau lain-lain kategori), nama pemilik atau nama syarikat, alamat premis, tarikh transaksi atau nilai transaksi.
29. Sila kemukakan dengan teliti jumlah unit premis pre war dari Lebu Magazine sehingga Lebu Sandilands yang dimiliki oleh syarikat asing atau warga asing mengikut seksyen, no.lot, jenis pegangan tanah, jenis bangunan, jenis kategori premis warisan, (Kategori i,ii atau lain-lain kategori), nama pemilik atau nama syarikat, alamat premis, tarikh transaksi atau nilai transaksi.
30. Merujuk kepada laporan Akbar Free Malaysia Today bertarikh 15 November 2016, YB. Datok Keramat semasa menjawab persoalan YB. Komtar pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat DUN Ke-13 tahun 2016 menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak boleh menyekat warga asing atau syarikat asing daripada membeli hartanah warisan adalah kerana bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Sila terangkan dengan terperinci Perlembagaan, Akta, Pekeliling terlibat.

XXVI. Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

1. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan bahawa kesulitan dan masalah banjir kilat dikurangkan ke minimum pada masa hadapan?
(b) Adakah Kerajaan Negeri akan membina lebih sistem tadahan air / empangan untuk menyimpan air yang berlebihan ketika berlakunya perlimpahan air lebihan?
(c) Adakah sistem keselamatan kerajaan siap sedia menghadapi bencana alam?
2. (a) Adakah semburan asap yang dilakukan oleh MBPP dan KKM untuk mencegah penyakit dengue adalah berkesan?
(b) Adakah Kementerian Kesihatan Malaysia / MBPP mempunyai hasrat untuk membuat penyemburan di kawasan pinggir hutan yang bersempadan dengan kawasan perumahan seperti Ladang Lada, Ladang Hong Seng dan Batu Gantong?
3. (a) Sebanyak berapa banyak pelanggan orang awam yang melawati *Penang Digital Library* sejak pelancarannya? Sila nyatakan statistik nombor pelanggan yang datang melawat PDL
(b) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai hasrat untuk menambah buku-buku profesional seperti buku perundangan, perubatan, kejuruteraan dan lain-lain ke dalam Perpustakaan ini?
4. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bencana alam seperti tanah runtuh ataupun tanah mendapan seperti yang telah berlaku di Ladang Hong Seng, Kayangan Puri Mutiara Dan Ladang Lada dapat dielakkan pada masa yang akan datang?
5. (a) Bagaimanakah Kerajaan akan memastikan alat-alat pemadam api yang telah diletakkan di kawasan perumahan PPR Padang Tembak dapat dielakkan dicuri dan mengancam keselamatan kesemua penduduk?
(b) Minta pihak Perumahan menyediakan laporan lengkap system Keselamatan Kebakaran di PPR Padang Tembak yang terdapat lebih kurang 3700 unit rumah itu.
6. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk mengeluarkan satu kad diskaun kepada seluruh rakyat Pulau Pinang seperti yang dilakukan oleh Wilayah Persekutuan supaya dapat meringankan kos beban hidup?
7. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat menaik taraf kualiti setiap Balai Rakyat, Dewan dan Pusat Aktiviti JKKK?
(b) Apakah fasiliti-fasiliti yang baru akan ditambah ke dalam setiap bangunan yang telah dinyatakan di atas supaya dapat meningkatkan mutu perkhidmatan JKKK kepada orang awam?
8. (a) Adakah Kerajaan Negeri akan membina sebuah universiti seperti UNISEL di Selangor dengan bekerjasama dengan universiti-universiti yang terkenal di dunia untuk meningkatkan tahap pendidikan masyarakat kami?
(b) Jikalau ya, dimanakah universiti tersebut akan dibina dan bagaimanakah ia akan dilaksanakan?
9. (a) Apakah status pembangunan projek PTMP?
(b) Sebanyak berapa banyakkah projek tersebut telah bermula dilaksanakan di Pulau Pinang sehingga hari ini?
10. (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk membuat satu Pasar Malam Awam dan menukarkannya untuk dijadikan sebagai satu tempat pelancongan seperti *Weekend Night Market / Asiatique* di Bangkok?

- (b) Apakah pelan pembangunan pelancongan yang kreatif untuk negeri kami pada masa lima (5) tahun yang akan datang?
11. Memandangkan perindustrian Penerbangan makin pesat dan menguntungkan pengguna dan pengusahawan, adakah rancangan untuk satu lapangan terbang antarabangsa untuk menampung kapal terbang yang bersaiz A380, Boeing 777, Boeing 787 ke Pulau Pinang dapat dibina?
12. Apakah inisiatif yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan masalah kesesakan jalan lalu lintas pada waktu kemuncak di kawasan George Town dan Bayan Baru?
13. (a) Selepas penguatkuasaan Pengasingan Sisa Di Punca sejak tahun lepas, sebanyak berapa banyakah saman yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa kepada pihak yang tidak bertanggungjawab?
(b) Apakah sasaran Kerajaan Negeri dari segi menjaga alam sekitar dalam tempoh 5 dan 10 tahun?
14. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat meningkatkan kesedaran keusahawanan didalam kalangan komuniti miskin tegar dan sederhana rendah?
(b) Apakah inisiatif yang akan dilakukan oleh Kerajaan untuk golongan ini supaya meningkatkan kegiatan? Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu pengusahawanan yang baru dari segi bantuan kewangan dan latihan asas?
15. (a) Sebanyak berapa banyak projek taman tema swasta atau JV akan dibina di negeri kami dari tahun 2008 - 2017?
(b) Adakah Kerajaan Negeri akan membina lebih banyak lagi taman tema yang berkonsepkan *edutainment* (Pendidikan dan Hiburan)?
16. Apakah status pembinaan LRT dari KOMTAR ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang?
17. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan dapat membasmikan orang papar dari dalam dan luar negeri di seluruh Negeri Pulau Pinang?
(b) Apakah inisiatif JKM untuk membantu Kerajaan Negeri dalam proses untuk menyelesaikan masalah ini?
(c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menetapkan golongan orang papar ini di tempat duduk yang sesuai?
18. (a) Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu keluarga yang mempunyai pendapatan sederhana dan sederhana rendah?
(b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan membantu pekerja - pekerja swasta pendapat rendah dalam meningkatkan pendapatan mereka?
19. Dari segi kesihatan mental, bagaimanakah Kerajaan Negeri akan membantu semua keluarga yang berpendapatan sederhana untuk mempunyai gaya hidup yang sihat?
20. (a) Sebanyak berapa banyak jumlah pokok yang telah ditanam pada tahun 2017 oleh Kerajaan Penang?
(b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan memastikan agar pokok - pokok di negeri ini tidak dipotong ataupun dicantas secara haram?

21. (a) Selepas pelaksanaan Tabung RIBI, sebanyak berapa banyak gereja, kuil dan tokong telah dimanfaatkan oleh daripada polisi di atas?
 (b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk meningkatkan Tabung RIBI?
 (c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mempromosikan Tabung RIBI kepada setiap institusi keagamaan yang bukan Islam di seluruh Pulau Pinang?
22. (a) Dari tahun 2008 - 2017, berapa banyak penyu telah datang ke Pulau Pinang untuk bertelur?
 (b) Apakah kaedah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan penguatkuasaan terhadap membuang sampah sarap ke laut supaya dapat melindungi hidupan lautan?
 (c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mengurangkan sampah sarap memasuki ke dalam laut dengan lebih efektif?
23. (a) Sebanyak berapa banyak spesies binatang liar yang hidup di seluruh Pulau Pinang?
 (b) Sebanyak berapa banyakah binatang - binatang ltersebut diatas adalah binatang hampir pupus?
 (c) Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan taraf hidup binatang liar yang hampir pupus?
24. (a) Sebanyak berapa banyak mahasiswa / mahasiswi Pulau Pinang yang baru keluar daripada IPTA/IPTS tidak mempunyai pekerjaan selepas graduan?
 (b) Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan peluang pekerjaan untuk golongan ini?
25. Sejauhmana pelaksanaan peraturan dan undang-undang Kerajaan Negeri dalam kawalan haiwan perliharaan di kawasan pangsapuri, flat, PPR, kondominium dan bangunan bertingkat tinggi di seluruh Pulau Pinang?
26. Walaupun pernah dimaklumkan bahawa tidak ada rancangan khas untuk membina kediaman apartmen untuk orang perseorangan (tidak berkeluarga) termasuk pesara tunggal, memandangkan kriteria / syarat untuk dapatkan rumah mampu milik adalah khas untuk pemohon berkeluarga, bolehkah kerajaan membina apartmen mampu milik untuk orang perseorangan termasuk pesara tunggal ?
27. (a) Bagaimanakah penyertaan orang awam di seluruh negeri ini dapat menikmati program - program yang akan dianjurkan oleh Kerajaan Negeri ketika Putera dan Puteri Wales melawati negeri kami pada bulan November ini?
 (b) Apakah langkah keselamatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan lawatan dijalankan dengan lancar dan teratur?
28. Dari segi peruntukan, keselamatan dan fasiliti untuk sekolah - sekolah mubaligh dan sekolah jenis kebangsaan untuk kedua dua sekolah menengah dan rendah, adakah Kerajaan Negeri akan menambah lebih banyak lagi peruntukan dan bantuan untuk setiap sekolah agar sekolah - sekolah dapat mencapai taraf pendidikan antarabangsa?
29. Kos buah - buahan durian semakin meningkat terutamanya tahun ini. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat, kaedah untuk memastikan bahawa rakyat Pulau Pinang menikmati durian dan buah-buahan tempatan sejak peningkatan peminat durian dari golongan pelancong asing?
30. (a) Menurut satu laporan press pada 09/Oktober/2017 , seorang JKR Menteri Persekutuan mengatakan bahawa laporan "Penang Undersea Tunnel"™ masih belum dihantar. Adakah ini benar?Siapa yang bertanggungjawab membuat laporan ini? Dan apakah status pelaksanaan projek ini buat masa sekarang?

- (b) Apakah status projek PAN Island Link dan penebusan laut Gurney Drive?

SOALAN-SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Apakah jumlah dana yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering berlaku di Pulau Pinang?
- (b) Bilakah jumlah dana ini dijangka diterima sebelum projek-projek tebatan banjir boleh dilaksanakan?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah perancangan / tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah banjir di negeri ini?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Setelah beberapa kali aduan telah dibuat oleh pejabat saya kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tentang isu kenderaan besar seperti lori dan bas yang pakir di tepi jalan kawasan perumahan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Tempatan dan SPAD tentang kes ini?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila nyatakan jumlah perbelanjaan dan bilangan projek-projek tebatan banjir yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di Pulau Pinang sejak tahun 2008.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Banjir Kilat di seluruh Pulau Pinang 15 September 2017.
 - (a) Sila senaraikan kawasan yang terlibat beserta jumlah mangsa mengikut daerah.
 - (b) Apakah punca sebenar berlakunya banjir kilat tersebut di sekitar Pulau dan bagaimana mengatasinya?
 - (c) Berapa kalikah banjir kilat berlaku dari tahun 2013 hingga kini? Senaraikan tarikh dan kawasan terlibat.

6. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7). Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

7. PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018

Y.A.B. Ketua Menteri membentangkan Rang Undang-Undang Tahun 2018 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2018

BELANJAWAN MARHAEN

Belanjawan Marhaen adalah kenyataan dasar yang mencerminkan nilai-nilai teras Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang. Kita perlu menjaga kebajikan rakyat marhaen iaitu orang kebanyakan dan keluarga-keluarga bekerja. Kita harus memastikan kehidupan rakyat kita menjadi “kalis masa hadapan” (*future proof*) agar tidak ada sesiapa yang ketinggalan dalam ekonomi digital Revolusi Industri Ke-4.

Rekod Prestasi Ekonomi

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, sepanjang 10 tahun yang terakhir, ekonomi Pulau Pinang telah berkembang pesat. Apabila kita mengambil alih tampuk pentadbiran pada Mac 2008 hampir 10 tahun dahulu, Pulau Pinang sedang bergelut dengan pelbagai ketidaktentuan dan masa depan kelihatan suram, krisis kewangan sedunia melanda dan kelebihan kos berbanding (*comparative cost advantage*) negeri ini sebagai hub pembuatan global telah terhakis dan pelaburan baru diancam oleh ekonomi-ekonomi memuncul (*emerging economies*) seperti gergasi China. Rentetan daripada itu sektor pembuatan mula menjadi lompong apabila kilang-kilang di Pulau Pinang berpindah ke China, Vietnam dan Indonesia. Industri pelancongan dan perkhidmatan pula berada dalam keadaan lelah dan terdapat kekurangan keyakinan perniagaan yang ketara.

Pentadbiran negeri pula pada masa itu ibarat enjin diesel lama yang bingit dan lembab serta bergerak secara tersangkut-sangkut. Membedakkan asap hitam, ia menonjolkan gejala-gejala enjin yang kurang efisien dan kotor. Rakyat akhirnya membut keputusan untuk menukar krew beserta pemandunya pada Pilihan Raya Umum 2008 dengan membawa masuk sekumpulan orang baru yang kurang berpengalaman, namun penuh dengan tenaga dan idea baru serta komited terhadap pembaharuan. Benar, kita tidak mempunyai pengalaman mentadbir kerajaan tetapi kita juga tidak berpengalaman dalam rasuah.

Kerajaan baru lantas melancarkan Pulau Pinang sebagai negeri keusahawanan dan berkeadilan bagi merangsangkan kembali ekonomi. Negeri keusahawanan berkisar pada kerjasama antara pihak-pihak berkepentingan utama dalam sektor ekonomi dan sosial serta perkongsian antara sektor awam, swasta dan rakyat ataupun *3Ps Partnership: Public, Private dan People Partnership*. Pulau Pinang telah berjaya dalam usaha memangkinkan pertumbuhan ekonomi dengan bantuan pentadbiran CAT yang cekap, akauntabel dan telus. Maju 10 tahun ke hadapan, pencapaian kita nyata terang dan jelas. Ekonomi Pulau Pinang telah kembali pulih dan berkeyakinan semula khususnya dalam dua (2) tunjang ekonomi kita iaitu sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan yang sama-sama secara bersama menyumbangkan lebih 95% KDNK atau GDP. Pertumbuhan KDNK kita pula menjangkau kadar pertumbuhan negara dan dijangka akan bertambah 6% pada tahun ini berbanding dengan ramalan 5.2% bagi Malaysia. Malah sektor pertanian juga berkembang bersama-sama dengan pertumbuhan pesat sektor pembuatan dan pelancongan daripada 1.6% KDNK pada tahun 2007 kepada 2% KDNK pada tahun 2016 terutama sekali industri penternakan ikan laut. Daripada hampir tiada apa-apa sektor penternakan ikan laut di Pulau Pinang kini antara yang terbesar di Malaysia dengan nilai sebanyak RM1,114 juta dengan hasil 58,682 tan pada tahun 2015.

Hasil daripada itu, KDNK per kapita di Pulau Pinang telah meningkat daripada RM33,597 pada tahun 2010 kepada RM47,322 pada tahun 2016, iaitu peningkatan 30%. KDNK per kapita di Pulau Pinang adalah yang kedua tertinggi di Malaysia selepas Kuala Lumpur. Kadar pelaburan di Pulau Pinang adalah pada tahap 2.1% iaitu yang kedua terendah di negara bagi tahun 2016. Pada masa yang sama jurang pendapatan (*income inequality*) di Pulau Pinang pula telah berkurangan. Pekali Gini bagi negeri kita telah menurun daripada 0.419 pada tahun 2009 kepada 0.356 pada tahun 2016 iaitu pembaikan atau pengurangan sebanyak 15%.

Dari tahun 2015 sehingga separuh tahun pertama 2017 Pulau Pinang berjaya menarik sebanyak RM13.8 billion dalam bentuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang diluluskan iaitu kedua tertinggi di negara selepas Johor. Pemulihan industri pembuatan ini dicerminkan dalam hakikat bahawa Pulau Pinang telah sekali lagi muncul sebagai juara pelaburan di Malaysia meskipun jumlah pelaburan yang diluluskan untuk Malaysia telah kurang sebanyak 28.2% bagi separuh tahun pertama tahun ini iaitu daripada RM88.4 billion pada tahun 2016 kepada RM65.4 billion berbanding dengan tahun lepas, sebaliknya Pulau Pinang telah menongkah arus apabila jumlah pelaburan yang diluluskan telah meningkat sebanyak 188% daripada 2.67 billion pada tahun 2016 untuk enam (6) bulan pertama kepada 7.7 billion untuk enam (6) bulan pertama 2017, juara Malaysia sekali lagi.

Sektor pelancongan juga telah berkembang dengan pembukaan hotel-hotel baru dan kadar penginapan yang lebih tinggi malah Pulau Pinang adalah penyumbang terbesar cukai pelancongan baru yang dikenakan kepada pelancong asing pada kadar RM10.00 seorang yang dilaksanakan pada 1 September tahun ini dengan jumlah kutipan sebanyak RM241,460.00 dalam sebulan iaitu lebih besar daripada Kuala Lumpur. Ini menunjukkan Pulau Pinang telah menarik lebih ramai pelancong asing berbanding dengan Kuala Lumpur.

Bilangan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah mencecah 6.7 juta orang pada tahun lepas melangkaui kapasiti 6.5 juta orang empat (4) tahun sebelum dijangkakan. Tahun ini bilangan penumpang dijangkakan akan mencecah 7.1 juta orang ekoran pengumuman syarikat penerbangan nombor 1 atau termasyur di dunia iaitu Qatar Airways bahawa penerbangan langsung dari Doha ke Pulau Pinang bakal bermula pada 6 Februari 2018. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penaiktarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dalam ucapan Bajet 2018. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Semua orang gemarkan Pulau Pinang kerana makanan kita, kebudayaan dan sejarah kita yang hidup subur serta bandaraya kita yang menjanjikan peluang dan kebebasan. Pada tahun 2008, George Town dikurniakan status Warisan Dunia oleh UNESCO dan kini menjadi bandaraya konvensyen dan pameran dengan prasarana yang bertaraf antarabangsa serta pasaran perlancongan perubahan terbesar di Malaysia. Kumpulan Island Hospital telah mengumumkan pelaburan sebanyak RM2 billion untuk membina hospital swasta paling besar di Pulau Pinang dan mungkin di Malaysia dengan 1,000 buah katil.

Dahulu dikenali sebagai antara bandaraya terkotor di Malaysia pada tahun 2008, Pulau Pinang secara khususnya George Town telah bertukar menjadi antara yang terbersih di Malaysia, bukan sahaja kita bersih dari segi fizikal tetapi kita juga mengamalkan pentadbiran bersih yang dipuji oleh *transparency international* serta laporan Ketua Audit Negara setiap tahun.

Kita telah menjanjikan kepada rakyat Pulau Pinang sebuah kerajaan yang cekap akauntabiliti dan telus, dan kita berpegang kepada janji tersebut. Projek kerajaan tidak kira besar atau kecil, semuanya diputuskan melalui tender terbuka dengan kompetitif. Semua anggota pentadbiran mengisytiharkan harta mereka secara terbuka. Politik dan perniagaan dipisahkan yakni ahli-ahli keluarga pemimpin kerajaan tidak dibenarkan untuk mengurus niaga dengan kerajaan.

Kisah kejayaan dalam 10 tahun ini dicerminkan melalui lebihan bajet tahunan sejak tahun 2008 yang berjumlah RM578 juta dari tahun 2008 hingga 2015 iaitu lebih daripada jumlah RM373 juta yang dikumpulkan selama 50 tahun dari 1957 hingga 2007. Rezab tunai pula meningkat lebih RM1 billion kepada RM1.8 billion dan hutang negeri telah dikurangkan dengan begitu mengagumkan iaitu sebanyak 90 peratus. Jelas, 9 tahun pentadbiran Pakatan Harapan telah memperlihatkan betapa banyak boleh dilakukan berbanding dengan 50 tahun terdahulu sebelum tahun 2008. Inilah faktor utama Kerajaan Negeri Pakatan Harapan di Pulau Pinang kekal kukuh dan senantiasa dipercayai oleh rakyat.

Kita juga menginginkan pembangunan seimbang. Daripada RM3.1 billion yang dibelanjakan untuk kerja infrastruktur sejak tahun 2008, RM2.3 billion atau 77% telah dibelanjakan di Seberang Perai. Sekaligus memastikan tiada wilayah atau kawasan yang ketinggalan. Namun sekadar pro-pertumbuhan dan pro-pekerjaan tidak memadai, kita juga mesti pro-mahir. Setelah menjana pembangunan ekonomi kita tumpu pula perhatian terhadap unsur sosio politik bagi mengukuhkan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri berkeadilan.

Kad 'I Love Penang' Saya Sayang Pulau Pinang

Dato' Yang di-Pertua, Pulau Pinang dianggap sebagai bandaraya paling berdaya huni di Malaysia. Wawasan kita untuk mewujudkan Pulau Pinang yang berdaya huni di mana rakyat dan segenap lapisan masyarakat dapat hidup dengan sejahtera adalah dengan meraikan kebebasan dan kepelbagaian. Seni dan budaya dalam sebuah bandaraya kosmopolitan mengukuhkan komuniti yang bersih, hijau, sihat dan selamat serta menambahkan jaringan perhubungan selaras dengan ekonomi digital masa depan.

Pertamanya saya hendak mengumumkan Kerajaan Negeri akan melancarkan kad pintar baharu bagi semua rakyat Pulau Pinang yang dipanggil "*I Love Penang*" atau "Saya Sayang Pulau Pinang". Kad ini merupakan kunci bagi mencapai pelbagai kemudahan dan faedah sosial yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Pengurusan dan pengagihan semula program kebajikan kerajaan termasuk program-program di bawah I-Sejahtera akan diselaraskan dan akan

diintegrasikan oleh kad “*I Love Penang*”. “Saya Sayang Pulau Pinang” ini akan memudahkan hidup rakyat Pulau Pinang. Pada masa depan kita hanya perlu membawa kad tersebut dan kad itu mungkin mengambil bentuk maya dalam aplikasi telefon bimbit bagi mencapai segala pembayaran faedah dan kemudahan.

Kad “*I love Penang*” atau “Saya Sayang Pulau Pinang” ini amat bermanfaat kepada rakyat marhaen dan pada masa yang sama menjadi instrumen Kerajaan Negeri untuk menyerap pemakaian analisa *big data* dalam proses penggubalan dasar berasaskan bukti atau *evidence based policy making* serta penyampaian perkhidmatan awam. Kita akan menggunakan prinsip ekonomi perilaku atau *behavioral economics* sepertimana yang dipopularkan oleh pemenang Anugerah Nobel, ahli ekonomi tahun ini, Richard Thaler, untuk menggerakkan atau *nudge* ... (dengan izin) orang ramai untuk mencapai penyampaian dan prestasi yang lebih baik.

Badan pemikir Kerajaan Negeri, *Penang Institute* akan ditugaskan dengan pelaksanaan kad “*I love Penang*” atau “Saya Sayang Pulau Pinang” selaras dengan itu peruntukan untuk *Penang Institute* telah ditingkatkan pada RM4.5 juta.

Perkhidmatan Bas Percuma Di Waktu Puncak - Pendekatan Nudge

Satu contoh pendekatan *nudge economics* melalui kad “*I Love Penang*” adalah dengan menyediakan insentif bagi meningkatkan penggunaan bas awam untuk mengurangkan kesesakan trafik. Pada 2018 Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM15 juta untuk menggalakkan lebih ramai orang untuk menggunakan bas awam di Pulau Pinang dengan menyediakan perkhidmatan bas percuma di waktu puncak pada pagi dan petang untuk semua bas di Pulau Pinang. Kita juga akan berkerjasama dengan Rapid Penang untuk meluaskan rangkaian perkhidmatan, merombak laluan bas bagi mengurangkan masa perjalanan, meningkatkan kekerapan dan kebolehpercayaan serta menambah bilangan bas di jalan raya.

Kita mahukan hubungan 'menang-menang' dengan Rapid Penang. Pengembangan program bas percuma ini, meningkatkan penggunaan hasil dan perniagaan sampingan dengan ketara sekali bagi Rapid Penang. Pada masa yang sama, Rapid Penang harus membantu Pulau Pinang dengan menyediakan lebih banyak bas baharu dan meningkatkan mutu perkhidmatan. Kita harap Rapid Penang akan menambah 200 buah bas baharu.

Semua di atas hanya boleh berjaya sekiranya kita menerima pakai sistem kad pintar, *cashless* atau tanpa tunai yang membenarkan kedua-dua pengguna dan operator bas memantau perjalanan bas dan penggunaan secara elektronik.

Kerajaan Negeri dan MBPP telah membelanjakan sebanyak RM21 juta sejak tahun 2008 untuk menyediakan bas percuma CAT di kawasan George Town serta bas bersubsidi dari Seberang Perai ke Pulau Pinang bagi mereka yang bekerja di Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas. MBPP akan meningkatkan bilangan bas percuma CAT daripada tiga (3) hingga lima (5) buah bas percuma pada tahun 2018 dengan peningkatan kos daripada RM666,000 kepada RM1.1 juta setahun.

Kerajaan Negeri akan mewujudkan *Transport Penang* satu unit perancang terdiri daripada sekumpulan perancang pengangkutan, *modelers* dan pakar yang akan melapor kepada Majlis Pengangkutan Pulau Pinang yang diketuai oleh Ahli EXCO, YB. Padang Kota.

Ruang Awam Dan Pembinaan Komuniti.

Hutan bandar dan taman awam di Pulau Pinang sememangnya satu aset penting yang amat kita banggakan. Kerajaan ini komited untuk mengekalkan hutan bandar dan menaik taraf taman-taman awam. Taman-taman awam ini termasuk siar kaki, medan, bangku tepi jalan dan juga lorong belakang adalah penting kerana inilah tempat kita bersua, berbual-bual dengan jiran dan kenalan di mana pasangan muda boleh membawa anak kecil ke taman permainan dan di mana ibu bapa kita, pakcik dan makcik tua boleh bersenam di pagi hari. Di tempat-tempat inilah komuniti dapat dibentuk dan dilentur.

Pada bulan Mei 2017 kita telah meluluskan undang-undang baharu iaitu Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang 2017, untuk membuka jalan kepada perancangan dan pengurusan stadium dan ruang awam yang lebih holistik di Pulau Pinang. Sebagai langkah seterusnya kita akan mengeluarkan Pelan Taman Pulau Pinang yang terperinci di bawah naungan *Penang Institute* untuk menambah baik taman-taman dan akhirnya menghubungi semua taman-taman kepada satu sesawang koridor hijau dengan penyambung taman.

Seketika pembangunan baharu seperti di *Gurney Wharf* menjadi kenyataan di Pulau Pinang. Beberapa bidang tanah akan dibangunkan kepada taman yang menarik dan terbuka kepada orang ramai secara percuma, bagi *Gurney Wharf* hampir 60 ekar tambak tanah laut akan dijadikan ruang rekreasi *waterfront* bertaraf antarabangsa.

Pulau Pinang Aktif dan Sihat: RM45 juta Untuk Menjadikan Pulau Pinang Negeri Berbasikal.

Saya telah mengumumkan pada tahun 2016 tentang wawasan Pulau Pinang sebagai negeri berbasikal. Sejak itu kita telah bekerjasama dengan sektor swasta untuk mewujudkan koridor basikal di bawah Pelan Induk Laluan Berbasikal di Pulau Pinang. Pembinaan laluan basikal di tepi pantai yang bakal menghubungkan Straits Quay di Tanjung Tokong di kawasan Timur Laut daripada Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah di kawasan Barat Daya. Dikongsi bersama sektor swasta dengan kos RM45 juta sepanjang 39.3 kilometer termasuk titi lingkaran atau *spiral bridge*. 21.2 kilometer laluan basikal telah pun dibina dan selebihnya dijangka siap menjelang tahun 2020.

Penggalakkan gaya hidup berbasikal adalah baik bukan sahaja untuk Pulau Pinang yang sihat tetapi juga bagus untuk perniagaan-perniagaan kecil seperti kedai basikal dan kafe yang tumbuh bagai cendawan tumbuh selepas hujan di serata Negeri Pulau Pinang.

Sukan Menyatukan Rakyat: RM275 juta bagi infrastruktur Sukan Untuk Menjadikan Badminton (82 gelanggang baru) dan Renang (42 Kolam Renang Bersaiz Olimpik) sebagai Sukan Teras

RM275 juta lebih lebih infrastruktur sukan untuk menjadikan badminton dan renang sebagai sukan teras. 82 gelanggang baharu badminton akan disediakan dan empat (4) kolam renang bersaiz olimpik akan dibina. Rakyat Malaysia gemar dengan juara-juara badminton seperti mendiang Dato' Eddy dan Dato' David Choong serta pemain semasa Dato' Lim Chong Wei dan Chan Peng Soon. Kita harus merencanakan pembangunan badminton sebagai sukan kompetitif serta aktiviti rekreasi sihat dalam kalangan rakyat Pulau Pinang. Justeru Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM60 juta bagi dua (2) kompleks badminton baharu di Lebuhraya Macallum iaitu lapan (8) gelanggang badminton dan satu (1) gelanggang bola keranjang secara bersama dan di Sungai Pinang 12 gelanggang badminton. Terdapat juga inisiatif swasta untuk membina Akademi Badminton Pulau Pinang yang bernilai RM22 juta dengan 16 buah gelanggang badminton berserta kemudahan-kemudahan lain di Persiaran Karpal Singh. Satu (1) Kompleks Badminton RM2.5 juta terdiri daripada enam (6) gelanggang akan dibina di Jalan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan.

Kita juga sedang membina satu (1) lagi kompleks sukan di Butterworth yang merangkumi kolam renang dan 30 gelanggang badminton dengan kos lebih kurang RM60 juta. Pulau Pinang akan mempunyai tambahan empat (4) kolam renang dan 84 gelanggang badminton dalam masa empat (4) tahun. 10 gelanggang badminton baharu dan sebuah kolam renang bersaiz olimpik telah pun siap dibina oleh MBPP di Relau dengan kos lebih RM20 juta.

Di Bukit Mertajam, Kerajaan Negeri mencadangkan satu stadium hoki baharu bernilai RM7 juta yang akan dibiayai bersama dengan sektor swasta. Bagi sukan bola sepak kita akan menaiktaraf stadium mini di Permatang Rawa dengan kos RM2.5 juta bagi memanfaatkan rakyat tempatan.

Sebuah kompleks sukan baharu akan disumbang oleh sektor swasta dengan kos sehingga RM100 juta yang merangkumi velodrom tertutup, kompleks kolam renang bersaiz Olimpik serta padang bola sepak terbuka di Pantai Jerejak, Bayan Baru.

Selain menjadikan kita aktif dan sihat, aktiviti sukan dapat merapatkan hubungan rakan-rakan dan komuniti tanpa mengira etnik, agama dan jantina. Kita berniat untuk menaik taraf prasarana sukan komuniti seperti gelanggang bola keranjang dan futsal di Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga sedar bahawa e-sukan sangat popular dalam kalangan anak muda. Sungguhpun kita tidak faham, tidak bermakna kita tidak boleh memberikan sokongan. E-sukan telah muncul sebagai sukan antarabangsa dengan pasukan profesional dan pemain dari setiap pelusuk dunia. Di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri akan memudah cara pembangunan sukan e-sukan dengan peruntukan sehingga RM1 juta untuk membantu pemain dan pasukan di bawah 25 tahun untuk melatih dan bersaing di dalam kejohanan antarabangsa *eGames*. Melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), kerajaan akan membantu memadamkan pasukan e-sukan di Pulau Pinang dengan para penaja.

Pembangunan Kemahiran Modal Insan, (STEM) RM70 juta untuk STEM & Bayaran RM300 secara 'One-Off' kepada Pelajar Sekolah Vokasional Tempatan

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang - PDC dan *Invest Penang*, minta maaf, RM75 juta untuk STEM, bukan RM70 juta, RM75 juta untuk STEM. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan *Invest Penang* akan terus membantu perusahaan kecil dan sederhana melalui perkhidmatan nasihat dan latihan PKS atau dikenali sebagai SMART yang menggalakkan pelaburan sumber tempatan serta perkhidmatan perangkaan, padanan pasaran dan pengemaskinian teknologi, RM20 juta untuk SME Centre di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas yang menawarkan sewa bersubsidi. Dan SME Village yang bernilai RM67 juta yang menawarkan 150 ekar tanah untuk dibeli kepada perindustrian kecil dan sederhana untuk membina kilang-kilang mereka.

Penang Institute akan memulakan *Penang Leadership Academy* untuk membawa masuk kursus kepimpinan dan keusahawanan *cutting edge* daripada pakar-pakar di dalam industri di seluruh dunia. RM1 juta akan diperuntukkan untuk menyediakan program peningkatan pengurusan dan latihan dan latihan semula dengan ilmu pengetahuan terkini bagi mempersiapkan pengurusan-pengurus kita menghadapi masa hadapan digital. RM2 juta telah diperuntukkan setiap tahun untuk program German Meister yang menawarkan yuran tuisyen percuma untuk latihan vokasional German kepada pelajar-pelajar yang bekerja dan juga belajar pada masa yang sama dan latihan vokasional German adalah diakui sebagai terbaik di dunia.

Untuk membuktikan penekanan kita terhadap modal insan sebagai sumber ekonomi utama, Kerajaan Negeri akan terus memberi bayaran sebanyak RM1,000 secara *one off* kepada pelajar-pelajar Pulau Pinang yang menyambung pelajaran di institusi pengajian tinggi tempatan di Semenanjung Malaysia termasuk AIMST, *Wawasan Open University*, *TAR College* dan *TAR University College* dan juga RM1,200 kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran di Sabah dan Sarawak. Setakat ini 21,675 pelajar Pulau Pinang telah menikmatinya bersamaan dengan kos melebihi RM20 juta yang dibayar sejak tahun 2008.

Sebagai lanjutan kepada komitmen kita terhadap peningkatan sumber manusia, Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengumumkan kepada pelajar Pulau Pinang tahun pertama yang diterima masuk ke sekolah vokasional tempatan di Malaysia, bayaran RM300.00 bermula tahun 2018. Sejumlah RM2 juta akan diperuntukkan.

Kerajaan Negeri dan PDC telah memperuntukkan 13,000 kaki persegi ruang boleh sewa di Wisma Yeap Chor Ee bernilai RM23 juta di tengah-tengah Bandaraya Warisan George Town pada kadar sewaan bersubsidi untuk mewujudkan ruang kolaborasi yang fleksibel. Kadar penghunian untuk ruang *co-working* atau *co-working space* adalah 94%. Kita membayangkan ruang ini sebagai ruang sosial untuk membina komuniti sains yang rancak dan berfungsi sebagai pemangkin untuk berinteraksi, mendidik, menginspirasi dan menghubungkan orang awam terutama pelajar dan anak muda di Pulau Pinang dalam usaha kreatif dan inovasi. Dengan memadamkan warisan dan teknologi, bangunan-bangunan warisan perdana yang dibaikpulih ini menempatkan Kafe Sains Pulau Pinang untuk menggalakkan pembelajaran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik atau STEM dengan cara yang menyeronokkan dan kreatif.

Bagaimana kita menyediakan generasi akan datang menghadapi cabaran dan peluang yang ditawarkan oleh industri 4.0? Industri 4.0 disifatkan sebagai gabungan teknologi yang menggabungkan lingkungan fizikal, digital dan biologikal. Industri 4.0 adalah keadaan masa depan di mana dunia saling berhubung dan mesin berinteraksi dengan satu sama lain di mana robot akan melaksana, mesin bekerjasama melalui *internet of things* dan *big data analytics* digunakan untuk membuat keputusan secara *real time*.

Namun begitu, kita harus ingat walaupun *data is king, talent is everything*. Secara permulaan Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM2 juta untuk *coding classes* atau kelas pengekodan komputer di Pulau Pinang yang akan dikelolakan oleh Kluster Sains Pulau Pinang di Wisma Yeap Chor Ee. Dijangkakan sebanyak 118,000 pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah akan menikmati manfaat ini. Pendidikan terutamanya di dalam Sains dan Matematik dan *coding classes* adalah asas kepada Industri 4.0. Mari kita mempersiapkan anak-anak kita dengan awal supaya mereka akan bersedia menghadapi cabaran hari esok.

Sehingga kini, kita telah melaburkan RM62 juta di Pulau Pinang untuk pelbagai program STEM, termasuk Pusat Pembelajaran Karpal Singh, Penang Tech Dome, Perpustakaan Digital Pulau Pinang, Kafe Sains Pulau Pinang dan Pesta Sains Antarabangsa Pulau Pinang. Penambahbaikan peruntukan sebanyak RM2 juta untuk kelas *coding* dan pembinaan Perpustakaan Digital Pulau

Pinang yang kedua dan yang baru sebanyak RM10.8 juta membawa jumlah pelaburan di dalam pendidikan STEM sebanyak RM75 juta.

RM30 juta untuk Daerah Seni Pulau Pinang, Penang Art Street dan RM4 juta untuk KOTAK.

Seni dan budaya membentuk dan melakar citra dan sifat sesebuah bandaraya sebagai bertaraf antarabangsa dan kosmopolitan. Bandaraya tanpa seni dan budaya adalah bandaraya tanpa jiwa, seperti sehelai kertas kosong. Saksikan kejayaan Festival George Town membawa perhatian kepada Pulau Pinang terutamanya lukisan dinding di deretan rumah kedai warisan yang menarik pelawat berduyun-duyun ke dinding-dinding termasyur seperti *siblings riding a bicycle*. Sesungguhnya seni dan budaya mampu menjadi *game changer* mengubah situasi ekonomi Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang membayangkan untuk mewujudkan satu hub seni kontemporari sebagai pemangkin ekonomi kepada industri kreatif di Pulau Pinang. Satu tapak pembangunan seluar 9.2 ekar berdekatan Gat Lebu MacCallum di Georgetown telah dikenalpasti sebagai ruang terbaik untuk menempatkan Daerah Seni Pulau Pinang atau *Penang Art Street*, satu perbandaran kontena yang akan dibina dengan kos permulaan sebanyak RM30 juta.

Daerah Seni Pulau Pinang akan menjadi tuan rumah kepada koleksi galeri seni, muzium budaya, ruang pameran, studio seni dan muzik, sekolah seni dan bengkel seni yang terbesar di Malaysia. Untuk melengkapkan ruang-ruang seni tersebut, perkhidmatan sampingan seperti kedai buku seni, kedai barangan seni, kedai bingkai dan khidmat kurier juga akan disediakan. Dengan keestektikan moden dan urban, konsep bandaraya kontena 100,000 kaki persegi ini akan menjadi yang terbesar di dunia. Daerah Seni Pulau Pinang bukan sahaja satu projek untuk rakyat Pulau Pinang tetapi juga untuk dikongsi dengan semua rakyat Malaysia.

Satu lagi projek ialah KOTAK, satu komuniti pusat beli belah jalanan seni dan budaya akan dibangunkan di Persiaran Karpal Singh berdekatan George Town. Ianya terdiri daripada 58 unit kontena yang bakal mempromosikan seni, warisan dan budaya tempatan masyarakat Melayu. Ini adalah inisiatif swasta yang menelan belanja sebanyak RM4 juta. Kerajaan Negeri telah menyediakan sebidang tanah pada kadar nominal supaya lot-lot tersebut boleh disewakan pada kadar yang rendah iaitu RM600 sebulan termasuk bil elektrik dan air.

Dana membaikpulih Warisan Goerge Town Sebanyak RM3 juta dan Wang Benih Menaiktaraf Presint Little India Sebanyak RM1 juta

YB. Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri akan membelanjakan RM1 juta wang benih untuk menaik taraf prasarana awam di presint sekitar Little India di George Town. Satu pintu gerbang yang akan dibiayai oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan dibina. Dewan Perniagaan India Pulau Pinang juga telah pun bersetuju untuk menaja projek-projek yang perlu untuk mewujudkan satu pusat kebudayaan India dan aktiviti keagamaan sebagai satu wardah untuk mempamerkan warisan kepelbagaian Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri menghasratkan kawasan Warisan Dunia UNESCO George Town untuk terus didiami oleh masyarakat setempat dan penghuni jangka panjang demi mengekalkan keunikan dan ketertarikan yang menjadikan Pulau Pinang istimewa dan terulung. Wang benih sebanyak RM3 juta akan disediakan untuk mengadakan Geran Premis Warisan bagi membantu kos membaikpulih fizikal, memelihara dan memulihara premis warisan dan pelaksanaan program insentif kepada pemilik premis yang menyewakan premis secara jangka panjang pada kadar yang berpatutan.

RM5.62 juta telah dibelanjakan oleh MBPP untuk memulihkan enam (6) buah rumah kedai usang di Lebu Kimberley yang akan disewakan kepada tukang mahir seni tradisi dan perniagaan tempatan. RM9.63 juta akan dibelanjakan untuk festival dan sambutan warisan demi menciptakan kesedaran yang mampu menggalakkan, memelihara dan melindungi usaha pemuliharaan warisan.

Hal Ehwal Agama Bukan Islam

YB. Dato' Yang di-Pertua,

Peruntukan tahunan RM1.1 juta akan terus disalurkan kepada Lembaga Wakaf Hindu yang melaksanakan tugas berkanun untuk menyelia kuil-kuil Hindu dari pejabatnya dalam sebuah bangunan warisan indah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri di Jalan Macalister. Dan dalam bangunan Lembaga Wakaf Hindu di Jalan Macalister, sebuah restoran India beroperasi di situ, iaitu satu-satunya restoran India yang menjalankan perniagaan dalam bangunan Kerajaan di Malaysia.

Sejak tahun 2008, RM30 juta telah diagihkan kepada kumpulan-kumpulan dan tempat-tempat beribadat bukan Islam. Tanah juga disediakan untuk tokong, kuil dan gereja. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 20 ekar tanah, *prime land* untuk dijual di Ampang Jajar, Butterworth yang dipecahkan kepada 32 lot. Berikutan permintaan yang tinggi, 50 ekar tambahan tanah akan disediakan di Batu Kawan untuk dijual kepada pertubuhan bukan Islam.

Kerajaan Negeri akan terus memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah vernakular dan Sekolah Persendirian Cina seperti mana diamalkan sejak tahun 2008 di samping memperuntukkan tanah kepada mereka iaitu RM8.5 juta untuk sekolah Cina dan RM2 juta untuk sekolah Tamil. Kerajaan Negeri juga sanggup memberi tanah kepada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan membina sekolah menengah Tamil yang pertama di negara ini.

RM60 juta Program Penang Sihat Untuk Isi Rumah Berpendapatan Bawah RM5,000 Sebulan

YB. Dato' Yang di-Pertua,

Pulau Pinang mungkin sebuah negeri kecil dari segi keluasan tanah tetapi kita merupakan satu keluarga besar. Sebagai negeri berkebajikan, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk bantu membantu antara satu sama lain bagi memastikan golongan tidak bernasib baik tidak dilupai. Sejak mengambil alih pentadbiran Pulau Pinang pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah mengagihkan RM412 juta wang tunai kepada rakyat Pulau Pinang sehingga tahun 2016 sebagai ganjaran atau dividen kerana memilih kerajaan yang bersih dan bebas rasuah. Inilah intipati Belanjawan Marhaen.

Kesihatan itu khazanah, *health is wealth* dan perbelanjaan kesihatan setiap isi rumah makin meningkat mutakhir ini. Dari tahun 2018, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Program Penang Sihat bagi isi rumah berpendapatan RM5,000 sebulan ke bawah. Oleh kerana pendapatan penengah atau *medium income* di Pulau Pinang adalah RM5,409 seisi rumah, maka paras pendapatan RM5,000 yang ditetapkan ini akan membantu golongan bekerja yang paling memerlukannya.

Setiap tahun, setiap isi rumah ini akan diberi kredit RM300 dalam kad *I Love Penang* untuk membayar yuran perkhidmatan pesakit luar beserta ubat dengan had RM50 setiap lawatan kepada doktor swasta. Individu yang tidak berkahwin dengan pendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan akan mendapat kredit RM150 setahun dengan had sama RM50 setiap lawatan.

Ini akan membantu golongan Marhaen yang sakit agar mereka dapat melawat doktor dengan segera tanpa perlu risau mengenai caj mahal atau berkunjung ke klinik kerajaan yang terlalu jauh daripada rumah.

Program yang bakal memanfaatkan RM195,000 rumah atau isi rumah dijangkakan menelan perbelanjaan RM60 juta setahun. Ini merupakan tanggungjawab besar yang dipikul oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang meskipun kesihatan merupakan bidang kuasa Persekutuan semata-mata. Ini berbeza dengan Kerajaan Persekutuan dalam Bajet 2018 yang memotong kos perbekalan barangan farmasitikal dan kesihatan awam sebanyak RM19 juta daripada RM950 juta pada tahun 2017 kepada RM931 juta pada tahun depan.

Program Pemeriksaan Mamogram percuma bagi wanita yang berusia 35 tahun ke atas akan diteruskan. Setakat ini lebih 10,000 wanita telah menerima manfaat ini dan RM3.2 juta adalah diperuntukkan bagi tahun depan. Dijangkakan 30,000 wanita akan menikmati pemeriksaan mamogram percuma menjelang tahun 2020.

RM15 juta Bantuan Penjagaan Anak Untuk Ibu Berkerjaya

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri,

Mana-mana negara yang mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi secara lazimnya mempunyai kadar penyertaan buruh wanita atau *female labour participation rate* sekurang-kurangnya 65%. Kadar penyertaan buruh wanita di Pulau Pinang hanyalah 58% dan kita ingin mengiktiraf sumbangan mereka serta memperkasa dan menggalakkan lebih lagi wanita untuk bekerja.

Dari tahun 2018 semua ibu berkerjaya *as career women* sehingga usia 60 tahun dengan anak sehingga usia 6 tahun akan dibayar insentif tunai sebanyak RM300 setahun. Lebih kurang 50,000 isu rumah di Pulau Pinang dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak kecil berpotensi untuk memanfaatkan program ini. Program ini akan menelan belanja sebanyak RM15 juta untuk tahun 2018.

Meningkatkan Program Penghargaan Warga Emas dan OKU daripada RM100 kepada RM130

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan,

Program Penghargaan Warga Emas sebanyak RM100 setiap tahun diberikan kepada mereka yang berusia lebih 60 tahun sebagai dividen anti rasuah dan juga penghargaan kepada sumbangan warga emas. Ini adalah Program Emas yang pertama yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. So kita ada banyak sentimen terhadap Program Warga Emas dan kita masih ingat bila kita perkenalkannya ia dibantai teruk-teruk oleh parti lawan. Dianggap sebagai Program Warga Emas adalah berdosa dan tidak harus diterima. Lihat rekod TV Barisan Nasional lah siapa lagi. Sungguhpun ada usaha untuk merosakkan atau mengagalkan program ini tetapi rakyat Pulau Pinang jelas menyokongnya kerana sehingga sekarang 193,823 orang warga emas telah pun menerima bayaran ini setakat 1 November 2017. Hampir 200,000 warga emas dan bayaran RM100 setiap tahun. Bermakna hampir RM20 juta telah diagihkan. Setelah menerima permintaan daripada orang ramai, Kerajaan Negeri akan meningkatkan bayaran sebanyak 30% daripada RM100 kepada RM130. Iaitu peningkatan perbelanjaan sebanyak RM6 juta.

Begitu juga dengan komuniti OKU yang diberi RM100 setahun dengan 10,478 penerima sehingga kini RM1.1 juta telah pun dibayar. Kerajaan Negeri turut meningkatkan pembayaran mereka sebanyak 30% daripada RM100 kepada RM130 dengan peningkatan sebanyak RM335,000.00.

Pengecualian Untuk Lesen Penjaja serta Cukai Pintu bagi Rumah Kos Rendah, Sederhana Rendah dan Rumah Kampung

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan,

Sesungguhnya makanan menyatukan rakyat Pulau Pinang dan penjaja biasa lah yang menjadikan makanan jalanan Pulau Pinang sebagai yang termashyur dan terkenal di dunia. Perlaksanaan GST pada tahun 2015 telah mengakibatkan kenaikan harga barangan dan ini telah menjejaskan penjaja biasa, peniaga jalanan dan vendor pasar malam.

Bagi meringankan beban mereka kerajaan telah memutuskan untuk memberi pengecualian lesen perniagaan secara *one off* bagi tahun 2018. Kos kepada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan adalah lebih kurang RM500,000.00 dan seramai 29,000 penjaja dan peniaga kecil akan menerima manfaat pengecualian pembayaran lesen penjaja ini. Bagi setiap penjaja *amount* mungkin kecil tetapi ia menghantar mesej yang penting kepada semua bahawa Kerajaan Negeri memandang dan mengambil berat tentang anda.

Tambahan daripada itu Kerajaan Negeri akan memberi 2,000 kanopi khemah *I Love Penang* kepada peniaga yang berniaga secara terdedah secara percuma dan ini akan membabitkan kos RM600,000, *I Love Penang* punya khemah kita akan bagi 2,000 secara percuma kepada peniaga-peniaga di luar.

Kerajaan Negeri juga akan terus memberi pengecualian penuh bagi cukai pintu rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah kampung. Ini akan membantu golongan berpendapatan rendah jimat kos membayar RM8.9 juta kepada MBPP dan RM6 juta kepada MPSP.

Ancaman Denggi - Crush Aedes Totally (CAT)

Berbalik kepada ancaman denggi, YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Denggi merupakan ancaman kepada kesihatan dan keselamatan rakyat Pulau Pinang dalam tempoh 10 bulan pertama tahun 2017, telah berlaku 13 kematian akibat denggi di Pulau Pinang, ini adalah lebih daripada 12 orang yang meninggal pada keseluruhan tahun 2016. So kita belum habis tahun 2017 sudah ada 13 orang mati seluruh tahun 2016, 12 orang mati. So kita sudah lebih 1 orang sungguhpun tahun ini belum habis.

Kesukaran untuk menurunkan bilangan kematian ini memerlukan pemikiran semula dan pendekatan baru dalam perang melawan denggi dengan menggunakan teknologi kecerdasan buatan atau *artificial intelligence*. Kerajaan Negeri akan memakai aplikasi syarikat Silicon Valley yang mampu meramalkan kawasan *hotspot* denggi sebelum ianya berlaku sehingga tiga (3) bulan sebelumnya dengan menamakan program ini CAT juga, CAT tapi ini bukan Cekap, Akauntabiliti, Telus. CAT ini *Crush Aedes Totally*. Tindakan pencegahan yang menelan belanja RM420,000.00 setahun diharapkan dapat menyelamatkan nyawa. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia untuk menguji aplikasi yang diluluskan oleh *United Nation* atau Bangsa-Bangsa Bersatu, *World Health Organisation* dan kadar kematian jika dapat dikurangkan kita boleh berharap akan menjadi Pulau Pinang lebih selamat daripada denggi. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM100,000.00 kepada Jabatan Kesihatan Pulau Pinang untuk menggalakan penyertaan komuniti dalam program bersama COMBI bagi menghapuskan kawasan pembiakan.

Tebatan Banjir.

Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM531 juta bagi melaksanakan program projek tebatan banjir sejak tahun 2008. Ini tidak termasuk RM220 juta yang diumumkan dalam belanjawan 2017 yang merangkumi RM150 juta daripada Kerajaan Negeri, RM50 juta daripada PBAPP untuk memasang paip dari empangan Air Itam ke empangan Teluk Bahang, serta RM20 juta oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan untuk projek tebatan banjir kecil-kecilan, terdapat keperluan untuk menggesa Kerajaan Persekutuan untuk segera menjalankan projek tebatan banjir Sungai Pinang yang merupakan punca utama banjir kilat di bahagian Pulau.

Pada 15 September 2017, Pulau Pinang dilanda hujan yang paling lebat dalam sejarah apabila menjadi mangsa, tempas Taufan Doksori. Empangan Air Itam telah mencatatkan penurunan hujan sebanyak 270 millimeter dalam satu malam sahaja, iaitu bersamaan dengan taburan hujan sebulan. Ini bermakna hujan satu bulan semua turun dalam satu hari. Ini menyebabkan paras air empangan Air Itam meningkat daripada 74% kepada lebih 100% dalam sehari sahaja. Sekiranya projek tebatan banjir Sungai Pinang sudah siap, saya akui ia juga tidak akan dapat mengelak daripada banjir yang begitu teruk ini tapi sekurang-kurangnya dapat mengurangkannya. Oleh kerana itu Kerajaan Persekutuan perlu bertindak dengan segera untuk memulakan kerja di Sungai Pinang. Tolonglah jalankan kerja sekarang, kalau tidak, tiada esok bagi mu.

Sebagai tindak balas segera terhadap banjir paling teruk dalam sejarah, sebanyak RM2.5 juta telah dibelanjakan untuk menjalankan 33 projek tebatan banjir secara tergepar bagi mengurangkan beban kerugian yang dialami banjir yang begitu teruk sekali, kerajaan telah memutuskan untuk memberi sumbangan ehsan *one-off* untuk menandakan banjir yang paling teruk dalam sejarah Pulau Pinang. Bayaran RM400 sekeluarga dan telah memperuntukkan RM3 juta bagi tujuan ini. Kedua-dua MBPP dan MPSP juga telah membelanjakan RM20 juta untuk pelbagai projek banjir.

Perumahan untuk semua.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PDC komited untuk membina sebanyak 27,230 unit perumahan mampu milik di 17 buah projek di ke semua lima (5) Daerah di Pulau Pinang. Kita bangga bahawa 24,227 unit perumahan kos rendah dan sederhana rendah telah dibina oleh PDC dan sektor swasta dalam tempoh 10 tahun dari 2008 hingga September 2017. Bagi tempoh yang sama panjang sebelum 2008, hanya 5,145 unit perumahan kos rendah dan sederhana rendah telah dibina atau hampir 5 kali ganda lebih kurang berbanding dengan pencapaian Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang.

Projek perumahan mampu milik Bandar Cassia akan disiapkan pada akhir tahun ini, 39 buah rumah kampung akan dibina bagi penduduk Kampung Tok Subuh di Bukit Mertajam manakala 41 buah rumah kampung akan dibina di Kampung Kepala Gajah, Seberang Perai Selatan masing-masing dengan kos pembinaan RM4.5 juta di setiap kawasan dan ini adalah rumah kampung kos rendah. Pada masa yang sama, satu projek kos rendah 3 tingkat merangkumi 36 unit akan di bina di Taman Murai Jaya, Seberang Perai Selatan dengan kos RM4.6 juta.

Kerajaan Negeri tidak boleh melaksanakan lebih banyak projek rumah mampu milik dan rumah awam selagi Bank Negara tidak melonggarkan garis panduan pinjaman yang terlalu ketat, keras dan tidak berpatutan. Banyak unit perumahan mampu milik dan perumahan awam di Pulau Pinang kekal kosong bukan kerana tiada pembeli tetapi kerana pembeli tidak berjaya mendapat pinjaman perumahan. Kita harap Bank Negara harus memberi keutamaan kepada pembeli rumah pertama bagi rumah-rumah dibawah RM300,000 dan di dalam Dewan ini, ini bukan isu politik, ini isu rakyat kita sama-sama meminta dan telah menulis surat kepada Perdana Menteri minta beliau untuk mengarahkan Bank Negara, tolonglah longgarkan syarat-syarat pinjaman kerana kita bina rumah, rumah tak diduduki kerana anda tak mahu longgarkan ataupun benarkan pinjaman kepada *first time buyer* iaitu pembeli rumah pertama. Kalau nak ketatkan kepada yang bukan pembeli rumah pertama tak pa. Tapi mengapa nak susahkan, nak bebankan, aniayai pembeli rumah pertama. So itu saya harap disokong oleh semua ADUN-ADUN di sini. Betul dak? Betul dak?.....(gangguan). Betul la. Macam ni betul la. Okey baik.

Kelestarian Alam Sekitar - RM10 juta untuk Perlindungan Bukit

Kerajaan Negeri telah bertindak secara proaktif terhadap bencana alam dan semasa mengendali krisis. Kita segera turun padang dan memberi khidmat bantuan serta membaiki kerosakan yang berlaku akibat banjir dan tanah runtuh. Walaupun langkah-langkah pencegahan telah pun di ambil oleh Kerajaan Negeri, perubahan-perubahan iklim telah mengakibatkan peralihan paradigma sehingga infrastruktur sedia ada menjadi lapuk dan tidak terguna dalam menghadapi cabaran-cabaran baru.

Selain pengurusan krisis, Kerajaan Negeri ingin proaktif dalam menangani isu alam sekitar secara bersifat pencegahan. RM10 juta akan diperuntukkan bagi perlindungan lereng bukit bersama dengan kajian perubahan iklim khususnya pertanian haram. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, tanah runtuh kurang berlaku di kawasan yang mempunyai pembangunan berbanding kawasan yang tidak dimajukan. Jelas, kerja perlindungan tanah dilakukan semasa pemajuan. Namun, ini tidak berlaku dalam kes pertanian haram.

Kemalangan pada 21 Oktober telah diakibatkan oleh tanah runtuh di tapak pembinaan adalah disyaki berlakunya kecuai profesional. Kemalangan tapak kerja ini telah meragut nyawa seorang penyelia tapak pembinaan yang merupakan rakyat Malaysia dan 10 pekerja asing. Satu Suruhanjaya Siasatan Negeri telah ditubuhkan untuk menentukan dan menjawab semua persoalan yang timbul dalam format forum awam. Pendengaran suruhanjaya adalah terbuka kepada orang ramai sementara itu projek tersebut telah dibekukan. Perunding, pakar perundingnya disenarai hitamkan sehingga keputusan suruhanjaya diumumkan. Hasil laporan akan didedahkan secara terbuka. Biarlah suruhanjaya menentukan sama ada projek tersebut dibina atas lereng bukit atau tanah landai ataupun sama ada kuari merupakan punca tanah runtuh.

Kerja Awam, Jalan Raya & Pasar

Penyelesaian kepada kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang adalah dengan mewujudkan rangkaian pengangkutan awam yang merangkumi LRT, bas, teksi air, serta feri. Sementara kita menunggu kelulusan Kerajaan Persekutuan, kita akan terus menderita sekiranya ia dilambatkan. Bagi kerja jalan raya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM61.2 juta pada tahun 2018 kepada JKR berbanding RM42.3 juta pada tahun lepas.

Dua (2) pasar baru juga akan dibina semula iaitu pasar lama Bukit Mertajam dengan kos RM20 juta dan Pasar Seberang Jaya dengan kos dianggarkan RM13 juta.

YB. Dato' Yang di-Pertua, perlu disebutkan bahawa *Think City* bersama dengan Kerajaan Negeri sedang menjalankan projek pemulihan menarik yang bernilai RM1 juta di *Fort Cornwallis* bagi mengembalikan parit air atau MOAT selebar 1 meter di sekeliling kubu. Besar harapan parit air tersebut akan disiapkan menjelang sambutan ulang tahun ke-10 pemahatan George Town sebagai tapak warisan dunia UNESCO pada 7 Julai 2018.

Memartabatkan Islam

YB. Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan Hal Ehwal Agama Islam daripada RM50 juta pada tahun 2017 kepada RM53 juta pada tahun 2018. Peruntukan untuk Sekolah Agama sejumlah RM55.3 juta sejak tahun 2008. Ini tidak termasuk tanah yang diambil alih atau yang diberi kepada Sekolah Agama. Sekolah Agama tidak hanya menerima RM1.75 juta setiap tahun seperti yang didakwa oleh mereka yang berniat jahat. Tapi sebenarnya ada jumlah yang lebih besar dibawah Portfolio Hal Ehwal Agama Islam. Malahan RM1.75 juta ini sebenarnya adalah seakan-akan peruntukan tambahan. Malangnya setengah pihak dengan motif jahat sengaja mengabaikan jumlah besar yang diperuntukkan dan hanya menggunakan RM1.75 juta ini bagi menabur fitnah ke atas saya atau Kerajaan Negeri sebagai anti Islam.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM457 juta kepada Hal Ehwal Agama Islam sejak 2008. Iaitu peningkatan 84% berbanding dengan RM249 juta bagi tempoh masa yang sama panjang sebelum tahun 2008. Dan ini peningkatan 84% ini kami masih di tuduh sebagai anti Islam. Mungkin turun peruntukan baru tidak anti Islam. Dan apabila kita naikkan peruntukan untuk Hal Ehwal Islam sebanyak 84%, ini telah mendorong Pengerusi MCA Negeri Pulau Pinang untuk melabelkan saya sebagai anti Cina kerana mendapat undi Cina tapi hanya membantu orang Melayu dan Islam. Namun pada masa yang sama pemimpin Pro UMNO pula melabelkan saya sebagai anti Islam. Jadi yang manakah betul?

Saya juga dituduh anti Cina kerana menyokong Pembangunan Industri Halal di Pulau Pinang yang telah berkembang dengan pesat daripada sifar pada tahun 2008 kepada RM428 juta yang dilaburkan di Tapak Perindustrian Halal Pulau Pinang pada hari ini. Tahniah saya ucapkan kepada Ahli EXCO Hal Ehwal Agama Yang Berhormat daripada Batu Maung atas kejayaannya membangunkan Hub-Halal Pulau Pinang. Biar saya nyatakan di sini. Saya boleh dilabelkan oleh parti lawan anti Cina ataupun anti Melayu. Tapi kita nak tegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan bukan anti Cina, bukan anti Melayu, bukan anti Islam, bukan anti India. Kita hanya anti rasuah, anti 1MDB dan anti GST.

Penjawat Awam Tulang Belakang Kerajaan Negeri

Baik. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai pasukan Penjawat Awam yang komited, profesional dan berintegriti dibawah kepimpinan Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan bin Darus.

Selain itu kita juga turut menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2016 yang telah diaudit pada tahun lalu oleh Jabatan Audit Negara dengan pengiktirafan lima (5) bintang, Perakuan Sijil Amalan 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia untuk tahun yang ke 6 berturut-turut. Ucapan tahniah kepada Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah, Jabatan Kewangan Negeri, Pejabat Daerah Seberang Perai Utara, PDC, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Majlis Sukan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Mufti di atas Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2016 yang telah diaudit dengan pengiktirafan dengan lima (5) dan empat (4) bintang itu daripada jabatan yang diaudit 80% Jabatan Agensi dan Negeri Pulau Pinang telah memperolehi penarafan lima (5) bintang dan menjadikan Pulau Pinang sekali lagi negeri juara, negeri nombor satu, negeri terbaik di seluruh Malaysia bagi pencapaian Indeks Akauntabiliti.

Tahniah dan syabas kepada Penjawat Awam dibawah pimpinan Dato' Seri SUK. Tidak dilupakan juga tahniah diucapkan kepada MBPP di atas penganugerahan lima (5) bintang melalui penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan oleh (KPKT) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tahniah juga kepada MPSP kerana telah menjadi organisasi pertama di Malaysia yang telah disahkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menerima persijilan Sistem Pengurusan Anti-Suapan/Sogokan (Anti-Bribery) iaitu ISO 37001:2016 (ABMS).

Kerajaan Negeri senantiasa menghargai perkhidmatan yang diberi oleh penjawat awam. Bonus hari raya tahun ini adalah 0.75 bulan. Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa bonus akhir tahun ini adalah RM2,000.00 wang tunai. RM2,000.00 wang tunai akan diberikan kepada mereka yang mempunyai rekod disiplin yang baik dan akan dibayar sebelum akhir tahun 2017.

Sekolah Agama dan Guru Kafa dan Guru Sekolah Persendirian Cina juga akan menerima bonus tunai sebanyak RM300. Sementara mereka di sekolah tahfiz, sekolah pondok, tadika Islam akan menerima suguhati RM200 wang tunai. Mereka telah pun menerima jumlah yang sama semasa bonus hari raya.

Kerajaan Negeri ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pasukan keselamatan, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera, Jabatan Bomba dan semua anggota Kerajaan Negeri dan Persekutuan kerana membantu memastikan keamanan, ketenteraman awam dan stabiliti di Pulau Pinang.

Perurusan Perbelanjaan Mengurus Dan Pembangunan.

Rang Undang-Undang Perbekalan 2018 adalah untuk mendapat kuasa berkanun bagi membolehkan Kerajaan Negeri membuat perbelanjaan perbekalan sebanyak RM1,213,951,019 billion untuk 19 Jabatan bagi tahun 2018 sepertimana perincian di Risalah Bil.4 Tahun 2017. Selain daripada itu, peruntukan sejumlah RM38,353,840 juta diperlukan untuk perbelanjaan tanggungan tiga (3) jabatan mengikut undang-undang di bawah kumpulan wang disatukan. Oleh itu, jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus yang dianggarkan pada tahun 2018 ialah RM1,252,304.859 billion.

Bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri menganggarkan hasil yang boleh dikutip berjumlah RM503,764,820 juta. Iaitu jangkaan jumlah hasil yang kurang berbanding dengan tahun semasa tahun 2017. Ini adalah kerana sumber hasil Kerajaan Negeri yang terhad serta tiada punca hasil baru, kutipan hasil daripada faedah pelaburan yang dijangka menurun disebabkan oleh penurunan bayaran dividen dan kadar faedah simpanan tetap yang seterusnya menyumbang kepada anggaran hasil negeri yang kurang untuk tahun 2018.

Jangkaan hasil negeri bagi tahun 2018 tidak meningkat namun Kerajaan Negeri tidak mempunyai pilihan untuk mengekalkan perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri supaya masih sama dengan anggaran tahun 2017. Mengambil kira kepada keperluan untuk menyiapkan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan menyediakan kemudahan pinjaman kepada Badan-Badan Berkanun Negeri bagi merangsang serta menjayakan Transformasi Ekonomi Negeri dengan matlamat keseluruhan mengutamakan kesejahteraan rakyat. Maka pembentangan Bajet Defisit Untuk Tahun 2018 tidak dapat dielakkan.

Anggaran defisit untuk Belanjawan 2018 ialah RM748.5 juta berbanding dengan Anggaran Defisit 2017 sebanyak RM667 juta. Namun begitu, lebih Belanjawan 2017 dijangka dapat dicatatkan pada tahun ini. Sungguh pun anggaran defisit RM667 juta. Sama dengan anggaran Belanjawan 2016 yang juga berdefisit RM292 juta sebagai anggaran tetapi akhirnya dapat mencatatkan lebih belanjawan sebenar sebanyak RM89 juta.

Di bawah Peruntukan Mengurus bagi tahun 2018 yang berjumlah RM1,252.30 juta, sebanyak RM177 juta diperuntukkan untuk emolumen, sebanyak RM158.54 juta bagi Perbelanjaan Perkhidmatan Bekalan. Sejumlah RM8.6 juta untuk Perolehan Aset dan RM6.19 juta disediakan untuk perbelanjaan-perbelanjaan lain (termasuk Pulangan Balik Hasil Dan Hapus Kira).

Seterusnya, perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap masih kekal sebagai komponen terbesar Perbelanjaan Mengurus Tahun 2018 iaitu sebanyak RM902 juta atau 72% daripada Belanja Mengurus tersebut. Jumlah ini mengambil kira caruman sejumlah RM600 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan selebihnya adalah untuk bantuan-bantuan sosial rakyat yang Kerajaan Negeri terus komited untuk laksanakan sebanyak RM130 juta dan pemberian kepada Badan-Badan Berkanun Negeri. Pertambahan peruntukan bagi objek-objek am yang lain adalah bagi menampung keperluan Perbelanjaan Mengurus yang meningkat setiap tahun iaitu kenaikan gaji dan pelarasan emolumen, kenaikan kos bekalan dan utiliti, kenaikan kos penyelenggaraan dan pembaikan, kenaikan bayaran GST untuk perkhidmatan dan keperluan menggantikan aset serta kenderaan yang tidak ekonomik untuk dibaiki.

Sekiranya pindaan RM600 juta daripada Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan tersebut dikecualikan sebagai 'perbelanjaan', maka Anggaran Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM652.30 juta dan nilai defisit dapat dikurangkan kepada RM148.54 juta.

Cadangan Bajet Pembangunan Negeri bagi Tahun 2018 berjumlah RM684,974,100 juta yang merupakan penurunan sebanyak RM202.46 juta atau 22.81% jika dibandingkan dengan jumlah Bajet Pembangunan sebanyak RM887.44 juta pada tahun 2017. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan kemudahan pinjaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri

kepada Badan Berkanun Negeri iaitu sebanyak RM350 juta bagi tahun 2018 berbanding dengan RM639 juta yang disediakan pada tahun 2017. Penurunan Bajet Pembangunan ini tidak menjejaskan projek pembangunan secara langsung. Sejumlah RM50 juta akan disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada PBAPP untuk membiayai Kos Penggantian Aset dan Menaik Taraf Loji Rawatan dan Takungan Air dan RM300 juta kepada PDC untuk tujuan pembiayaan kos pengambilan tanah dan pembangunan infrastruktur bagi menggalakkan pembangunan yang seimbang terutamanya di kawasan Seberang Perai. Kemudahan pinjaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada kedua-dua PBAPP dan PDC juga tidak menimbulkan risiko kewangan, memandangkan Kerajaan Negeri akan mula mendapat pulangan termasuk keuntungan pinjaman pada tahun 2018 dengan jangkaan keuntungan melebihi RM120 juta dalam tempoh lapan (8) tahun seterusnya.

Peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi projek-projek pembangunan secara langsung bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM334.97 juta iaitu peningkatan sebanyak 35% berbanding peruntukan RM248.43 juta yang disediakan pada tahun 2017.

Sekiranya Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM685 juta dibandingkan dengan Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM652.30 juta daripada jumlah keseluruhan Belanjawan 2018 sebanyak RM1,337.27 juta maka Perbelanjaan Pembangunan merupakan 51.22% daripada jumlah belanjawan. Manakala Perbelanjaan Mengurus adalah 48.78%. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan yang memberi impak positif kepada rakyat Pulau Pinang dan akan dilaksanakan secara berterusan.

Mengambil kira bajet keseluruhan (Mengurus dan Pembangunan) yang dicadangkan bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM1,337.27 juta dan Anggaran Hasil Tahun 2018 pula sejumlah RM503.76 juta, maka ianya menyumbang kepada bajet defisit sebanyak RM748.54 juta. Bajet defisit yang ketara ini tidak berpunca daripada Perbelanjaan Mengurus langsung sebanyak RM652.30 juta tetapi disebabkan oleh pindahan RM600 juta daripada Akaun Hasil disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan untuk pembiayaan projek-projek pembangunan yang dirancang berjumlah RM684.97 juta. Anggaran defisit atau kekurangan RM748.54 juta yang dijangka dalam Bajet 2018 akan dibiayai daripada Simpanan Terkumpul Negeri. Kerajaan Negeri menganggarkan defisit RM292.13 juta pada tahun 2016 tetapi telah mencatatkan lebihan RM89.22 juta pada Akhir Tahun Kewangan 2016 dan seterusnya menyumbang kepada rizab terkumpul berjumlah RM1,041.75 juta.

Sememangnya jangkaan defisit bagi tahun 2018 melonjak naik dengan mendadak sekali. Walau bagaimanapun, ianya tidak akan menjejaskan perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri dan semua komitmen pembiayaan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan, bantuan-bantuan sosial rakyat, pemberian serta program-program Agenda Ekonomi Saksama akan diteruskan sepertimana yang dijanjikan.

Dari segi perincian Peruntukan Pembangunan yang disediakan untuk sembilan (9) jabatan seperti di Risalah Bil. 4 Tahun 2017, Maksud Pembangunan P01 Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan disediakan peruntukan yang paling tinggi ialah RM420.95 juta untuk tahun 2018. Peruntukan yang besar ini melibatkan peruntukan kemudahan pinjaman untuk Badan Berkanun Negeri sebanyak RM350 juta dan peruntukan cara langsung sebanyak RM70.95 juta. Peruntukan Pembangunan yang disediakan bagi Jabatan Kerja Raya, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Taman Botani dan Jabatan Kewangan Negeri bagi tahun 2018 adalah meningkat jika dibandingkan dengan tahun 2017. Manakala Peruntukan Pembangunan yang disediakan bagi jabatan-jabatan lain adalah hampir sama dengan Peruntukan Tahun 2017.

Penang 2030 - Pengubah Kehidupan dan 'Game Changer' Ekonomi

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri,

Ini, Belanjawan Marhaen, merupakan Belanjawan Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pakatan yang ke sepuluh dibentangkan selepas kita menang kuasa pada 8 Mac 2008. Kita berbangga kerana diberi mandat oleh rakyat Pulau Pinang untuk mentadbir Negeri yang indah permai ini bagi pihak rakyat sejak sepuluh (10) tahun yang lalu.

Melihat ke hadapan, kita bertanggungjawab untuk mewariskan Pulau Pinang yang lebih baik dan kukuh kepada generasi akan datang. Namun untuk berjaya kita harus mencari *Game Changes*.

Kita harus tumpu kepada pembangunan lestari yang berteraskan lima tunjang utama iaitu ekonomik, politik, sosial, budaya dan alam sekitar.

Ekonomi kita berpaksikan asas yang padu dan akan terus rancak dan dinamik di tahun-tahun yang akan datang. Pulau Pinang adalah tuan rumah kepada dua (2) pengeksport utama di Malaysia. *Western Digital* mengeksport RM20 billion setiap tahun dan eksport RM20 billion ini merupakan 2.3% daripada jumlah eksport keseluruhan Malaysia. Satu syarikat eksport 2.3% jumlah eksport Malaysia tapi kalau ini besar tahun depan ada syarikat yang akan eksport lagi besar dan juga bertapak di Pulau Pinang iaitu *Broadcom*. *Broadcom* pada tahun depan akan mengeksport barangan elektronik yang bernilai RM70 billion iaitu 8% daripada jumlah eksport Malaysia.

So nombor satu, *Broadcom*, 8% daripada jumlah eksport Malaysia. Nombor dua *Western Digital*, 2.3%. Dua (2) syarikat telah merangkumi 10.3% daripada keseluruhan eksport di Malaysia.

Dalam Hal Pembangunan Sosial, penekanan utama ditumpukan kepada pembangunan modal insan. Kita telah mewujudkan biasiswa *Penang Future Foundation* dengan dana sebanyak RM20 juta sejak tahun 2015. Sejak itu, kedua-dua Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menyediakan program biasiswa mereka sendiri untuk menyasarkan pelajar yang memerlukan bantuan untuk mencapai kejayaan akademik tetapi khususnya sekolah rendah dan sekolah menengah.

Kita juga telah mengembangkan badan pemikir negeri, *Penang Institute* sejak tiga (3) tahun yang lalu dengan melantik lebih ramai pakar dan bakat serta menaik taraf bangunan dan prasarana. Tugas *Penang Institute* adalah sebagai wardah ilmu yang beraspirasi menjadi pengaruh besar dalam penggubalan dasar berdasarkan bukti di Pulau Pinang dan Malaysia.

Pesta Pulau Pinang yang berlangsung selama sebulan, Pesta Kesusasteraan George Town, *In-Between Arts Festival* dan *Festival Jazz* Pulau Pinang adalah antara acara yang bukan saja mengukuhkan George Town sebagai Tapak Warisan UNESCO tetapi juga sebagai pusat budaya yang harus dikunjungi di rantau Asia. Kita harap lebih banyak pesta dan aktiviti sebegini diadakan bukan sahaja di George Town tetapi juga di seluruh pelusuk negeri. Ini akan menaikkan lagi nama Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama.

Akhir sekali, dari segi alam sekitar. Kita sedang mengharungi cabaran dan kesan perubahan iklim. Kita menyaksikan perubahan iklim yang sangat ketara saban tahun. Pada tahun 2016, kita mengalami musim kemarau manakala pada September 2017, kita ditimpa taburan hujan terbanyak dan terbesar dalam sejarah Pulau Pinang. Keadaan cuaca yang *extreme* ini mencabar amalan teras dalam cara kita mencorak, mengorak dan mengendali bandaraya kita. Secara fakta, bandaraya-bandaraya besar di seluruh dunia sedang menghadapi cabaran sama yang diakibatkan oleh perubahan iklim. Persoalannya, patutkah kita berbelanja berbillion-billion ringgit untuk membina tembok laut? Adakah kita perlu memindahkan kampung-kampung jauh dari kawasan pantai? Haruskah kita meluaskan longkang monsoon untuk menghadapi banjir *extreme* 100 tahun? Dan adakah kita mempunyai dana yang cukup? Ini adalah persoalan yang dihadapi oleh semua bandaraya besar di serata dunia. Tidak kira benua apa, tidak kira negara apa, itu adalah persoalan dan masalah bersama manusia sejagat.

Wawasan kita adalah untuk mewariskan Pulau Pinang yang lebih baik, kukuh dan lestari kepada generasi akan datang. Kita juga perlu meningkatkan daya ketahanan terhadap iklim. Walaupun kita tidak boleh meramal atau mengelak taburan hujan 100 tahun sekiranya datang lagi seperti pada 15 September 2017, kita boleh dan harus mempunyai rancangan untuk mengadaptasi dan bertindak balas kepada perubahan iklim.

Pada tahun 2016, kita telah mulakan Pelan Induk Perparitan seluruh negeri, daerah demi daerah untuk menaksir risiko banjir dan menggunakannya sebagai asas untuk penambahbaikan sistem perparitan. Sehingga kini, kita telah menyiapkan Pelan Induk Perparitan untuk Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan dan Daerah Barat Daya dengan kos RM1.45 juta. Bagi Seberang Perai Utara dan Daerah Timur Laut kajian sedang dilakukan. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan tambahan RM1.7 juta untuk tujuan ini.

Di masa depan, kita harap dapat memulakan satu Pelan Adaptasi Perubahan Iklim yang komprehensif untuk Pulau Pinang dan Seberang Perai supaya komuniti lebih tahu dan bersedia untuk menghadapi kesan perubahan iklim. Untuk menambahbaik sistem tindak balas kecemasan atau bencana alam sedia ada, kita akan mengadakan sistem *Penang Alert* dan akan membuat kajian untuk projek pemeliharaan lereng bukit dan mekanisma yang menelan sebanyak RM10 juta.

Secara kesimpulan YB. Dato' Yang di-Pertua,

Belanjawan 2018 akan mempunyai anggaran defisit sebanyak RM748.50 juta berbanding dengan defisit RM667 juta dalam Belanjawan tahun 2017. Namun begitu, Pulau Pinang mempunyai rekod unik apabila membentangkan anggaran belanjawan defisit setiap tahun tetapi tetap merekodkan lebihan setiap tahun, melalui penjimatan menerusi sistem tender terbuka dan pentadbiran CAT yang efisien berpaksikan prinsip cekap, akauntabel dan telus.

Besar kemungkinan ini merupakan Belanjawan terakhir sebelum Pilihan Raya Umum ke-14. Saya mengucapkan selamat maju jaya dalam pilihan raya akan datang. Kepada semua yang bakal lagi jadi calon tapi juga kepada yang hendak bersara, selamat bersara dan terima kasih atas perkhidmatan anda. Kepada mereka yang mungkin tidak berjaya dalam PRU yang ke-14, jangan bimbang itulah demokrasi, boleh cuba lagi.

Saya mengucapkan selamat maju jaya dalam pilihanraya akan datang dan sebagai untuk mengimbas balik sebagai ingatan 10 tahun lepas bila kita bentangkan belanjawan yang pertama, saya masih ingat lagi belanjawan pertama saya merupakan belanjawan *zero-based budgeting*. Apa itu *zero-based budgeting*, di mana setiap peruntukan kenalah menunjukkan dan juga menjustifikasikan kosnya *zero-based budgeting*. Iaitu di mana tumpuan adalah untuk memerangi dan mencegah rasuah dan pembaziran. Pada tahun-tahun kemudiannya kita menumpukan perhatian kepada prestasi dan hasil atau *outcome-based" budgeting*. Akhirnya apabila situasi kewangan kita sudah stabil dan kukuh, maka kita membawa Pulau Pinang ke tahap seterusnya sebagai Negeri keusahawanan dan berkebakikan.

Dan Belanjawan Marhaen tahun ini adalah lanjutan kepada penekanan yang kita telah berikan sepanjang masa ini ke atas rakyat biasa, rakyat kebanyakan. Dari bayaran tahunan RM600 kepada pemandu teksi dan bas sekolah kepada penarik beca yang menerima RM1,200 daripada Kerajaan Negeri, penekanan Kerajaan Negeri Pakatan adalah untuk meluaskan jaringan kebajikan kepada semua orang seperti ibu tunggal, ibu yang tidak bekerja, pelajar universiti, murid sekolah rendah dan menengah dan kini pelajar sekolah vokasional pun mendapat faedah.

Malah nelayan yang dilihat sebagai anti-kerajaan kerana penentangan mereka terhadap projek penambakan laut yang diperlukan untuk membiayai projek pengangkutan awam dan LRT, telah melihat faedah mereka ditingkatkan. Dahulunya mereka menerima pukut pantai secara percuma, tapi sekarang dapat *voucher cash* RM400 setahun. Semua bayaran tunai ini diagihkan kepada semua termasuk Ahli Barisan Nasional daripada UMNO, MCA, MIC dan Gerakan.

Ahli Barisan Nasional boleh sewa Dewan Kerajaan Negeri atau memasuki mana-mana jabatan Kerajaan Negeri tanpa sebarang masalah walaupun saya dilarang daripada memasuki sekolah rendah Cina. ADUN Barisan Nasional boleh mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM40,000 setahun tapi ini mereka tolak, ini mereka tolak. Manakala Ahli Parlimen Pembangkang dinafikan dan tidak diberikan sebarang peruntukan.

Kita tidak membalas dendam terhadap Barisan Nasional kerana kita anggap mereka sebagai rakyat Pulau Pinang. Kita mempunyai tanggungjawab moral dan tugas awam untuk menjaga semua termasuk lawan politik. Kita memanjangkan tangan kita menghulurkan tangan kita kepada anda kerana kita melihat ini sebagai *a government of the people, a government by the people, a government for the people*. Kerajaan daripada rakyat, untuk rakyat dan oleh rakyat.

Inilah sebabnya Kerajaan Negeri Pakatan Harapan adalah harapan bagi rakyat Marhaen, kita berkongsi semua ketakutan, semua impian dan semua harapan. Kita mempertahankan anda rakyat Marhaen kerana kita adalah anda. Kita semua adalah harapan.

YB. Dato' Yang di-Pertua saya mohon untuk mencadangkan. Sekian terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong.

8. ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018

Y.A.B. Ketua Menteri mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM684, 974,100 juta yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Bilangan 4 Tahun 2017 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2018 ini.

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong.

9. PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2018 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2018 akan bermula pada 6 November 2017 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguh pada jam 12.30 pagi.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
3.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
4.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
5.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
6.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
7.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
8.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
9.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
10.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
11.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
12.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
13.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
14.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
15.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
16.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
17.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
18.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
19.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
20.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
21.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
22.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
23.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
24.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
25.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
26.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
27.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
28.	YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
29.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
30.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
31.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
3.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
4.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
5.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
6.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
7.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
8.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
9.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

2. PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mengumumkan terdapat satu usul tergepar oleh YB. Padang Kota di bawah Peraturan 30.

3. USUL TERGEMPAR OLEH YB. PADANG KOTA

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) menyampaikan usul ucapan takziah kepada keluarga mangsa-mangsa yang telah terkorban nyawa semasa kejadian ribut dan hujan lebat pada 4 dan 5 hari bulan November di Negeri Pulau Pinang. Dewan yang mulia ini juga menyampaikan keprihatinannya kepada semua keluarga dan individu yang telah mengalami kerugian dan kerosakan harta benda akibat ribut dan hujan lebat ini.

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong usul tersebut.

4. PERBAHASAN TERHADAP USUL YB. PADANG KOTA

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fook) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan usul.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan usul.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan usul.

5. PENGGULUNGAN USUL

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) menggulung usul.

6. PEMBENTANGAN USUL

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) membentangkan usul untuk meluluskan pembayara elaun khas kepada mangsa banjir dan tidak berhasrat untuk dibahaskan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.25 tengah hari.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 8 NOVEMBER 2017 (RABU)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
15.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
16.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
17.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
19.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
20.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
21.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
22.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
23.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
24.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
26.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
27.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
28.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
29.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
30.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
31.	YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
32.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
33.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
34.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
35.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
36.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
2.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
3.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
4.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

1. DOA
2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Thanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 6. Bilakah projek tebatan banjir di kawasan Bagan akan siap dibina?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 7 Semasa Tempoh Pemutihan sehingga kilang/ kedai/struktur/kerja tanah haram mendapat kelulusan; apakah tindakan interim:

- (a) Memberhentikan Operasi dan Pemulihan Tanah jika mendapat bantahan penduduk dan warta tanah bendang?
- (b) Untuk JAS menguatkuasakan Seksyen 38 Akta Alam Sekitar memberhentikan operasi atau pun bantu kilang patuh syarat JAS.
- (c) Struktur-struktur haram selepas Laporan PAC 19/5/2017?

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 8. Senaraikan semua rumah orang tua dengan terperinci (nama/alamat/berlesen atau tidak berlesen/NGO, swasta atau kerajaan/kapasiti. dll) di seluruh Pulau Pinang). Huraikan keadaan penuaan (aging) di Negeri Pulau Pinang dan strategi, Pelan dan polisi kerajaan negeri pada masa jangka panjang. Huraikan kebajikan penuaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 9. Jelaskan status perancangan dan pembangunan tanah milik kerajaan di 1449 Peel Avenue untuk hospital dan berkaitan. Kenapa penduduk membantah. Ke mana hala tuju pembangunan tersebut?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 10. Bilakah projek naik taraf perkhidmatan tranplan, naik taraf blok wanita dan kanak-kanak, kerja amalan blok klinik pakar danwad hospital serta kuarters di Hospital Pulau Pinang akan bermula?

Ahli Kawasan Permatangan Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 11 Sila senaraikan jumlah projek, bilangan unit rumah kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dan kini Pakatan Harapan sejak 2008 hingga sekarang tanpa sumbangan dari pihak swasta dan juga Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No.12. Masalah nilai tanah yang melambung tinggi.

- (a) Apakah *risk assessment* Kerajaan Negeri tentang kemerosotan pasaran hartanah di Pulau Pinang?
- (b) Adakah kemerosotan dan kelembapan dalam sektor hartanah akan membawa krisis ekonomi?
- (c) Apakah *back up plan* Kerajaan Negeri sekiranya *bubble* pasaran hartanah pecah pada masa akan datang?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 13. Sila nyatakan tindakan daripada Kerajaan Negeri untuk mengelakkan kemalangan jalan raya yang sering berlaku di Jalan Paya Terubong (bahagian selepas Pangsapuri Green Garden) oleh sebab lori besar atau bas kilang. Adakah kerajaan mempunyai cadangan atau alternatif untuk menghalang kenderaan besar menggunakan Jalan Paya Terubong ke Relau atau Balik Pulau.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No.14. Pembangunan perumahan di Bukit Mertajam berkembang dengan pesat. Huraikan dengan teliti apakah dasar kerajaan negeri untuk memastikan infrastruktur seperti sistem lalulintas, sistem perparitan, hospital dan sekolah dapat menampung keperluan jumlah populasi penduduk dan kenderaan yang kian bertambah?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No.15. Sila jelaskan status terkini Projek-projek Kerajaan Negeri seperti berikut:

- (a) Projek Terowong Dasar Laut (Link Ketiga) yang menghubungkan Persiaran Gurney dengan Bagan Ajam.
- (b) Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) termasuk LRT/Monorel.
- (c) Pembinaan/tambakan 3 buah pulau baru di Selatan Pulau Pinang.

3. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7). Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

4. PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PEMBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 petang.

Dewan bersambung pada jam 2.30 petang.

5. SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) menyambung semula perbahasan. Ahli

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

6. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

Y.A.B. Ketua Menteri memohon dibawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang.

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong.

Sokongan sebulat suara.

7. SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA

Ahli Kawasan Penanti (YB. Ong Kok Fooi) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.40 petang.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
13.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
14.	YB. Ong Kok Fook	Berapit
15.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
16.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
17.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
18.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
19.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
20.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
21.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
22.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
23.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
24.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
26.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
27.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
28.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
29.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
30.	YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
31.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Aceh
	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
32.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
33.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
2.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
3.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
4.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
5.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
6.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

- Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
- Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

1. DOA
2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 16. (a) Sila nyatakan jumlah keseluruhan atlet sukan dari Negeri Pulau Pinang yang terlibat dalam semua acara di Sukan Sea 2017 di Kuala Lumpur.
- (b) Senaraikan jumlah atlet sukan dari Negeri Pulau Pinang yang berjaya merangkul pingat Emas, Perak dan Gangsa dalam setiap acara di dalam Sukan Sea 2017 di Kuala Lumpur.
- (c) Terangkan langkah Kerajaan Negeri dalam meningkatkan lagi jumlah atlet sukan dari Negeri Pulau Pinang dalam semua acara bagi mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 17. Nyatakan jumlah tan sampah sehari yang dibuang oleh rakyat di Negeri Pulau Pinang. Bagaimana PBT menyelesaikan masalah tersebut dan adakah tapak pelupusan sampah yang ada sekarang masih mampu menampung pertambahan sampah-sampah tersebut.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 18. Masalah lot lidi adalah masalah yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan Negeri. Kebanyakan pembeli mengalami masalah untuk memecahkan lot-lot tersebut. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan atau formula bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 19. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat menaiktaraf kawasan perumahan terutamanya kawasan perumahan di PPR Padang Tembak, Flat PPR dan sebagainya pada masa yang akan datang?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 20. Sejak akhir - akhir ini bencana banjir sering berlaku dalam Negeri Pulau Pinang, kenapa dan apakah punca sebenar berlakunya banjir ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 21. Pihak Polis memaklumkan terdapat permohonan lesen pusat hiburan keluarga tidak disokong tapi telah diluluskan.
- (a) Benarkah Terdapat Syarat Menyatakan Permohonan Secara Automatik Akan Diluluskan Selepas Satu Tempoh Walaupun Tidak Disokong Atau Diulas Oleh Mana-Mana Jabatan?
- (b) Berapakah bilangan lesen tersebut yang diluluskan dalam tahun 2008 hingga 2017 mengikut daerah? Senaraikan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 22. Apakah pencapaian Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (JPPPPP/SPEC) sejak penubuhannya pada tahun 2013? Adakah tujuan penubuhan Jawatankuasa tersebut sudah tercapai?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 23. Apakah semua projek-projek tembatan banjir yang dicadangkan, telah siap dilaksanakan sepenuhnya? Jika ya, kenapakah banjir masih berlaku dan dimanakah masalahnya? Jika tidak, kenapakah berlaku kelewatannya atau kenapa tidak dilaksanakan? Sila nyatakan secara terperinci.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 24. Pekerja di sektor elektronik bekerja dalam persekitaran yang terdedah kepada pencemaran bahan kimia yang berbahaya seperti sinar X dan ergonomik. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerja di kilang elektronik? Apakah statistik kemalangan dan penyakit yang berpunca daripada bahan kimia tersebut?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No.25. (a) Sila nyatakan dengan terperinci tentang perkembangan terhadap cadangan pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kota Giam, DUN Sungai Pinang.
- (b) Adakah apa-apa perancangan pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang lain di Pulau Pinang memandangkan bilangan pemohon dalam senarai menunggu mencecah beribu-ribu orang. Sila jelaskan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 26. Apakah hala tuju Penang SME Centre dan adakah inisiatif ini dikira berjaya atau boleh ditambah baik lagi? Apakah nama-nama dan jenis syarikat yang menyewa di Penang SME Centre?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 27. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat meminta Kerajaan Persekutuan membina sebuah Hospital Besar yang baru untuk rakyat Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 28. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merancang pembinaan banyak perumahan rakyat, sila nyatakan sehingga kini berapakah rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah mampu milik yang dibina sendiri (bukan oleh swasta) oleh Kerajaan Negeri dan siap diserahkan kunci kepada pembeli.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 29. Difahamkan bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah meluluskan Bajet Tahun 2017 untuk membina *U-turn* di Gat Lebuhraya Magazine ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan dekat Sungai Pinang sebanyak RM100,000.00. Adakah bajet tersebut mencukupi untuk melaksanakan projek ini?

3. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7). Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

4. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

Y.A.B. Ketua Menteri memohon dibawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang.

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong.

Sokongan sebulat suara.

6. KENYATAAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

Y.A.B. Ketua Menteri memohon untuk mengemukakan kenyataan di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 15 (1)(k).

7. PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL PEMBANGUNAN TAHUN 2018

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

8. SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) menyambung semula perbahasan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.15 petang.

Dewan bersambung semula pada jam 8.00 malam.

9. SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) menyambung semula perbahasan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan selama tiga (3) minit.

Dewan disambung semula.

10. SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.40 malam.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
13.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
14.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
15.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
16.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
17.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
18.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
19.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
20.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
21.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
22.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
23.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
24.	YB. Soon Lip Chee	Jawi

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
26.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
27.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
28.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
29.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
30.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
31.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
32.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
33.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
34.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
2.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
3.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
4.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi

1. DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 30. Apakah usaha yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya pintar (*smart city*)?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 31. Kesesakan Jalan Raya:

- (a) Apakah ada perancangan untuk mengatasi kesesakan dari Permatang Pauh ke Jambatan Pulau Pinang setiap pagi waktu bekerja dan dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Seberang Jaya di waktu petang?
- (b) Jika ada penstrukturan semula, bila ianya akan dilaksanakan?
- (c) Nyatakan kos yang diperlukan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 32. Berapakah jumlah wang telah diperuntukan oleh kerajaan Pusat untuk projek tebatan banjir di Negeri Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 33. Apakah status permohonan kemudahan awam KADUN Penanti:

- (a) Baikpulih/naiktaraf dewan-dewan JKKK Guar Perahu, Sg.Lembu, Kuala Mengkuang?
- (b) Naiktaraf ataupun Baikpulih Padang Bola Taman Guar Perahu yang dipetisyen 93 belia Taman kepada Ketua Menteri masa Majlis Pecah Tanah?
- (c) Membina baru Balai Lintang serta Jeti di Sg Kulim Kuala Mengkuang untuk rekreasi/sukan sungai?

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 34. Senaraikan semua pemaju dengan terperinci projek mereka (nama projek/lokasi/bilangan unit dibina/jenis pembangunan/lokasi/luasan/bilangan RMM, LMC atau LC dibina dan lain-lain). Huraikan status sumbangan pembangunan dalam ekonomi negeri, strategi dan langkah-langkah agar polisi 'satu orang satu rumah' tercapai.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 35. Adakah Kerajaan Negeri mungkir janji didalam isu pemulangan hartanah 50 Lebu Love, George Town kepada Majlis Klan Cina P.Pinang setelah Majlis Klan diberi jaminan oleh Kerajaan agar memberi laluan kepada Pejabat Tanah untuk merampas hartanah tersebut dibawah Kanun Tanah Negara dan kemudiannya akan dipulangkan melalui permohonan pemberianmilik. Jelaskan yang sebenarnya. bahawa akan diubah suai dengan keseluruhan ataupun buat pindaan pada tahun 2016, apakah statusnya sekarang?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 36. Pelan Induk Pengangkutan bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Apakah status pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan sehingga kini?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 37. Berapakah jumlah hutang negeri yang dipinjam dari Kerajaan Pusat dan luar Negara pada tahun 2013 hingga 2017.

- (a) Untuk apa pinjaman ini dibuat?
- (b) Berapa banyakkah Kerajaan Pusat melupuskan pinjaman?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 38. Senaraikan syarikat start-up yang dibangunkan di Pulau Pinang mengikut jenis perniagaan dan modal pelaburan syarikat tersebut. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyiapkan syarikat start-up serta menyediakan satu persekitaran yang mesra start-up? Nyatakan co-working space yang ada di Pulau Pinang mengikut luas permukaan, occupancy rate dan lokasi ruang-ruang tersebut.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 39. Sila nyatakan statistik projek perumahan mampu milik yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat di Negeri Pulau Pinang. Berapakah unit rumah mampu milik yang telah mendapat CCC yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat masing-masing.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 40. Huraikan dengan teliti *Standard Operating Procedure (SOP)* Kerajaan Negeri dalam mekanisme menghadapi bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh, ribut dan sebagainya.

- (a) Adakah peralatan, kelengkapan dan sumber manusia mencukupi? Senaraikan jenis dan jumlah peralatan mengikut agensi terlibat di Bukit Mertajam.
- (b) Senaraikan pusat penempatan sementara mangsa bencana di kawasan Bukit Mertajam.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 41. Mengikut Notis Kesalahan serta Tawaran Kompaun MPSP hanya 4 Kaunter Bayaran yang di sediakan untuk pembayaran kompaun iaitu di Bandar Perda, Butterworth, Sg Jawi, dan Bukit Mertajam selain bayaran melalui pos. Adakah MPSP merancang untuk menyediakan Kaunter Bayaran di Kepala Batas dan lain-lain tempat untuk memudahkan pembayaran kompaun?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 42. Adakah Kerajaan berhasrat memberi insentif bagi pekerja Am MPSP dan MBPP yang berdedikasi dalam memastikan kebersihan negeri sebagai tanda penghargaan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 43. Berapakah jumlah warga emas di kawasan KADUN Telok Bahang yang telah menerima bantuan dibawah Program Warga Emas sejak 2009 mengikut tahun, jumlah penerima dan kos setahun.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 44. Nyatakan jumlah keluasan tanah sawah sehingga kini yang masih mengusahakan dengan tanaman padi di kawasan DUN Pinang Tunggal. Jumlah keluasan tanah sawah yang telah ditambun. Apakah usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 45. Apakah projek penaiktarafan dan / atau rancangan pembangunan / pemajuan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di Ladang Hong Seng selepas berlakunya banyak kes tanah runtuh dan kejadian kes tanah mendapan baru - baru ini yang cukup membebankan Kerajaan Negeri?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

46. Kawasan manakah yang sering berlaku banjir dalam Negeri Pulau Pinang, sila senaraikan kawasan yang berlaku banjir mengikut Parlimen dan Kawasan DUN.

3. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7). Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam penyata rasmi.

4. SESI PERBAHASAN

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.15 tengahari.

Dewan disambung semula pada jam 3.00 petang.

5. SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

6. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

Y.A.B. Ketua Menteri memohon dibawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 11.00 malam.

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong.

Sokongan sebulat suara.

7. SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) menyambung semula perbahasan

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Abd Hamid) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu)) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan

Dewan ditangguhkan pada jam 10.40 malam.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua, Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
19.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
20.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
21.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
22.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
23.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
24.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Teh Lai Heng	Komtar
26.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
27.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
28.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
29.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
30.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
31.	YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
32.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
33.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
34.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
35.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
36.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
37.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
38.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
2.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
 Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan disambung semula pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 47. (a) Senaraikan 21,535 unit rumah mampu milik Kategori A dan B yang dibina sejak 2008 mengikut daerah dan pemaju.
- (b) Apakah benar maklumat 520 unit rumah mampu milik pertama siap sepenuhnya 12/2017
- (c) Adakah pemaju dikenakan syarat untuk menyiapkan rumah kos rendah/sederhana rendah sebelum sijil layak menduduki diluluskan? Jika tidak, jelaskan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 48. Berapakah projek tebatan banjir yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir sejak tahun 2013 menggunakan Tabung Caruman Perparitan? Berapakah nilai setiap projek tersebut?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No.49. Difahamkan, Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) telah membangunkan tanah-tanah wakaf sehingga kini, ada yang telah siap dan difahamkan, ada beberapa projek yang terbengkalai. Sila nyatakan jumlah projek yang telah siap dan yang terbengkalai serta sebab-sebab terbengkalai? Apakah tindakan yang dibuat kepada projek-projek terbengkalai itu?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 50. Kos sara hidup semakin meningkat dan membebankan golongan yang berpendapatan rendah termasuk penjaja berlesen yang berniaga kecil-kecilan. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memberikan suntikan Typhoid secara percuma kepada para penjaja kecil-kecilan dan menjadikan program ini salah satu daripada produk isejahtera kerajaan negeri kita?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 51. Untuk menggalak dan mengekalkan golongan wanita dalam sektor pekerjaan, pusat jagaan kanak-kanak dan Taska adalah salah satu faktor yang amat penting. Apakah inisiatif yang diambil oleh kerajaan pusat atau kerajaan Negeri untuk membantu dalam isu ini? Sila nyatakan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 52. Selain daripada pembeli rumah, ramai pekerja-pekerja di bandar perlu menyewa tempat tinggal. Contohnya adalah pekerja-pekerja administratif di pejabat, jururawat-jururawat, pekerja-pekerja bank, serta pekerja-pekerja am di kedai dan restoran. Apakah usaha untuk membantu melindungi kebajikan penyewa dan merancang kesediaan rumah atau bilik sewa untuk golongan ini?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 53. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mendesak Kerajaan Persekutuan membina sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru untuk kemudahan rakyat Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 54. Sila nyatakan dengan teliti berapakah jumlah peruntukkan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri kepada semua sekolah di negeri ini berbanding dengan Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 55. Apakah status tiga (3) projek lebuh raya di Pulau Pinang iaitu jalan raya berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang, jalan pintas yang menghubungkan Gurney Drive ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan jalan pintas yang menghubungkan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Bandar Baru Air Itam?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 56. Rumah Pangsa Awam, Taman Free School:

- (a) Berapakah keluasan tanah di Pangsa Awam di Taman Free School di bawah Bahagian Perumahan SUK dan MBPP?
- (b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menaiktaraf atau membina semula? Jika ada, bila akan dilaksanakan dan nyatakan kos diperlukan.
- (c) Jika tidak, apakah perancangan selanjutnya?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 57. Bilakah rumah mamput milik yang sedang di bina di kampung Jawa, Bagan Dalam akan siap?

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 58. Senaraikan semua tanah dan hartanah dengan terperinci (nama/lokasi/lot nombor/luasan/kegunaannya/status kini dan lain-lain) yang diserahkan kepada dan diperolehi CMI. Juga senaraikan tanah atau Hartanah CMI yang telah dipajakkan, dijual, ditOLkan dan lain-lain dengan terperinci. Huraikan tujuan/struktur/mekanisme/polisi CMI. Huraikan peruntukan kepada CMI.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 59. Perincian perbelanjaan yang telah digunakan untuk membida Penang Asia Pacific Masters Games 2018 dan berapakah jumlah yang dibelanjakan serta bilangan pegawai yang terlibat dalam mempromosikan acara ini di Shanghai, Osaka, Auckland, London dan tempat-tempat lain. Berapakah kos perbelanjaan ke Olimpik Rio de Janeiro di Brazil dan senaraikan peserta rombongan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 60. Berapa projek tebatan banjir yang dibangunkan dengan peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di setiap daerah dari tahun 2008 hingga kini? Sila nyatakan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah berjanji akan memasang lampu isyarat pada tahun ini 2017 di dua persimpangan jalan Pokok Tampang - Tasek Gelugor dan Tasek Gelugor - Kubang Menerong yang mana sehingga Oktober 2017 belum nampak tanda-tanda lagi.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No.62. Sejauh manakah konsep *Gender Responsive Participatory Budgeting, GRPB* diaplikasi dalam proses pembentukan belanjawan kerajaan negeri?

Terangkan peranan ADUN dan badan bukan kerajaan NGO dalam proses pembentukan belanjawan Kerajaan Negeri?

Nyatakan kesediaan kerajaan negeri membuka ruang kepada wakil rakyat dan *stakeholders* untuk menyuarakan pandangan dan cadangan dalam bajet dialog Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 63. (a). Apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan durian tempatan Pulau Pinang?
- (b). Apakah insentif yang Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu petani durian tempatan?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 64. Di bawah sektor pembangunan belia dan wanita, adakah Kerajaan Negeri berjaya mempromosi, memberi dorongan dan bantuan kepada belia dan wanita dalam sektor perdagangan, perindustrian serta seni, muzik dan budaya? Sila senaraikan nama individu yang telah berjaya dalam career mereka yang dibantu dan dipromosi oleh kerajaan negeri dalam sektor yang disebutkan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No.65. Dilaporkan di akhbar SPRM akan umum *ranking* kementerian berdasarkan kedudukan isu rasuah dan salah guna kuasa hujung 2017 merangkumi senarai 10 kementerian paling bermasalah dan 5 paling bersih bertujuan ke arah perkhidmatan berintegriti. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat melaksanakan cara yang sama untuk kebaikan pentadbiran negeri dan jelaskan kaedah yang akan dilaksanakan?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No.66. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan ekosistem di negeri ini tidak terjejas dengan kepesatan pembangunan seperti projek tebus guna tanah di kawasan pantai dan pembinaan di lereng bukit.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 67. Apakah pelan jangka pendek dalam menghadapi masalah banjir di Negeri Pulau Pinang. Huraikan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 68. Sila nyatakan jumlah staf di Pejabat Ketua Menteri mengikut tahun dan jawatan dari tahun 2008 hingga 2016. Berapakah jumlah gaji yang terpaksa dibayar kepada staf pada setiap bulan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No. 69. Kawasan Kampung Batu Gantung, Taman Lumba Kuda yang terperangkap diantara sungai Air Itam (Masjid Negeri) dan sungai Batu Gantong (Turf Club, Bukit Perkuburan Batu Gantong) sentiasa mengalami perbanjiran yang teruk, selain daripada kaedah semasa yang dilaksanakan yang terbukti tidak berapa berkesan, apakah strategi kerajaan untuk menyelesaikan masalah banjir di situ?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

70. Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di Pulau Pinang dan berapakah peruntukan sumbangan yang diberikan kepada mangsa - mangsa banjir.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- No.71. (a) Senaraikan keluasan tanah sawah yang ditambun secara haram dan yang diberi kelulusan oleh PBT dari 2008 hingga 2017 mengikut daerah.
- (b) Apakah tindakan oleh PBT setelah tiada kelulusan kerja tanah?
- (c) Apakah yang akan jadi kepada tanah sawah yang telah ditambun secara haram?

3. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 1 jam 30 minit untuk soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

4. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

Y.A.B. Ketua Menteri memohon dibawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 11.00 malam.

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong.

Sokongan sebulat suara.

5. PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.40 tengah hari.

Dewan bersambung semula pada jam 2.30 petang.

6. SESI PENGGULUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) mengambil bahagian dalam penggulungan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2018 Dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2018.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang

Dewan bersambung semula pada jam 8.00 malam.

7. SAMBUNGAN SESI PENGGULUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) menyambung penggulungan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.10 malam.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua, Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
19.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
20.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
21.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
22.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
23.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
24.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Teh Lai Heng	Komtar
26.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
27.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
28.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
29.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
30.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
31.	YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
32.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
33.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
34.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
35.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
36.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
37.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
38.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man	Permatang Pasir
2	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
 Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan disambung semula pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No.72. Bilakah Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 dijangka akan berkuat kuasa sepenuhnya? Sejauh manakah pengenalpastian kawasan lapang yang akan diserahkan kepada Perbadanan ini?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No.73. Sila senaraikan ajaran-ajaran salah dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang telah diwartakan dan tarikh bila diwartakan? Dan di antara perkara yang telah diwartakan, berapakah kes yang telah diambil tindakan?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No.74. Banjir kilat yang berlaku pada 15 September 2017 berpunca daripada kegagalan hutan berperanan sebagai kawasan tadahan hujan. Adakah kerajaan negeri berinisiatif untuk memantau projek pembangunan di kawasan cerun bukit? Adakah kerajaan negeri ada rancangan untuk menjalankan sistem perparitan yang mapan untuk menampung kuantiti air hujan yang luar biasa?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 75. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang tidak dapat menampung bilangan pelancong dan ketibaan penerbangan yang kian bertambah samada dari domestik atau antarabangsa. Apakah perancangan oleh kerajaan pusat atau kerajaan negeri untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ? Sila nyatakan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

No. 76. Kelajuan internet penting untuk aktiviti dan aplikasi yang meningkatkan efisiensi dan kecekapan. Namun kelajuan internet di Pulau Tikus, Persiaran Gurney dan Mt Erskine masih terhad dan perkhidmatan fiber optik seperti TIME masih belum disempurnakan lagi. Apakah usaha kerajaan untuk mempercepatkan kesediaan kelajuan internet yang paling cepat untuk kawasan Pulau Tikus?

3. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan sesi soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

5. SESI PENGGULUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.15 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang

6. JADUAL

Kepala B.01	-	Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan - RM164,609,130.00.
Kepala B.02	-	Pejabat Tanah dan Galian - RM10,608,390.00.
Kepala B.03	-	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut - RM7,984,851.00.
Kepala B.04	-	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya - RM7,046,826.00.
Kepala B.05	-	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara - RM8,823,070.00.
Kepala B.06	-	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Tengah - RM8,276,467.00.
Kepala B.07	-	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Selatan - RM6,496,212.00.
Kepala B.08	-	Jabatan Pengairan dan Saliran - RM38,906,532.00.
Kepala B.09	-	Jabatan Perhutanan - RM3,700,340.00.
Kepala B.10	-	Jabatan Taman Botani - RM5,123,150.00.
Kepala B.12	-	Jabatan Kerja Raya - RM38,954,779.00.
Kepala B.13	-	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam - RM21,084,240.00.
Kepala B.14	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat - RM10,440,230.00.
Kepala B.15	-	Jabatan Perancang Bandar dan Desa - RM5,336,070.00.
Kepala B.16	-	Jabatan Kewangan Negeri - RM850,413,740.00.
Kepala B.17	-	Jabatan Perkhidmatan Veterinar - RM6,768,012.00.
Kepala B.18	-	Jabatan Pertanian - RM8,911,720.00.
Kepala B.19	-	Jabatan Mufti - RM2,992,290.00.
Kepala B.20	-	Jabatan Kehakiman Syariah - RM7,767,880.00.

Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2018, telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan.

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Y.A.B. Ketua Menteri memohon bawanya Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM684,974,100.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ratus Lapan Puluh Empat Juta, Sembilan Ratus Tujuh Puluh Empat Ribu, Satu Ratus) yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Bil. 4 Tahun 2017 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2018 itu.

Usul dipersetujui.

7. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

Y.A.B. Ketua Menteri memohon supaya masa persidangan tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai selaras dengan Peraturan 6A (1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong.

Sokongan sebulat suara.

8. RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN TAMAN NEGERI (BOTANI) PULAU PINANG 2017

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) mencadangkan supaya Rang Undang-undang Bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pengendalian, pengawalan, pemeliharaan, pemuliharaan, penyelidikan tumbuh-tumbuhan, flora dan fauna dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya di kawasan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) menyokong dan membahas.

9. PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN TAMAN NEGERI (BOTANI) PULAU PINANG 2017

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mencadangkan pindaan di bawah Klausa 9e Peraturan 63(2).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T Jayabalan A/L A. Thambyappa) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

10. PENGGULUNGAN USUL

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) menggulung usul Rang Undang-undang Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang 2017

Usul dipersetujui dan diterima.

11. PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mengumumkan cadangan pindaan keanggotaan kepada Fasal 9(1)(e) ke atas Rang Undang-Undang Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang 2017.

Sokongan sebulat suara.

12. USUL DARIPADA AHLI KAWASAN PULAU BETONG

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) mengemukakan usul untuk mengarahkan Kerajaan Negeri agar semua pembangunan di lereng bukit diberhentikan dengan serta merta.

Usul disokong oleh Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) dan membahaskannya.

YB. Timbalan Ketua Menteri I mencadangkan supaya usul dari Ahli Kawasan Pulau Betong dipinda

Sokongan secara majoriti oleh Ahli-ahli Kerajaan atas cadangan pindaan usul tersebut.

Ahli-ahli Pembangkang meninggalkan Dewan di atas cadangan pindaan usul dari Ahli Kawasan Pulau Betong.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

13. PENGGULUNGAN USUL

YB. Timbalan Ketua Menteri I membuat penggulungan.

Usul dipersetujui.

Dewan ditangguhkan selama 10 minit.

Dewan disambung semula.

14. NOTIS PENANGGUHAN

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) mengemukakan notis penangguhan di bawah Peraturan 29.

YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam ucapan balas.

15. UCAPAN PENANGGUHAN

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dan menangguhkan Dewan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.45 petang.



(YB. DATO' LAW CHOO KIANG, DMPN)

Yang di-Pertua
Dewan Undangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 28 Februari 2018